

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid III

Bil. 18

Hari Rabu

6 Ogos 1997

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Perutusan Daripada Dewan Rakyat

(Ruangan

)

URUSAN MESYUARAT

(Ruangan)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

(Ruangan

)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997

(Ruangan

)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Ruangan)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Jualan Ubat dan Ubat Tiruan

- Y.B. Puan Kamelia binti Ibrahim)

(Ruangan)

Calon Bebas Bertanding Dalam Pilihan Raya

- Y.B. Dato' Haji Ahmad bin Ismail)

(Ruangan)

PARLIMEN KESEMBILAN

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)

“ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)

“ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

“ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)

“ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

“ Tuan Ding Seling (Dilantik)

“ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)

“ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)

- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

DEWAN NEGARA
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DEWAN NEGARA

Rabu, 6 Ogos 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“5 Ogos 1997

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT
KEPADA DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1997;
2. Rang Undang-undang Pembahagian (Pindaan) 1997; dan
3. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1997.

Yang ikhlas,

tandatangan:

Yang di-Pertua Dewan Rakyat”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Rahim Baba.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.1.

PELABURAN DI KEMBOJA - JUMLAH DAN JENIS

1. Tuan Hanipah bin Ahmad [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah pelaburan dan jenis pelaburan rakyat Malaysia di Kemboja setakat ini. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan pelabur rakyat Malaysia terselamat akibat dari berlakunya pergolakan politik di Kemboja baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan Dato' Abdul Aziz Rahman bertarikh 11 Ogos 1997, Puan Mastika Junaidah bertarikh 12 Ogos 1997 dan Tuan Abdillah Abdul Rahim bertarikh 13 Ogos 1997 kerana semuanya ada berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat 32 projek pelaburan Malaysia di Kemboja bernilai RM5.9 billion. Pelaburan Malaysia adalah dalam sektor pembinaan hotel, kompleks beli-belah dan hartanah, pelancongan, tekstil dan pakaian, pemprosesan makanan, elektronik, plastik, perladangan, kewangan, sektor tenaga dan pengangkutan.

Setakat ini hanya tiga projek pelaburan yang mengalami kerugian secara langsung akibat pencerobohan dan kecurian barang-barang gantian, aksesori, stok dan mesin oleh golongan-golongan tertentu dalam kekacauan di Kemboja baru-baru ini. Jumlah kerugian dianggarkan bernilai RM80.1 juta.

Dari segi keselamatan fizikal, pelabur dan pekerja dari Malaysia telah mendapat bantuan kedutaan Malaysia di Phnom Penh untuk pulang ke tanah air semasa berlaku kekacauan itu.

Dari segi perlindungan pelaburan, Malaysia telah menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan Kemboja pada Ogos 1994. Kerajaan Kemboja telah memaklumkan akan membayar

pampasan akibat kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat dan pelabur-pelabur asing. Jaminan juga telah diberikan bahawa pelaburan-pelaburan asing tidak akan diambil alih. Kemboja sedar bahawa tindakan pengambilalihan pelaburan asing akan merugikan mereka sendiri dalam usaha memulihkan ekonomi Kemboja.

Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan di Kemboja untuk memberi nasihat kepada pelabur-pelabur Malaysia bagi meneruskan pelaburan mereka di negara itu. Keputusan untuk melabur di luar negeri adalah tertakluk kepada pelabur sendiri setelah meneliti keadaan ekonomi, politik dan keselamatan negara di mana pelaburan ditujukan. Kerajaan hanya dapat menyediakan suasana dua hala yang lebih stabil bagi pelaburan seperti memeteraikan Perjanjian Jaminan Pelaburan serta memberi nasihat dari masa ke semasa mengenai keadaan keselamatan di negara itu.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Rahman juga telah meminta mengenai jumlah pelaburan Malaysia di Albania. Jumlah pelaburan Malaysia di Albania bernilai RM10.4 juta. Projek-projek yang diceburi terdiri daripada pelaburan dalam sektor pembinaan, perbankan dan projek pembangunan sebuah pusat perniagaan. Dari segi perlindungan ke atas pelaburan Malaysia di Albania, Kerajaan Malaysia telah menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan Kerajaan Albania pada 24 Januari 1994. Tujuannya ialah untuk menyediakan suasana pelaburan yang lebih baik di antara kedua-dua negara.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerugian pelaburan negara Malaysia di negara-negara seperti yang disebutkan tadi sedikit-sebanyak memberi kesan kepada kestabilan mata wang negara kita?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini daripada fahaman kementerian, kesannya tidak ketara.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih di atas jawapan yang telah pun diberikan oleh pihak kerajaan tadi. Saya ingin bertanya dengan keadaan politik yang tidak stabil di Kemboja, apakah nasihat pihak kerajaan kepada pelabur-pelabur yang telah pun melabur di sana dan adakah negara-negara lain sebagai alternatif untuk kita memperluaskan lagi pelaburan kita di Asia Tenggara ini?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan daripada peringkat permulaan lagi telah menasihati pelabur-pelabur kita untuk memaklumkan dan memberitahu pihak-pihak kita dan wakil-wakil kita, khususnya kedutaan negara mengenai perkembangan dan

pendekatan serta juga pelaburan yang telah dibuat oleh pelabur-pelabur Malaysia supaya kita dapat mengambil inisiatif sama ada melalui saluran politiknya atau daripada hubungan-hubungan lain di antara kedua-dua negara untuk membantu pelabur-pelabur kita.

Mengenai menuju dan menumpukan tumpuan kita kepada negara-negara lain dan negara-negara membangun, kerajaan sentiasa mengingatkan kepada pelabur-pelabur kita bahawa risiko yang wujud sama ada risiko politik, pasaran, infrastruktur yang sedia ada di negara-negara tersebut harus dipikul oleh pelabur-pelabur kita. Kerajaan hanya dapat memainkan peranan sebagai fasilitator dan juga menyediakan insentif-insentif sama ada insentif fiskal atau bukan fiskal untuk menyediakan satu suasana dan prasarana yang dapat membantu mereka mencari jalan untuk menerokai pasaran-pasaran baru tetapi pada hakikatnya risiko sama ada dari politik atau ekonominya harus dipikul oleh pelabur-pelabur kita sendiri.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat pandangan daripada pihak kerajaan, apakah pandangan kerajaan kalau wujudnya pelabur-pelabur daripada Malaysia yang ingkar mematuhi nasihat-nasihat yang disuarakan oleh pihak kerajaan?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan tadi tanggungjawab dan beban untuk menganalisa dan memikul risiko itu adalah di atas bahu dan kepala pelabur-pelabur kita. Kerajaan hanya dapat membantu dari segi keadaan dan pendekatan G-to-G dan juga perjanjian-perjanjian yang sedia ada. Sekiranya mereka tidak mengikuti, tidak ingin mengambil tahu suasana dan kelebihan yang ada di antara pendekatan kedua-dua kerajaan dan mereka akan mengambil risiko yang tidak dapat kita bela.

ARAK DAN ROKOK - LARANGAN MEMBELI OLEH KANAK-KANAK

2. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa kementerian beliau telah membuat larangan kanak-kanak di bawah 16 tahun daripada membeli arak dan rokok dari kedai. Adakah larangan ini dipatuhi oleh pekedai dan berapa ramai yang telah didakwa melanggar larangan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 1993, seseorang itu dilarang daripada menjual rokok kepada mereka yang berumur 18 tahun ke bawah. Buat masa ini ada pekedai yang mematuhi dan sesetengahnya tidak mematuhi peraturan ini. Oleh itu pegawai berkuasa yang menguatkuasakan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau telah diarahkan untuk meningkatkan

lagi aktiviti penguatkuasaan. Sejak peraturan ini dikuatkuasakan, sebanyak 14 notis kompaun telah dikeluarkan kepada mereka yang menjual rokok kepada remaja berumur 18 tahun ke bawah.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana telah berjaya mengawal mengenai perokok-perokok bagi kanak-kanak dan juga mereka yang sudah dewasa. Tetapi setakat ini saya ingin mengemukakan soalan tambahan ialah bagaimanakah perimbangan antara larangan merokok oleh Kementerian Kesihatan dengan pengiklanan jenama-jenama rokok yang telah dilakukan oleh syarikat-syarikat yang berkaitan?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan telah pun mengharamkan pengiklanan rokok secara langsung (direct advertisement) tetapi pengiklanan secara tidak langsung (indirect advertisement) adalah masih dibenarkan. Kementerian Kesihatan memang bercadang untuk mengharamkan pengiklanan rokok secara tidak langsung ini bagi menguatkan lagi usaha kementerian mencegah orang awam daripada amalan merokok. Namun demikian, Kementerian Kesihatan Malaysia belum bercadang untuk mengharamkan pengiklanan rokok secara tidak langsung ini secara mendadak tetapi sebaliknya akan dilaksanakan secara berperingkat.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian menyedari bahawa di seluruh negeri Sabah terdapat penjual-penjual rokok yang menjual secara sebatang-sebatang. Bermakna, 10 sen atau 20 sen untuk sebatang. Kalau kementerian menyedari ini, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian ini kerana saya rasa kalau ini dibiarkan, ini bukan lagi 16 tahun, saya ingat 13 tahun pun mahu beli rokok dengan harga seumpama ini.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, pekedai-pekedai tidak boleh jual rokok satu batang ataupun satu kotak. Itulah undang-undang kita.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah peraturan-peraturan yang telah dibuat oleh pihak kementerian ini dapat memastikan remaja-remaja dan belia-belie tidak boleh untuk membeli rokok-rokok yang masih bebas dijual di kedai-kedai.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah berusaha sedaya-upaya untuk menasihatkan orang ramai terhadap bahaya merokok. Didapati bahawa usaha-usaha melalui pendidikan dan kempen-kempen adalah lebih berkesan bagi mengurang tabiat merokok. Penguatkuasaan undang-undang hanya deterrent form sahaja, dengan izin. Walau bagaimanapun, kesedaran dan kerjasama orang ramai amatlah penting bagi mencapai objektif kempen anti rokok.

VISA - KELONGGARAN KEPADA PELAWAT HONG KONG

3. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kelonggaran visa yang diberi kepada pelawat-pelawat dari Hong Kong setelah ianya menjadi sebuah wilayah Republik Rakyat China diberi juga kepada semua pelawat-pelawat dari Republik tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kesemua pemegang dokumen perjalanan Republik Rakyat China (RRC) dikehendaki mendapatkan visa untuk masuk ke Malaysia. Sebarang kajian semula bagi maksud melonggarkan syarat kemasukan tersebut adalah berdasarkan kepentingan negara dari segi keselamatan, ekonomi dan politik. Ianya tidak berkait dengan kedudukan Hong Kong menjadi wilayah Republik Rakyat China.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan sedar bahawa pada masa ini terdapat ramai pendatang daripada luar seperti Jepun, China, Taiwan, Hong Kong dan sebagainya menggunakan visa, dan dalam masa yang sama bekerja di syarikat-syarikat. Ini akan merugikan negara kerana mereka ini membawa wang kita keluar.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat, dan kalau Yang Berhormat ada maklumat sila maklumkan kepada kementerian, kita akan mengambil tindakan yang selaras dengan report yang berkenaan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebelakangan ini kita terbaca ramai sangat wanita-wanita muda daripada negeri China dan sebagainya, macam seolah-olah menembusi sempadan kita untuk datang ke sini, selepas itu membuat kerja-kerja yang kurang baik. Jadi, soalnya saya hendak tanya apakah prosedur di peringkat hendak masuk menerusi Jabatan Imigresen. Apakah prosedur pegawai-pegawai kita bila tengok yang cantik-cantik ini, minta visa ataupun tidak ada visa pun, sekarang ini tidak ada visa pun masuk ke negara kita, apakah soalan-soalan yang ditanya, kerana ramai sangat kita tengok yang menembusi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Yang Berhormat amat prihatin berkenaan dengan perkara ini, dan saya yakin Yang Berhormat tidak pernah bertemu dengan mereka ini. Walau bagaimanapun, sewaktu lawatan saya ke Penjara Kajang, saya bertemu ramai di antara mereka ini yang berada dalam penjara kita. Kebanyakan mereka ini masuk ke negara kita menggunakan visa pelancong tetapi akhirnya bekerja di kelab malam, karaoke dan sebagainya. Itulah sebabnya kita tidak membenarkan rakyat-rakyat daripada Republik Rakyat China ini

datang ke Malaysia tanpa visa. Dengan menggunakan visa pun mereka masih dapat datang ke negara kita untuk bekerja.

PELABURAN DALAM PENANAMAN KELAPA SAWIT DI INDONESIA

4. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-
- (a) berapakah jumlah keluasan tanah dan modal yang dilaburkan dalam industri tanaman kelapa sawit di Indonesia oleh agensi kerajaan dan swasta; dan
 - (b) berapakah yang sudah beroperasi, adakah untuk kegunaan tempatan atau dieksport. Adakah pada hemat kerajaan, pelaburan ini berterusan menguntungkan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama. Jumlah keluasan tanah yang telah dilaburkan oleh agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat perladangan Malaysia secara usaha sama dengan syarikat-syarikat Indonesia bagi tanaman kelapa sawit yang mana telah diberi taraf Penanaman Modal Asing (PMA) oleh Kerajaan Indonesia meliputi kawasan seluas 684,800 hektar. Sementara itu, perangkaan yang tepat mengenai modal yang telah dilaburkan tidak diperolehi kerana syarikat-syarikat tidak diperlukan memberikan angka pelaburan sebenarnya kepada Kementerian Perusahaan Utama.

Dalam pada itu, pihak Badan Koordinasi Penanaman Modal (BKPM) di Indonesia telah memberikan anggaran pelaburan syarikat-syarikat Malaysia di Indonesia ialah dalam lingkungan RM2 bilion. Sementara itu, sebanyak 26 syarikat-syarikat pelaburan Malaysia telah melaksanakan perancangan dan peringkat awal di bidang tanaman kelapa sawit. Kerajaan Malaysia telah menggalakkan pelaburan asing termasuk di bidang peladangan terutamanya di negara-negara mempunyai kesesuaian tanah dan iklim seperti Indonesia, kerana negara kita telah mula menghadapi masalah-masalah persaingan antara pelbagai kegunaan tanah dan kekurangan pekerja yang meruncing. Berasaskan maklum balas yang diterima, pelaburan di luar negara adalah menguntungkan dan dapat mengatasi masalah kekurangan tanah dan tenaga pekerja serta mengekal daya saing industri kelapa sawit Malaysia.

PESARA KAKITANGAN KERAJAAN - KEISTIMEWAAN BERKHIDMAT SEMULA

5. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar atau tidak baru-baru ini Jabatan Perkhidmatan Awam memberi keistimewaan kepada kakitangan kerajaan yang telah bersara tetapi berminat untuk berkhidmat semula. Jika benar, bagaimana dengan sambutanannya dan berapa lamakah perkhidmatan mereka ini dibenarkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menggalakkan supaya anggota sektor awam yang telah bersara supaya menerus kerjaya mereka dengan pihak swasta sebagai satu usaha untuk mengurangkan masalah kekurangan pekerja yang dihadapi oleh sektor berkenaan. Perkara ini telah pun dimklumkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.2, 1996 pada 6 Ogos 1996 yang lalu.

Kerajaan juga membenarkan para pesara berkhidmat semula dengan sektor awam jika mereka mempunyai prestasi kerja yang cemerlang dan perkhidmatan mereka diperlukan. Walau bagaimanapun, bilangan mereka adalah terhad kerana pemilihan mereka perlu dengan berhati-hati supaya ia tidak menjejaskan peluang pekerjaan dan kenaikan pangkat kepada golongan yang lebih muda. Perkhidmatan mereka di dalam perkhidmatan awam dilantik secara kontraktor mengikut tempoh tertentu hingga mereka berumur 65 tahun.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita tengok pesara-pesara kita sekarang ini, banyak keistimewaan-keistimewaan tidak ada. Keistimewaan untuk tambang kapal terbang 50% tetapi kena tunggu seminggu. Kalau ada kosong baru dapat. Bas-bas tidak beri penurunan tambang. Kalau tempat duduk tidak dituliskan untuk pesara ataupun orang tua. Di negara-negara lain seperti Australia misalnya, keistimewaan-keistimewaan seperti ini diberi. Adakah pihak kerajaan memikirkan perlu mengingat jasa pesara-pesara untuk memberi terus tiket kapal terbang 50% apabila mereka pergi ke kaunter untuk membuat tempahan, jangan menunggu sampai seminggu. Adakah kerajaan juga bersetuju untuk mengadakan di bas-bas beri tempat duduk kepada orang tua dan pesara. Kita beri sedikit keistimewaan kepada pesara-pesara kita. Ada juga yang hendak tepuk. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya rasa soalan kerajaan sepatutnya bersetuju dan beri cerita sedikit pelaksanaan-pelaksanaan dan keistimewaan-keistimewaan yang lain yang boleh diberi kepada pesara, termasuk Yang Berhormat yang akan bersara pada satu hari nanti. *[Ketawa]*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal sama ada kerajaan mengambil berkhidmat semula kepada para pesara, saya telah jawab, memang kita mengambil. Ini juga

merupakan satu keistimewaan kepada mereka. Yang lain itu, kita akan pertimbang dari masa ke semasa jika kita mampu, kita akan laksanakan. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati keadaan negara kita berubah daripada masa lampau. Panjang hayat penduduk-penduduk negara kita telah meningkat. Begitu juga dari segi kesihatan penduduk telah pun lebih daripada masa yang lampau. Kita dapati ada juga di antara pesara-pesara ini yang diambil sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dikira bulan-bulan. Kadang-kadang dikira tahun ke tahun pengambilannya. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah pihak kerajaan bercadang untuk melanjutkan usia pesaraan bagi pekerja-pekerja perkhidmatan awam ini?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita mengekalkan Akta Pencen yang mana pesaraan tetap ialah 55 tahun. Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan umur bersara wajib kepada umur yang lebih daripada 55 tahun.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA SARAWAK - BILANGAN YANG BERDAFTAR

6. **Tuan Ding Seling** Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bilangan syarikat bumiputera dari Sarawak yang telah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) sehingga Jun 1997 ini, dan apakah taraf serta bilangan pelbagai kelas yang telah diluluskan.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, bagi bilangan kontraktor di negeri Sarawak yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor sehingga 31 Julai 1997 ialah 221 kontraktor, di mana 138 adalah kontraktor bertaraf bumiputera dan 83 bukan bumiputera. Bagi kontraktor bertaraf bumiputera pecahan mengikut kelas ialah seramai 3 dalam kelas A, 3 dalam kelas BX, 20 kelas D, 10 kelas E, 9 kelas EX dan 93 kelas F.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benarkah dakwaan kebanyakan warga kontraktor kita menyatakan bahawa pengurusan dan pejabat urusan Pusat Khidmat Kontraktor di pusat dan di seluruh negara tidak mempunyai peralatan yang mencukupi sehingga dapat memberi perkhidmatan kepada ahli-ahli kontraktor sehingga melambatkan permohonan, pembaharuan pendaftaran dan sebagainya?

Tuan Idris bin Jusoh: Kementerian mengakui ada beberapa kelemahan di Pusat Khidmat Kontraktor seluruh negara. Untuk mengatasi masalah ini Pusat Perkhidmatan Kontraktor (PKK) telah mengadakan 'Hari Rundingcara' untuk mengatasi masalah-masalah ini. Contohnya, pada 4 Julai yang lalu 'Hari Rundingcara' peringkat nasional telah diadakan. Bagi negeri Johor akan diadakan pada 18 Ogos ini dan pada 23 Ogos ini satu lagi akan diadakan di negeri Kelantan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, daripada 83 kontraktor bumiputera yang terdapat di negeri Sarawak ini, berapakah kontraktor yang diiktiraf sebagai kontraktor berwibawa?

Tuan Haji Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, ada 17 kontraktor berwibawa, 3 dalam Kelas A, 1 dalam Kelas BX dan 13 lagi kontraktor yang berdaftar dengan agensi-agensi lain.

**KETUA ISI RUMAH ORANG ASLI 1993 -
BILANGAN MELEPASI PARAS TERMISKIN**

7. **Tuan Long bin Jidin** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan daripada 17,446 Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Asli dalam tahun 1993:-

- (a) berapa ramaikah KIR yang telah melepasi paras termiskin dan bilakah jangkannya KIR tersebut mencapai paras termiskin sifat; dan
- (b) berapakah bilangan KIR yang menikmati skim pinjaman ASB di bawah program kemiskinan masyarakat Orang Asli.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin:

- (a) Sehingga kini seramai 3,496 ketua isi rumah Orang Asli telah melepasi garis kemiskinan. Dengan penglibatan yang positif dan komitmen bersama masyarakat Orang Asli setempat dijangka paras kemiskinan di kalangan mereka akan dapat dikurangkan ke tahap yang minimum mungkin keparas yang sifar dalam jangka masa lima ke sepuluh tahun yang akan datang.
- (b) Mengikut rekod kementerian ini, setakat ini bilangan ketua isi rumah yang menikmati skim pinjaman ASB di bawah

Program Kemiskinan Masyarakat Orang Asli ialah seramai
13,950.

Tuan Long bin Jidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian ada mengarahkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk melaksanakan program pinjaman Amanah Saham Bumiputera secara berperingkat-peringkat ataupun secara berterusan, sebab apa saya bertanya demikian, sejak akhir-akhir ini tidak ada lagi pinjaman itu dilaksanakan.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, dalam program ini kementerian hanya memberi bantuan tetapi program ini diuruskan oleh Kementerian Luar Bandar.

PUSAT HAEMODIALISIS - CADANGAN MEMBANYAKKAN LAGI

8. **Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kerajaan sedar angka pesakit “buah pinggang” makin lama makin besar di Malaysia dan mereka daripada kalangan miskin sentiasa menghadapi masalah kewangan untuk mendapat rawatan “haemodialysis”, sama ada kerajaan membina Pusat Rawatan Buah Pinggang di setiap kawasan Parlimen, supaya ia dapat membantu pesakit tersebut.

Dato’ M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar tentang bilangan pesakit buah pinggang, dengan izin, end stage renal failure yang makin bertambah setiap tahun dan masalah yang dihadapi oleh mereka yang kurang mampu. Untuk membantu pesakit-pesakit ini, Kementerian Kesihatan akan menubuhkan lebih banyak pusat haemodialisis di hospital-hospital seluruh negara. Sehingga akhir tahun 1997, Kementerian Kesihatan mempunyai 24 pusat haemodialisis yang beroperasi dengan jumlah

245 mesin. Kementerian sedang membina 8 lagi pusat tersebut pada tahun 1997 dan 10 lagi pusat dirancangkan bagi tahun 1998.

Sebagai tambahan kepada pusat-pusat dialisis yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan, kerajaan juga memberikan bantuan kepada pusat-pusat rawatan yang ditubuhkan oleh badan-badan bukan kerajaan seperti Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan yang diberikan RM25 juta dan Pusat Dialisis MAWAR, Seremban sebanyak RM3 juta.

Kementerian Kesihatan juga menyokong pusat-pusat dialisis yang ditubuhkan oleh Badan-badan Bukan Kerajaan dengan memberi khidmat nasihat tentang aspek teknikal penubuhan pusat dialisis tersebut serta latihan kepada tenaga anggota mereka. Dengan cara ini lebih ramai pesakit yang kurang mampu menerima rawatan dengan kos yang mampu dibayar.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu mengapa pada akhir-akhir ini banyak orang yang menghidap sakit buah pinggang, sakit kencing manis, sakit lemah jantung, pada hal zaman sekarang ini banyak kedokteran, makanan telah banyak diperkemaskinikan begitu baik sekali. Mengapa timbul dan apakah langkah kementerian berkenaan untuk menyekat daripada begitu ramai orang yang menghidap sakit buah pinggang dan sakit kencing manis.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada sebab-sebab dan butir-butir yang tertentu, saya boleh jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah benar khidmat haemodialisis ini akan diswastakan?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak menswastakan khidmat haemodialisis, tetapi memang kita menggalakkan sektor swasta menubuhkan pusat haemodialisis.

KWSP - PELABURAN MEMBINA RUMAH KOS RENDAH

9. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Kewangan menyatakan:-
- (a) apakah pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh KWSP dan berapakah jumlah yang digunakan untuk membina rumah kos rendah dan kos sederhana; dan
 - (b) berapakah jumlah dan peratusan daripada tabung ini yang dilaburkan dalam KLSE.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga tanggal 30 Jun 1997 ini KWSP telah melabur sebanyak RM37.34 bilion ataupun bersamaan dengan 30.7% dananya dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia, RM28.84 bilion ataupun bersamaan dengan 23.7% dalam pinjaman, sebanyak RM21.06 bilion ataupun bersamaan dengan 17.3% dalam ekuiti, RM3.39 bilion ataupun bersamaan dengan 27.9% dalam pasaran wang dan RM0.47 bilion ataupun bersamaan dengan 0.4% dalam harta tanah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pembinaan rumah kos rendah dan sederhana pula, setakat ini KWSP telah melabur sejumlah RM76 juta dan dari jumlah tersebut sebanyak RM13 juta sebagai ekuiti dalam syarikat usahasama dengan syarikat swasta dan RM63 juta bagi membeli tanah untuk dimajukan dengan pembangunan iaitu pembangunan bercampur termasuk perumahan kos rendah dan sederhana melalui Syarikat MBSB Development Sendirian Berhad sebagai pemajunya.

- (b) Sehingga 30 Jun 1997 sejumlah RM18.69 bilion atau 15.4% daripada dana pelaburan KWSP telah dilaburkan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berbanding dengan RM13.84 bilion ataupun 12.3% bagi tempoh berakhir 31 Disember 1996.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, apakah jumlah kerugian baru-baru ini akibat penurunan harga saham di BSKL dan pasaran wang?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kerugian itu hanya berlaku dalam masa tiga, empat hari, belum lagilah dapat dikirakan oleh pihak KWSP. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru pihak kerajaan telah pun mengumumkan bahawa pencarum KWSP dibenarkan mengeluarkan wang ini untuk pelaburan dan juga untuk membayar hutang ataupun untuk melanjutkan pelajaran anak-anak.

Setakat ini berapakah jumlah yang telah dikeluarkan oleh pencarum bagi kegunaan seperti yang telah disebut tadi?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan telah membenarkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar tadi, tetapi untuk memberi angka-angka yang tepat, soalnya adalah amat spesifik, saya minta notis. Tetapi apa yang ingin saya tekankan di sini bahawa sambutannya amatlah menggalakkan iaitu daripada Akaun Satu iaitu untuk pelaburan dan juga untuk pembiayaan biasiswa anak-anak.

UBAT TIRUAN

10. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah jenis ubatan tiruan yang terdapat dalam pasaran. Berapakah tangkapan yang bersabit dengan penjualan ubatan tiruan yang telah dilakukan dan adakah pihak kerajaan berjaya membongkar sindiket tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, dengan teknologi yang serba canggih pada masa ini, peniruan barang-barang atau 'product counterfeiting', dengan izin, bukan sahaja mudah untuk dilakukan tetapi tidak memerlukan perbelanjaan yang besar. Perkembangan ini menyebabkan ada pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk mengeluarkan dan mengedar barang-barang tiruan, termasuk ubat-ubatan semata-mata untuk meraih keuntungan.

Pada masa ini terdapat lebih kurang 11,700 jenis ubat yang berdaftar di Kementerian Kesihatan. Daripada jumlah ini hanya ubat-ubat yang popular

yang saya kira tidak lebih daripada 20 jenis yang seringkali ditiru dan dikesan dalam pasaran. Walaupun pada masa ini pengeluaran dan pengedaran ubat-ubatan tiruan di negara ini tidaklah begitu serius di kedai-kedai yang dilesenkan menjual ubat atau di kedai-kedai yang mendapat francais menjual ubat-ubat, tetapi di kedai-kedai runcit dan kedai-kedai kopi di luar bandar terutama di kawasan-kawasan kampung baru, di rancangan FELDA dan FELCRA, di perkampungan nelayan dan estet keadaannya adalah membimbangkan. Keadaan ini akan menjadi bertambah buruk sekiranya perhatian dari semua pihak tidak dipertekankan terhadap masalah tersebut.

Bagi tempoh 1.1.1997 hingga 30.6.1997 iaitu selama enam bulan, kementerian telah mengambil tindakan kes ke atas 24 peniaga berkaitan pengedaran ubat-ubat tiruan dengan penyitaan ubat-ubatan tiruan bernilai RM1,815,197.40. Pihak-pihak yang terbabit didakwa ataupun dikenakan kompaun mengikut pertimbangan kes demi kes.

Tindakan-tindakan yang dijalankan telah berjaya membongkar kegiatan-kegiatan sindiket yang tidak bertanggungjawab itu dan menyekatnya daripada menjadi lebih serius. Dalam hubungan ini, yang pentingnya ialah kesedaran setiap pihak termasuk pengguna dan pengeluar tentang adanya ubat-ubatan tiruan di pasaran dan implikasi yang berbangkit atau boleh berbangkit daripada penggunaan ubat-ubatan tiruan itu. Pada masa yang sama juga, pengguna seharusnya tidak mengamalkan pengambilan ubat-ubatan tanpa preskripsi doktor di samping berhati-hati dalam setiap pembelian. Pengguna-pengguna

yang mempunyai maklumat mengenai kegiatan pengedaran ubat-ubatan tiruan bolehlah membuat aduan spesifik di kementerian ini.

Pihak kementerian telah meminta kerjasama daripada semua syarikat-syarikat yang mengeluarkan ubat-ubatan untuk menghantar wakil-wakilnya ke kawasan-kawasan yang saya nyatakan tadi dan membeli ubat-ubatan yang berjenama popular seperti Panadol, ubat batuk, Eye-Mo, Vicks dan membawa kembali ke makmal mereka untuk dipastikan adakah ubat-ubatan tersebut ubat benar atau ubat tiruan. Sekiranya ini tidak dilakukan, kita tidak mahu mereka yang daif dan miskin yang kais pagi makan pagi, yang sanggup menjual ayam dan itik semata-mata untuk membeli ubat dan berharap ubat tersebut dapat menyembuhkan penyakit mereka atau penyakit anak cucu mereka tetapi sebenarnya ubat itu ubat tiruan yang tidak memberi manfaat apa-apa kepada mereka sebaliknya mereka terpaksa berbelanja untuk membeli ubat-ubat tersebut. Perkara ini jika tidak dibanteras, ianya akan bertambah berleluasa dan mencengkam kehidupan rakyat yang miskin di luar-luar bandar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kita dapati kegiatan membuat ubat-ubat tiruan ini dan juga penjualannya amat susah hendak dikawal dan orang yang menjadi mangsa ialah penduduk di luar bandar, rakyat biasa seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya ingin mendapat jawapan daripada pihak kerajaan, bagaimanakah kerajaan dapat memastikan supaya pengeluaran ubat-ubat tiruan dan juga penjualannya secara berleluasa ini tidak

menjadi suatu keadaan yang menyebabkan orang-orang kampung, orang-orang biasa menjadi mangsa akibat daripada ubat-ubat itu, sebab kita lihat di Pulau Pinang baru-baru ini ada tangkapan dibuat di mana ubat-ubat yang dikeluarkan oleh kilang-kilang ‘backyard’, kemudian kita dapati selepas itu ada lagi tangkapan. Tidakkah kerajaan sedar bahawa orang-orang yang mengulang kesalahan ini sepatutnya diharamkan terus daripada terlibat dalam pengeluaran dan penjualan ubat-ubat ini dan kerajaan perlu bertindak tegas dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berkenaan dengan tarikh luput ubat itu sendiri, adakah tarikh luput itu diambil kira daripada masa ubat itu dikeluarkan ataupun semasa ubat itu dibuat ‘packing’ diisi dalam botol, ini menjadi masalah bagi pengguna.

Dato’ S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan pun saya telah menerangkan pandangan serius oleh kerajaan mengenai ubat-ubat tiruan yang ada dalam pasaran. Tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil adalah serius dan begitu ketat sehingga buat masa sekarang pihak kementerian bersama-sama dengan pihak polis menimbang untuk mengambil tindakan buang daerah terhadap peniaga-peniaga yang mengulangi kesalahan ini tetapi masih dalam pertimbangan.

Selain daripada itu undang-undang yang ada sekarang ini mencukupi. Akta Perihal Dagangan 1972 yang sedia dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mencukupi atau mempunyai syarat-syarat yang dianggap mencukupi. Kalau mereka ditangkap melakukan kesalahan ini, boleh dihukum - kalau orang perseorangan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Ini terpulang kepada mahkamah. Bagi syarikat dendanya tidak melebihi RM250,000, ini bagi kesalahan yang pertama. Kalau kesalahan kedua dan berikutnya hukumannya adalah sekali ganda. Jadi, bagi mereka yang mengulangi kesalahan ini hukuman pun mencukupi dan kementerian akan terus menguatkuasakan undang-undang ini.

Begitu juga Kementerian Kesihatan, ada undang-undang yang melesenkan dan mendaftarkan mereka yang mengeluarkan ubat-ubat dalam negara kita. Mereka juga ada kuasa untuk menentukan bahawa mereka yang tidak mempunyai lesen atau tidak mendaftar dengan Kementerian Kesihatan boleh juga diambil tindakan.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk mengawal penjualan ubat-ubat yang mudah didapati dan mengharamkan kedai-kedai runcit dan juga kedai-kedai kopi menjual segala jenis ubat? Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang, pihak Kementerian Kesihatan memang ada syarat-syarat di mana ubat-ubat yang dikawal atau 'controlled medicine', itu tidak boleh dijual di semua outlet tetapi ubat-ubat seperti Panadol, ubat batuk dan sebagainya perlu dijual, tidak boleh dihadkan kepada kedai-kedai di bandar atau kedai-kedai besar, perlu dijual di merata-rata tempat, baik di luar bandar mahupun bandar. Jadi, ini kita cuma harap pengguna pula, kalau mahu beli ubat-ubat seperti ini cuba sedar dan check sedikit tentang ubat-ubatan itu. Kalau tidak percaya jangan beli daripada outlet-outlet yang mereka ragu-ragu. Belilah daripada kedai-kedai yang benar-benar menjualkan ubat-ubat ini daripada 'genuine manufacturer'.

PEGAWAI KAUNSELING WANITA - JUMLAH

11. **Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan jumlah pegawai-pegawai wanita yang terlibat dengan tugas-tugas kaunseling dan setakat ini apakah kejayaan yang telah dicapai bagi membantu pihak kaum wanita yang menghadapi masalah rumah tangga dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

[Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, terdapat seramai 127 orang pegawai wanita yang terlibat dengan tugas kaunseling yang ditempatkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Setakat ini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui JKM telah membantu 204 orang pasangan suami isteri daripada 370 pasangan bermasalah. Terima kasih.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum itu saya ingin menyatakan bahawa memanglah terdapat Akta Keganasan Rumah Tangga yang telah pun diluluskan oleh Parlimen dan wanita-wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga ini pun begitu ramai di dalam negara kita dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah mewujudkan pegawai-pegawai kaunseling wanita seramai 127 orang tetapi saya ingin tahu bagaimanakah sambutan mangsa-mangsa keganasan rumah tangga ini terhadap masalah-masalah mereka ini untuk dibawa kepada pihak-pihak yang berkuasa kerana saya difahamkan ramai daripada mangsa keganasan rumah tangga ini terutama para

isteri yang tidak begitu berminat ataupun takut untuk membawa kes mereka ini kepada pihak pengadilan. Terima kasih.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, agak sukar kalau saya mahu mengukur kejayaan Akta Keganasan Rumah Tangga sebab baru sahaja dalam satu tahun akta ini dikuatkuasakan tetapi dari layanan yang diberi kepada kita daripada surat khabar dan lain-lain media, kita berjaya meningkatkan kesedaran orang ramai dan kita juga berjaya dalam peranan kita, dengan izin, reaching out dan kita juga berjaya menyelesaikan sedikit masalah dari peranan kaunseling di mana isteri yang bermasalah balik ke pangkuan suami dan saya ingat kita mesti sabar sedikit sebelum kita boleh jawab soalan Yang Berhormat sebab baru satu tahun akta ini dikuatkuasakan. Saya boleh beri jaminan di sini bahawa dalam satu tahun ini kita terima 374 laporan. Ini adalah pertama kali kita dapat laporan macam ini dan saya harap ini ialah satu kejayaan yang kita boleh banggakan. Terima kasih.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengemukakan soalan tambahan, bagi pihak keseluruhan Ahli Dewan, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat yang telah pun berjaya mengekalkan jawatan Naib Presiden MIC. *[Tepuk]*

Soalan saya ialah mengenai peranan pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk membantu wanita-wanita yang bermasalah khususnya wanita-wanita yang mengandung tanpa bapa yang diketahui yang mana kalau mereka ini pergi ke hospital, pihak hospital tidak akan menerima dan kemungkinannya pihak hospital akan melaporkan kepada polis ataupun kepada JAWI bagi pihak yang beragama Islam dan ini akan menimbulkan keaiban kepada mereka ini.

Lantaran daripada itu banyak berlaku mereka yang membuang bayi kerana tidak ada pilihan lain, kalau hendak pergi ke hospital swasta pula dikenakan bayaran hingga RM4000 atau RM5000 dan mereka ini tidak mempunyai kemampuan. Jadi, apakah bentuk bantuan yang boleh diberikan oleh pihak kementerian kepada wanita-wanita yang mempunyai masalah seperti yang saya katakan tadi?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menyampaikan tahniah kepada saya tetapi jenis yang saya alu-alukan ialah jangan minta banyak soalanlah. *[Ketawa]* Itu sahaja. Saya pun letih. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat mengenai wanita-wanita yang mengandung tanpa nikah, masalah ini selalu sampai kepada pihak kita dan pihak lain bila 'nasi sudah menjadi bubur'. Sebab itu kita tidak boleh beri perlindungan dari peringkat awal. Peranan kementerian ialah pencegahan dan perlindungan dan kita ada saluran-

saluran untuk memberi perlindungan kepada wanita-wanita seperti ini yang bermasalah, mereka boleh menghubungi pegawai kebajikan daerah yang terdekat. Terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejauh manakah benar dakwaan yang mengatakan Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Sembilan ini berlaku perkara-perkara yang tidak berakhlak di antara kakitangan dengan mangsa-mangsa yang ada di situ dan bolehkah pihak kerajaan memberi bilangan kakitangan lelaki di situ - berapa ramai dan berapa penghuni-penghuni yang berada di situ?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, saya akan siasat masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini sebelum saya beri jawapan. Terima kasih.

RISDA - PEGAWAI - PEGAWAI YANG DIPINJAMKAN KEPADA KEMENTERIAN

12. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian terhadap dakwaan yang menyatakan pegawai-pegawai RISDA yang dipinjamkan kepada kementerian beliau tidak mempunyai kepakaran dalam tugas masing-masing menyebabkan penanaman semula getah yang dilaksanakan oleh RISDA tidak berkesan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pegawai RISDA yang dipinjamkan kepada kementerian untuk melaksanakan program dan tanaman semula. *[Ketawa]*

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita juga difahamkan bahawa terdapat pegawai RISDA didakwa menyebarkan maklumat salah kepada pekebun getah mengenai Skim Bantuan Tanaman Semula Getah. Ada pegawai di peringkat daerah dan mukim memberitahu pekebun getah bahawa RISDA akan memberhentikan skim tersebut mulai tahun hadapan. Ada pula pegawai yang kata jumlah RM300 juta akan dikurangkan kepada RM150 juta dan ada pula yang kata tidak ada langsung. Apakah tindakan kepada pegawai ini dan apakah yang sebenarnya?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap banyak terima kasih jika Yang Berhormat boleh kemukakan butir-butir tentang pegawai itu dan kita akan mengambil tindakan sertamerta. *[Ketawa]*

USAHAWAN MELAYU KELAS MENENGAH - JURANG PERBEZAAN

13. **Tuan Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan setakat ini sejauh manakah pencapaian untuk mewujudkan "Kelas Menengah Melayu" dalam sektor ekonomi negara dan bagaimana bentuk jurang perbezaan di antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran pada 7 Ogos 1997 kerana isu yang dibangkitkan adalah sama.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan agensi-agensi kerajaan berserta dengan syarikat-syarikat di mana kerajaan mempunyai kepentingan sedang dan akan melaksanakan kaedah dan pendekatan jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan bilangan kelas menengah bumiputera. Ini adalah untuk merapatkan jurang di antara kaum bumiputera dengan kaum-kaum lain dari segi pendapatan dan penglibatan mereka dalam sektor ekonomi negara.

Dari segi pendapatan, mengikut data di dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak 45.2% isi rumah golongan bumiputera berpendapatan bulanan antara RM1000 hingga RM3000 berbanding dengan kaum Cina 52.3% dan India 54.1%.

Bagi pendapatan isi rumah di antara RM5,000 hingga RM10,000, peratus bilangan bumiputera dalam kategori ini ialah 3.2% berbanding dengan kaum Cina 10.4% dan kaum India 5.9%.

Pendapatan purata golongan bumiputera dalam tahun 1995 ialah RM1,600 manakala kaum Cina RM2,895 dan India RM2,153.

Peratusan syarikat yang dikuasai oleh bumiputera dalam sektor ekonomi juga lebih rendah berbanding dengan kaum-kaum lain. Syarikat bumiputera hanya menguasai 21% dalam sektor kewangan, 16% dalam sektor perniagaan borong dan runcit, 26% dalam sektor pembinaan, 16.5% dalam sektor pertanian, 32.7% dalam sektor pengangkutan dan 13% dalam sektor pembuatan.

Bagi mempertingkatkan lagi bilangan bumiputera dalam kelas menengah, kerajaan sedang dan akan terus berusaha untuk melaksanakan pelbagai program jangka pendek dan juga jangka panjang. Antara pendekatan jangka pendek tersebut ialah:

- (i) mengenal pasti individu usahawan bumiputera yang sesuai untuk dibangunkan dalam sektor awam dan swasta;
- (ii) melaksanakan pendekatan pintas seperti program penswastaaan dan juga termasuk program Management-Buy-Out;
- (iii) mengadakan program latihan khusus kepada pegawai kerajaan menyertai skim latihan dan pendedahan;
- (iv) supaya syarikat besar dan berjaya serta kontraktor berwibawa dikehendaki mempunyai program melahirkan bilangan bumiputera kelas menengah di

bidang masing-masing dan seterusnya membina lebih banyak ruang niaga dengan mengadakan crash programme terutama di kawasan pertumbuhan bandar-bandar baru.

Manakala pendekatan jangka panjang yang telah dikenal pasti termasuklah mengadakan dan memperbanyakkan program pendidikan dan kemahiran, mengenal pasti program, bidang ataupun sektor yang berpotensi dan strategik yang boleh diceburi oleh usahawan bumiputera dan seterusnya peranan kerajaan-kerajaan negeri dalam membangunkan hartanah dan ruang niaga di kawasan-kawasan yang strategik, yang mampu dimiliki oleh usahawan bumiputera.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan mempunyai satu program khas bagi melibatkan syarikat-syarikat konsesi yang telah berjaya kerana bantuan kerajaan ini untuk membantu bagi mewujudkan lebih ramai golongan menengah orang-orang bumiputera ini di dalam bidang-bidang yang disebutkan tadi.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan merangkumi, sepertimana saya telah katakan tadi, semua syarikat besar yang mempunyai manfaat telah mendapat manfaat daripada kerajaan untuk mengadakan unit kelas menengah ini di syarikat-syarikat mereka untuk meramaikan lagi golongan kelas menengah bumiputera.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan tidak memikirkan suatu perusahaan yang boleh diambil bahagian oleh suri-suri rumah bagi meningkatkan ekonomi kehidupan mereka bagi melaksanakan kerja-kerja kerjaya mereka di rumah mereka sendiri?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, itu akan juga diambil kira di bawah program, bidang dan sektor yang berpotensi mengikut, mungkin untuk lelaki lain dan mungkin untuk wanita juga program-program yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 47 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1997) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [5 Ogos 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Johan Ghani sila sambung ucapan.

3.35 ptg.

Datuk Johan O.T. Ghani: Tuan Yang di-Pertua, dari segi infrastruktur marin pula setakat ini kemudahan-kemudahan pelabuhan dan jeti yang sedia ada adalah memadai untuk keperluan ekonomi masa kini. Namun, kemudahan sedia ada ini dijangka tidak akan mencukupi untuk keperluan menjelang abad ke-21 dan aktiviti ekonomi yang dijana oleh rantau BIMP-EAGA. Pelabuhan-pelabuhan dan jeti sedia ada perlu dipertingkatkan struktur fizikal dan keberkesanan sistem pemunggaran dan pensetorannya, terutamanya pelabuhan-pelabuhan dan jeti yang terlibat secara langsung dengan perdagangan di rantau BIMP-EAGA khususnya Tawau yang telah dikenal pasti sebagai pelabuhan yang mengendalikan perdagangan barter trade, dengan izin, dengan Indonesia dan Filipina. Oleh itu, kesinambungan sokongan dan peruntukan yang mencukupi dari pihak Persekutuan adalah amat diperlukan khususnya bagi program-program di bawah bidang kuasanya untuk menjayakan pelaksanaan PKSTS.

Sejajar dengan hasrat wawasan kebangsaan untuk menjadi negara industri menjelang tahun 2020, Sabah juga tidak ingin ketinggalan dalam menggembelngkan tenaga dan usahanya untuk sama-sama memajukan sektor perindustrian terutamanya dalam pelbagai bidang khususnya industri yang berasaskan sumber asli dan sumber bukan asli. Setakat ini Sabah mempunyai beberapa kawasan perindustrian baru, estet dan kompleks balak bersepadu yang telah dirancang pada masa ini dan untuk masa depan, umpamanya Taman Perindustrian Kota Kinabalu 405.4 hektar, Estate Industry Kudat 165

hektar, Kawasan Gugusan Kelapa Sawit Lamba-Motas 110 hektar, Taman Perindustrian Tanjung Batu, Tawau 100 hektar dan sebagainya. Justeru itu, kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai lokasi industri baru ini memang memerlukan infrastruktur asas industri terutamanya rangkaian hubungan dan pengangkutan yang sesuai dan mencukupi untuk menarik pelaburan dan modal ke lokasi-lokasi ini. Ini kerana setiap pembukaan kawasan dan lokasi baru perindustrian memerlukan pasaran asas terutamanya rangkaian jalan raya yang dapat menghubungkan kawasan tersebut dari kawasan di mana sumber asli didapati di kawasan pemprosesan, pembungkusan dan seterusnya dieksport ke luar negeri. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini, maka proses-proses pelaksanaan dan matlamat rancangan-rancangan perindustrian dapat direalisasikan.

Selain daripada memajukan sektor industri di atas, perkembangan dalam era ledakan di teknologi-teknologi maklumat masa kini juga memerlukan infrastruktur maklumat seperti talian-talian gentian optik yang dapat menyalurkan maklumat yang berbentuk digital dan video di kawasan-kawasan yang strategik di Sabah agar sama-sama dapat menggembungkan usaha dan tenaga sesuai dengan perkembangan yang berlaku di Koridor Raya Multimedia (MSC). Pada masa ini beberapa syarikat swasta telah memulakan pemasangan talian gentian optik ini, namun ia masih berada di peringkat awal lagi. Oleh itu, dalam setiap sektor dan usaha yang sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan Sabah sudah tentu memerlukan sokongan dan penyediaan kemudahan di peringkat nasional di mana yang bersesuaian dan dalam bidang kuasanya. Nescaya dengan sokongan padu dan berterusan daripada Kerajaan Pusat, sebahagian daripada hambatan untuk memaju dan meningkatkan ekonomi Sabah agar setanding dengan pencapaian ekonomi negeri-negeri di Malaysia dapat direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Rahim Baba.

3.40 ptg.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997 ini, izinkan saya menyimpang sedikit dari rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, persidangan Dewan Negara kali ini mempunyai erti yang tersendiri kepada diri saya. Persidangan ini adalah merupakan persidangan yang terakhir bagi diri saya dan saya difahamkan ianya juga merupakan persidangan terakhir bagi lima orang Ahli Dewan Negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada dua tahun yang lalu saya menyaksikan seorang Ahli Dewan Negara, Yang Berhormat Tuan Saidin hampir menitikkan air mata semasa memberikan ucapan terakhir dan ucapan perpisahan di Dewan ini. Ketika itu ianya tidaklah sangat mengusik perasaan saya, tetapi semalam semasa sahabat saya Yang Berhormat Datuk Johan Ghani berucap, yang juga akan meninggalkan Dewan ini, saya nampak kelainan dari ucapan beliau di mana beliau agak tersekat-sekat dan juga kurang tersusun. Oleh itu, bagi mengelakkan ucapan perpisahan saya ini dapat dizahirkan dengan lancarnya, saya memilih untuk menyiapkan sedikit teks ucapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan membohongi diri saya kalau saya katakan saya tidak menaruh perasaan sayu untuk meninggalkan Dewan ini. Setelah enam tahun, sejak tahun 1991 berada di Dewan ini tentulah banyak kenangan manis dan juga nostalgia yang tidak dapat saya lupakan. Bak kata orang, tempat jatuh lagi dikenang inikan pula tempat berbakti.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di bawah Perlembagaan yang ada sekarang yang menghadkan seseorang untuk dilantik tidak melebihi dua penggal atau enam tahun adalah mustahil bagi saya untuk berada di Dewan ini bagi kali yang keduanya, khasnya untuk memberikan ucapan ataupun untuk bertanyakan soalan, tetapi kalau untuk menjawab soalan itu masih ada peluanglah. Tuan Yang di-Pertua faham maksud saya?

Tuan Yang di-Pertua: Faham benar.

Datuk Rahim bin Baba: Faham ya. Saya sedih kerana tidak berpeluang lagi menyumbangkan bakti untuk memberikan pandangan kepada rang undang-undang yang akan diluluskan oleh Parlimen. Meskipun tidak melalui saluran Parlimen, mungkin melalui saluran lain, saya berjanji akan terus memberikan pandangan terhadap undang-undang yang akan dibentangkan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini juga di samping melahirkan rasa syukur saya kepada Allah S.W.T. di atas peluang yang diberikan untuk berkhidmat di Dewan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan juga kepimpinan negara yang telah pun memberikan kepercayaan kepada saya untuk menjadi ahli Dewan. Bagi saya, saya menerima dan menganggap perlantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara ini sebagai satu amanah untuk agama, bangsa dan juga negara.

Sesungguhnya saya berasa amat bertuah kerana daripada 20 juta rakyat penduduk negara ini, saya salah seorang darinya yang telah pun dipilih mewakili Dewan ini. Tambahan pula setiap apa yang kita perkatakan di Dewan ini akan dibukukan dan juga akan dijadikan bahan rujukan. Mungkin ianya tidak bernilai pada hari ini, tetapi apabila saya pergi ke khutub khannah dan juga membaca *Hansard* persidangan Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat pada tahun-tahun 60-an dahulu, saya percaya pada satu hari kelak apa yang telah pun saya cakapkan di Dewan ini akan menjadi bahan rujukan oleh generasi yang akan datang, mungkin juga termasuk anak-anak ataupun cucu-cucu saya sendiri. Semasa itu tentunya anak-anak ataupun cucu-cucu saya akan berasa bangga kerana ayah ataupun datuknya pernah memainkan peranan di Dewan ini. Oleh itu, saya menyeru kepada ahli-ahli Dewan yang masih mempunyai kesempatan agar mempergunakan kesempatan ini dengan sebaik-baiknya kerana laluan ini akan kita lalui hanya sekali sahaja di dalam hidup kita.

Tuan Yang di-Pertua, semasa berkhidmat di Dewan ini saya telah pun sedaya yang termampu cuba memenuhi harapan pucuk pimpinan. Saya bersyukur kerana telah pun diberi kesempatan untuk menabur bakti melalui Dewan ini. Meskipun ada pihak yang cuba memperkecilkan peranan Dewan ini sebagai rubber stamp atau hanya membazirkan wang rakyat, tetapi setelah 6 tahun berada di Dewan ini, saya rasakan apa yang dikatakan oleh pihak tertentu tidak berasas sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan Dewan ini juga telah turut sama memberikan pandangan yang bernas, kritikan membina untuk dijadikan panduan oleh kerajaan dalam menggubal undang-undang negara dan juga terdapat idea-idea yang dilahirkan di Dewan ini dijadikan panduan oleh kerajaan di dalam membuat dasar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya membahas dan juga memberikan pandangan terhadap Akta Perbekalan Tambahan 1997 ini. Di bawah peruntukan ini sebanyak RM246,195,800 diperlukan bagi menampung 6 kementerian atau jabatan yang mana peruntukan yang disediakan tidak mencukupi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Kewangan yang telah pun berjaya mengendalikan kewangan negara dengan baik sekali. Ucapan tahniah ini patut diberikan terhadap kepekaan kementerian melalui agensi di bawahnya, khasnya seperti Bank Negara dan juga Suruhanjaya Sekuriti untuk bertindak segera bagi memastikan pasaran kewangan negara terus terkawal. Tahniah dan juga pujian patut diberikan kepada Bank Negara di atas kejayaannya menangani dengan segera masalah bank-bank yang terlalu cenderung untuk memberikan pinjaman kepada sektor hartanah dan juga sektor pinjaman untuk membeli saham yang merupakan pinjaman yang kurang produktif.

Tuan Yim Chee Chong: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Rahim, ada yang minta laluan.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, Datuk Rahim dengan sedihnya menyatakan akan meninggalkan Dewan yang mulia ini kerana telah berkhidmat selama 2 term. Mengikut perlembagaan negara kita maksimum 2 term sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Dua penggal.

Tuan Yim Chee Chong: Ya. Dua penggal.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat 2 tahun.

Tuan Yim Chee Chong: Dengan izin, 2 term Orang Putih kata. *[Ketawa]* Saya telah dilantik sebagai seorang Senator adalah lebih dari 1 tahun. Dalam 1 tahun yang lalu saya menyaksikan Datuk Rahim sentiasa memberi teguran yang membina kepada kerajaan kita. *[Tepuk]* Sumbangannya terhadap kerajaan dan sumbangannya terhadap Dewan yang mulia ini harus kita ingat buat selama-lamanya. Jangan susah hati, Datuk. Kalau sudah 2 penggal, boleh juga kita jumpa. Masuklah calon dalam kawasan Parlimen yang akan datang agar supaya kita bertemu di bangunan Parlimen ini dan terus memberi sumbangan kepada rakyat dan negara. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Datuk Rahim bin Baba: Ini bukan minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasihlah di atas penghargaan yang diberikan oleh Tuan Yim tadi.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun kesan daripada tindakan ini menyebabkan pasaran saham dan juga pasaran hartanah yang jatuh sedikit. Tetapi kepada saya lebih baik jatuh sedikit hari ini daripada ianya melonjak tanpa kawalan dan akhirnya jatuh dengan teruknya, dan ianya boleh mengakibatkan pasaran kewangan dan juga ekonomi negara yang akan runtuh.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Bank Negara yang cuba dengan sedaya-upayanya berusaha membanteras kegiatan spekulasi mata wang Ringgit Malaysia juga patut dipuji. Mungkin kalau tidak Bank Negara masuk campur, kejatuhan Ringgit akan lebih teruk lagi, meskipun kita terpaksa mengalami sedikit 'kerugian' dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ianya telah pun berjaya meredakan sedikit spekulasi terhadap Ringgit Malaysia. Tanpa campur tangan Bank Negara besar kemungkinan serangan spekulasi yang bermula dari 1 hingga 29 Julai yang lalu akan mengakibatkan kejatuhan lebih teruk lagi nilai Ringgit daripada 3.6% berbanding kepada Dollar Amerika sekarang dan 6.1% berbanding dengan Yen Jepun pada hari ini.

Kita juga mengalu-alukan langkah Bank Negara yang mengehendkan US\$2 juta ke atas urusan tertunggak pertukaran Ringgit yang bukan bersifat komersial. Ini satu langkah yang baik dan meskipun ada setengah-setengah pihak yang mulai sangsi terhadap langkah ini seolah-olah kerajaan mahu mengawal aliran bebas pasaran kewangan negara dan bercanggah dengan hasrat kerajaan bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan dunia. Saya percaya kerajaan tidak berhasrat untuk menyekat pasaran bebas kewangan dan juga akan terus berusaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan dunia. Langkah Bank Negara ini juga telah berjaya menstabilkan Ringgit Malaysia walaupun pada masa yang sama pasaran saham telah pun menjunam jatuh akibat dari tindakan mereka yang memerlukan Ringgit Malaysia terpaksa pula menjual saham-saham yang dipegang bagi mendapatkan Ringgit Malaysia dengan secara yang sah.

Dalam pada itu, walaupun kita mengutuk serangan spekulasi oleh pihak-pihak tertentu, kita juga perlu mengakui kejatuhan Ringgit Malaysia ada kaitannya dengan kedudukan imbalan defisit yang terus meruncing. Adalah dianggarkan sepertimana yang dilaporkan di dalam akhbar hari ini imbalan defisit negara akan meningkat 166.8% kepada RM1,652 juta bagi tahun ini. Dalam lain perkataan, kita hendaklah memperlengkapkan diri untuk bersedia menghadapi keadaan di mana Ringgit Malaysia akan terus turun disebabkan imbalan defisit ini. Langkah-langkah tegas dan juga berkesan juga perlu diambil oleh pihak kerajaan bagi menangani imbalan defisit ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semasa menjadi Pemangku Perdana Menteri supaya kerajaan-kerajaan negeri dapat menimbang semula projek-projek mega yang akan dijalankan. Malah kajian mengenai projek-projek mega ini juga tidak sepatutnya terhad kepada kerajaan-kerajaan negeri. Tetapi ianya patut turut sama dikaji oleh Kerajaan Pusat khasnya projek-projek mega yang masih lagi belum dilaksanakan terutamanya projek-projek yang boleh mengakibatkan pengaliran Ringgit Malaysia keluar negara dan juga akan mengakibatkan imbalan defisit yang lebih teruk lagi.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan Ringgit Malaysia tidak harus dilihat dari segi negatifnya sahaja. Ianya harus dilihat dari segi positif, di mana ianya harus dilihat sebagai pembuka peluang bagi pengeluaran-pengeluar di negara ini mengeksport barang keluaran mereka dengan harga yang lebih kompetitif. Dengan murahness barangan Malaysia kalau dibandingkan dengan mata wang luar, ianya lebih mampu untuk bersaing dengan barangan yang dikeluarkan oleh negara lain. Tetapi pada masa yang sama pula jangan ada pihak yang mengambil kesempatan daripada penurunan nilai Ringgit

Malaysia ini untuk menaikkan harga barang yang dijual dengan alasan sebahagian daripada bahan yang digunakan sebagai bahan import.

Saya masih ingat lagi satu ketika dahulu, dua ataupun tiga tahun yang lalu apabila Ringgit Malaysia menurun dibandingkan dengan nilai Yen yang petama sekali menaikkan harga barangannya ialah Proton Saga. Tetapi malangnya apabila nilai Ringgit naik, tidak pun kedengaran Proton menurunkan harganya. Hendaknya janganlah pula apabila nilai Ringgit turun pada hari ini pihak Proton juga mengambil kesempatan dan begitu juga dengan pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh peruntukan-peruntukan yang dipohon ini secara terperinci. Pertamanya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memohon peruntukan RM3.5 juta untuk mencantikkan 6 buah pihak berkuasa tempatan sempena Sukan Komanwel 1998 yang akan diadakan pada tahun hadapan. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan kita melihat di kaca televisyen bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sungguh-sungguh marah dengan kekotoran yang berlaku di Jalan Bukit Bintang. Saya sudah melihat wajah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad setiap kali dan saya rasa itulah pertama kali Yang Amat Berhormat sungguh-sungguh marah dengan keadaan kekotoran yang berlaku di Jalan Bukit Bintang dan di bandar raya kita.

Hari ini selepas Dato' Seri Dr. Mahathir merasakan marahnya, keesokannya Jalan Bukit Bintang boleh dikatakan bersih dengan sekelip mata sahaja boleh berlaku pembersihan. Sepertimana yang telah pun diperkatakan, tindakan undang-undang yang lebih ketat ataupun tindakan undang-undang yang lebih tinggi lagi dikenakan, tetapi pada masa yang sama juga - saya masih ingat lagi Datuk Haji Ibrahim bin Ali semasa berucap di Dewan ini telah pun menimbulkan soal tentang tidak cukupnya tempat-tempat untuk membuang sampah. Kalau kita lihat dalam akhbar, di mana sampah-sampah yang dilonggokkan, saya nampakkan seolah-olah sudah ada disiplin, orang yang membuang sampah itu membuang pada satu tempat. Satu tempat di bawah pokok, sampah diletakkan di situ, semua orang meletakkan sampah di situ. Bermaknanya, bukanlah rakyat tidak hendak membuang sampah di tong sampah, kerana tidak ada tong sampah agak sayalah. Kalau tidak, kenapa mereka boleh dengan secara disiplin membuang sampah-sampah itu pada satu tempat.

Jadi, saya berharap di samping kita menyalahkan dan kita menghukum mereka yang sengaja membuang sampah, pada masa yang sama juga saya berharap kepada Majlis-majlis Bandaran, pada pihak Dewan Bandaraya supaya juga melihat kepada diri sendiri. Kalau ada kekurangan, kalau tong sampah tidak mencukupi, ianya hendaklah diadakan dengan seberapa banyak yang boleh. Begitu juga

tentang kutipan, jangan dibiarkan sampah itu berlonggok sehari-hari. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata sampah itu berlonggok di situ. Bermaknanya, sampah itu tidak dikutip oleh pihak-pihak yang tertentu. Tetapi selepas Perdana Menteri sebut sahaja, keesokannya bersih. Takkanlah soal sampah pun Perdana Menteri kita hendak mengambil tahu kedudukannya.

Saya juga berharap kepada kementerian ini supaya memberikan galakan kepada kawasan-kawasan perumahan yang bersih ataupun rumah-rumah yang bersih, rumah-rumah yang dijaga dengan baik dan juga dengan teratur. Umpamanya, kalaulah satu kawasan perumahan itu NGO yang terdapat dalam kawasan perumahan itu banyak menjalankan kerja-kerja gotong-royong membersihkannya diberikan potongan dari segi assessment tax, cukai pintu sebagai satu galakan. Kalau biasanya cukai pintu kena RM300, oleh kerana kawasan perumahan itu bersih, dikurangkan 25% ataupun sebagainya. Ini merupakan sebagai satu galakan. Tetapi malangnya kadangkala setengah-setengah Majlis Bandaran, kalau kita buat rumah kita cantik-cantik, bersih-bersih, maknanya nilainya akan naik, sewanya akan naik. Jadi, assessment juga akan bertambah lagi pula. Maknanya, kalau kita buat kebun, ada garden dan sebagainya, nilai rumah itu akan naik dan assessment pula akan bertambah. Saya fikir pemikiran ini kena diubah. Kalau seorang itu boleh buat rumahnya cantik, rumahnya bersih, pihak majlis tempatan mesti beri insentif kepada mereka dengan menurunkan cukai ataupun assessment yang dikenakan.

Begitu juga tentang, satu ketika dahulu pernah saya katakan, kadangkala kita juga sebagai pengguna pun tidak juga boleh disalahkan. Kadangkala bagaimana kita hendak membuang sampah-sampah lusuh, sampah-sampah domestik, mungkin diambil oleh pihak-pihak yang mengutip sampah. Tetapi kadang-kadang bahan yang kita tidak pergunakan kalau kita letak di luar kawasan perumahan, tidak akan ada orang yang datang ambil. Pihak kontraktor yang bertanggungjawab untuk mengangkut sampah akan hanya mengambil sampah-sampah domestik. Tetapi sampah-sampah lain, kalau sampah-sampah kebun sedikit ataupun ada bahan-bahan yang kita tidak gunakan tidak akan dikutip oleh kebanyakan Majlis Bandaran khususnya di Kuala Lumpur ataupun di pinggir-pinggir Kuala Lumpur.

Saya tahu pihak kementerian akan jawab, dia akan kata 'boleh dikenakan bayaran, satu lori RM20 atau RM30.' Tetapi kalau hendak buang seikat barang bahan kebun takkan saya hendak bayar sampai RM30 ataupun RM50. Maknanya, orang yang tidak siuman sahaja yang akan melakukan perkara-perkara yang sedemikian. Jadi, saya harap Majlis Bandaran pun biarlah inovatif sedikit. Saya pernah cadangkan supaya umpamanya setiap bulan, hari Isnin pertama setiap bulan, lori Majlis

Bandaran datang ke kawasan-kawasan perumahan kutip bahan-bahan yang dibuang. Jadi, orang tahu hari Isnin ini akan datang lori Majlis Bandaraya akan datang kutip bahan-bahan yang kita tidak perlukan, sebulan sekali pun cukup kalau dapat dilakukan.

Dan masyarakat pun sudah tahu setiap hari Isnin pertama dalam bulan Ogos ini, kalau duduk di Subang Jaya, Majlis Bandaran Subang Jaya, kalau di Sri Hartamas; Majlis Bandaran Sri Hartamas, saya kena sebut kedua-duanya kerana saya ada dua buah rumah, untuk berlaku adillah.

Jadi, umpamanyalah, itu sebagai contoh sahajalah, setiap hari Isnin bulan pertama dia kena datang untuk mengangkut bahan-bahan ini. Jadi, masyarakat tahu dan ini dapat dilakukan seperti kebersihan dapat dilakukan untuk majlis-majlis tempatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ini juga ada kaitannya dengan Kementerian Kewangan, ada usaha-usaha setengah-setengah kerajaan negeri untuk mengadakan satu tabung untuk membeli rumah-rumah yang tidak boleh dibeli atau tidak termampu dibeli oleh orang-orang Melayu ataupun oleh kaum bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pendekatan ini kena dikaji semula, ianya akan lebih menguntungkan pihak pemaju, kalau saya jadi pemaju, saya berasa seronok, kalau saya buat satu projek perumahan, saya sudah tahu at least sekurang-kurangnya 30% punya sale telah secured, sudah ada badan-badan yang akan membelinya dan kalau ini dilakukan, satu hari besok, dana yang dimiliki oleh badan yang membeli rumah-rumah yang diperuntukkan kepada

bumiputera ini akan kehabisan juga, ianya akan defeat the purpose, dengan izin, kerana dana sesuatu badan itu ada hadnya.

Saya lebih bersetuju kalau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kementerian Kewangan umpamanya memikirkan supaya mendirikan projek perumahan mengikut kemampuan rakyat setempat. Kalau kita sudah tahu rakyat tidak mampu untuk membeli rumah yang berharga RM200,000 atau RM300,000, buat apa hendak membina juga rumah yang berharga RM200,000 atau RM300,000, kita bina rumah yang kalau orang Melayu mampu dengan RM70,000 atau RM80,000, kita bina rumah-rumah yang berharga RM70,000 atau RM80,000.

Kalau orang bukan Melayu yang mampu hendak membeli rumah yang lebih mahal pun, mereka akan pergi ke kawasan yang lain. Jadi, keadaan ini, saya percaya dapat mengimbangkan supaya tidak akan membebankan kerajaan satu hari kelak kalau terlampau sangat menubuhkan badan yang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, B.22, saya juga ingin menyentuh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di mana RM10.5 juta diperlukan untuk penajaan Pasukan Lumba Kereta Formula One yang diadakan di luar negara. Memang usaha untuk mempromosikan negara memanglah kita alu-alukan, sebenarnya dalam dunia ini hanya Malaysia sahajalah sebagai sebuah negara yang menjadi penaja kepada Pasukan Lumba Kereta Formula One ini, hanya Malaysia yang saya sudah terbaca, setakat ini syarikat-syarikat mungkin ada, tetapi Malaysia merupakan sebuah negara yang pertama melakukannya.

Tetapi, pada masa yang sama kita berharap supaya mendapat pulangan yang lebih dari segi promosi negara.

Saya teringat kepada sukan bolasepak belia baru-baru ini yang diadakan di Kuala Lumpur, pada saya dari segi promosi untuk negara ianya telah pun gagal, ianya tidak mencapai matlamat. Kita telah melantik Syarikat Coca Cola untuk mempromosikannya, Coca Cola being a businessman, dengan izin, ia lebih mementingkan hendak promote Coca Cola daripada hendak mempromote Malaysia, tengoklah iklannya di tepi jalan, dalam televisyen ataupun sebagainya bukan hendak mempromote Malaysia sangat tetapi lebih hendak promote produk ataupun keluaran mereka sendiri.

Jadi, saya berharap pada masa yang akan datang kerana kita juga akan mengadakan sukan-sukan Kuala Lumpur 1998, saya harap kita kena betulkan istilah ini, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan Sukan Komanwel 1998, tetapi dipanggilkan Sukan Kuala Lumpur 1998, itu nama rasminya, bukannya Sukan Komanwel 1998 kerana kita akan mengadakan Sukan Kuala Lumpur 1998 pada dua tahun yang akan datang dan saya juga berharap supaya ianya akan dapat mencapai kejayaan.

Begitu juga baru-baru ini heboh tentang iklan-iklan ataupun promosi yang kurang cukup. Saya berharap promosi untuk Sukan Kuala Lumpur ini bukan hanya diadakan di Kuala Lumpur, ianya juga patut diadakan di negara-negara lain kerana tujuan kita hendak minta orang lain datang ke negara kita ini, kalau tidak nanti hotel-hotel akan kosong, orang telah banyak buat hotel, buat bangunan, buat kemudahan, shopping dan juga sebagainya. Jadi, kita

berharap supaya promosi juga bukan hanya bertumpu di Kuala Lumpur dan sepatutnya promosi pada masa sekarang pun sepatutnya telah ada, kalau hendak ditanya kepada Ahli Dewan ini, kebanyakannya tahulah, tahun 1998, tetapi pada bulan berapa Yang Berhormat?

Tuan Johan O.T. Ghani: Ya.

Datuk Rahim bin Baba: Yang Berhormat Tuan Johan O.T. Ghani pun dia buat-buat tak tahu pun. Kita pun tak tahu pada bulan berapa kerana promosinya belum mencukupi lagi, sepatutnya ada billboard mengatakan, tinggal lagi berapa harikah Sukan Kuala Lumpur ataupun sebagainya, electronic billboard boleh dipasang di highway ataupun sebagainya.

Jadi, mungkin dalam radio, dalam TV ada dari masa ke semasa, tetapi kalau orang driving dia tengok, dia tahu, dia boleh register dalam kepalanya, bila dan berapa hari lagi Sukan Kuala Lumpur ini akan diadakan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik kempen menyambut Hari Kebangsaan yang akan diadakan pada 31 Ogos ini, sudah ramai orang yang memasang bendera, teksi pasang bendera, letak bendera, lori pun pasang bendera, kereta kedua-dua Setiausaha Parlimen kita pun pasang bendera kerana memasang bendera ini bukan untuk rakyat, teksi ataupun lori sahaja, untuk semua, kalau boleh biar pemimpin kita pun sama-sama sekali memasang bendera.

Saya sudah pasang dah, itu sebab saya berani bercakap macam itu. Daripada hari mula-mula itu saya sudah pasang bendera, saya agak kereta mewah yang pertama pasang bendera, saya agak sayalah agaknya, itu pun

desakan anak saya, dia kata: “Abah sebagai seorang pemimpin, tunjukkan kepada orang lain sebagai pemimpin mengikuti teladan,” kata dia, “Biar orang lain pun buat,” dia kata. Saya sudah pasang, kalau tak percaya, Tuan Yang di-Pertua, pergi tengok, tetapi yang lain saya tak tahulah, tetapi kedua-dua Dato’ Setiausaha Parlimen kita kalau pun tidak pasang, saya percaya besok akan pasang agaknya, kerana hendak memberikan satu contoh yang terbaik kepada negara kita.

Kadang-kadang saya lihat, kempen-kempen seperti ini kerana ianya kena bermula daripada atas, jangan hanya mereka yang daripada golongan berpendapatan rendah, yang naik motosikal, yang naik teksi dan kereta-kereta lama itu sahaja yang pasang, beria-ia hendak pasang bendera, tetapi yang lain tidak mengambil endah seolah-olah perkara itu berlaku dengan sendirinya.

Kita sebagai pemimpin kena tunjukkan, semua pemimpin kita sepatutnya pasang bendera mula daripada sekarang sampai kepada 31 Ogos yang akan datang, mula daripada sekarang sepatutnya sudah ada bendera-bendera di seluruh negara dipasang di jalan-jalan di bandar supaya pelawat datang pun ia tahu bahawa sekarang ini kita dalam musim perayaan untuk menyambut kemerdekaan. Ini saya lihat kalau pasang pun bendera hanya pada 31 haribulan, itu pun bendera yang sudah lusuh, yang sudah sepuluh, lima belas tahun dahulu punya bendera barulah dipasang. Kita hendak bermula daripada sekarang, tengok di Singapura dipasang, di rumah-rumah pangsa semuanya dipasang, walaupun dia buat secara ada ‘arm twisting’, kita kalau perlu buat ‘arm twisting’ pun buat juga ‘arm twisting’, polis kita mana-mana kereta yang

tidak pasang bendera itu tahan sekejap, kalau ada itu buatlah check tyre, check apa semuanya, mana yang ada pasang bendera itu lepaskan sahajalah, mana yang tidak pasang itu tahan. Di Singapura pun dia buat macam itu. Mana-mana rumah pangsa kerajaan yang tidak pasang bendera itu macam-mcamlah, katanya, sampah adalah ataupun sebagainya, mahu tak mahu dia pasang juga bendera. Tetapi pada rakyat luar, walaupun perkara ini kita lakukan dengan satu nada paksaan tetapi saya percaya satu hari ianya akan boleh menjadi satu pengajaran supaya mendatangkan semangat kecintaan kepada negara kita ini.

Begitu juga pihak radio, RTM dahulu pun saya dengar sudah berjanji bila tiba sahaja bulan Ogos akan keluarkan drama, akan keluarkan cerekarama dalam radio, dalam TV cerita-cerita yang ada menimbulkan perasaan kecintaan kepada negara tetapi kepada saya, saya lihat setiap petang sekarang ini saya balik, saya tidak tahu dalam masa yang akan datang ini, masih juga cerita-cerita yang berkaitan dengan cinta, dengan masyarakat, tidak ada kaitan langsung dengan seolah-olah kita hendak menyambut Hari Kebangsaan.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan menjadikan bulan Ogos ini sebagai bulan perpaduan negara, di bulan inilah kita memikirkan untuk banyakkkan aktiviti-aktiviti yang boleh menyatupadukan rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Jabatan Hasil Dalam Negeri yang diberi peruntukan sebanyak RM30 juta sebagai pemberian endowment fund kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada pihak Kementerian Kewangan supaya memikirkan, saya lihat setengah-setengah syarikat itu berpuluh-puluh tahun, setiap tahun ia rugi sahaja, secara logiknya tidak mungkin syarikat ini boleh rugi sampai sepuluh tahun tetapi masih lagi beroperasi. Pengarahnya boleh pakai kereta besar, boleh pergi ke luar negara dengan mewah, tetapi setiap tahun laporan kewangannya rugi sahaja, mesti ada sesuatu ini. Jadi, saya berharap kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri ataupun Jabatan Hasil Dalam Negeri dapat memikirkan mekanisme bagaimana, kenapa persoalkan syarikat ini, kenapa boleh rugi tetapi pada masa yang sama boleh beroperasi sampai sepuluh ataupun lima belas tahun tanpa ditutup.

Biasanya syarikat kalau rugi setahun, dua tahun pun sudah tidak boleh beroperasi, tetapi ini kadang-kadang saya lihat, saya tengok akaunnya kebanyakan syarikat rugi, tetapi pengarahnya hidup dalam serba kemewahan, tentu ada sesuatu yang tidak betul dalam laporan kewangan oleh syarikat-syarikat yang dinyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya saya ingin menyentuh Kementerian Pengangkutan iaitu soal keselamatan jalan raya. Mengikut laporan pihak polis dalam enam bulan pertama tahun 1997, 3,169 kematian telah pun berlaku bermakna 528 kematian satu bulan dan hitung panjangnya ialah 17 kematian satu hari berlaku di negara kita ini. Banyak usaha-usaha yang telah pun dijalankan, banyak perbelanjaan yang telah pun dikeluarkan. Jadi, saya ternampak ada sebuah syarikat insurans yang mula mengadakan kempen 'accident free' ataupun accident sifar yang akan diadakan.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian mengenakan, mensyaratkan supaya syarikat-syarikat insurans ini memperuntukkan 1% daripada premium yang dibayar oleh kereta untuk menampung kempen keselamatan jalan raya. Kalau dia collect premium katakan RM10 juta bermakna RM100,000 diperuntukkan untuk membantu kerajaan dalam kempen keselamatan jalan raya. Ini pun secara tidak langsung ianya juga akan membantu balik pihak-pihak syarikat insurans tadi dengan kurangnya claim ataupun tuntutan kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan yang terdapat di Dewan ini. Kepada pegawai-pegawai kerajaan yang telah pun bertugas dengan jujur di Dewan ini, kepada pihak mass media yang telah pun kadangkala memberikan liputan kepada diri saya dan juga khasnya kepada pegawai-pegawai Parlimen yang telah pun memberikan kerjasama yang sebaiknya semasa saya berkhidmat di Dewan ini dan yang terakhirnya tentulah tidak lupa saya ingin mengucapkan terima kasih kepada bekas-bekas Yang di-Pertua seperti Tan Sri Chan Chun Tat, Tan Sri Vadiveloo, Dato' Adam Kadir dan juga kepada Tan Sri Dato' Haji Mohamed Ya'acob dan juga Tuan Yang di-Pertua sendiri.

Jadi, dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Ibrahim.

4.16 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak baca serangkap pantun dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

Johan Ghani dan Rahim Baba;

Dua tokoh Dewan Negara yang akan bersara;

Kami semua merasa hiba;

Didoa semoga panjang usia.

[Tepuk]

Tetapi pantun saya tadi rangkap kedua dengan rangkap keempat itu tidak sama hujungnya tetapi kira okaylah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya memang turut merasa sedih oleh kerana Yang

Berhormat Senator Datuk Rahim Baba dan Yang Berhormat Datuk Johan Ghani dan rakan-rakan yang lain yang sudah pun bersara, tentu kita akan merasakan kehilangan sahabat-sahabat yang begitu aktif dan begitu prihatin dalam setiap perbahasan di Dewan Negara yang mulia ini tetapi saya penuh yakin perjuangan tokoh-tokoh ini tidak akan berakhir dengan persaraannya di Dewan yang mulia ini.

Gelanggang perjuangan begitu luas terbuka dan saya penuh yakin, oleh kerana tokoh-tokoh ini masih muda lagi saya berharap kalau pun tidak dapat kembali ke Dewan Negara yang mulia ini, mudah-mudahan satu hari nanti dapat berada di Dewan Rakyat pula. Dalam politik, 'everything is possible' sebab ada yang naik ada yang turun, ada yang kalah tetapi dilantik macam saya. Semua kemungkinan ada, jadi tidak usahlah rasa - walaupun saya rasa sedih tetapi kita kena ada semangat yang kuat yang saya rasa tokoh-tokoh ini mempunyai semangat yang kuat dalam mengharungi perjuangan dan di atas sumbangan dan jasa-jasa mereka di Dewan yang mulia ini, saya percaya ianya begitu amat berfaedah dan berguna sebab seperti Yang Berhormat Datuk Rahim Baba, saya juga sentiasa perhati dan mendengar ucapan beliau - di antara tokoh-tokoh yang berucap yang sentiasa membuat 'homework'nya, membuat kaji selidiknyanya dan dia memang kadang-kadang berucap begitu serius dan saya kira dia ini tokoh serius dan apabila kembali ke Dewan Rakyat atau Dewan Negeri nanti saya percaya beliau boleh menyambung perjuangan.

Cuma yang pentingnya satu sahaja, jaga diri baik-baik - saya ingatkan kepada diri saya. Jangan kita terjerumus dalam hal-hal yang boleh menyusahkan parti, yang boleh merosakkan imej parti, yang selalu kita bercakap soal Bersih, Cekap dan Amanah - insya-Allah, kalau janji Allah Subhanahu Wataala, ia tidak akan ke mana-mana.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini dengan pertama, untuk menyentuh tentang percutian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini selama dua bulan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bercuti sambil bekerja baru-baru ini selama dua bulan dan kita pun semua sudah ketahui sekarang ini sudah kembali bertugas sebagai Perdana Menteri. Yang menarik Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercuti banyak pihak menganggap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri keluar negeri untuk berehat tetapi ada juga pihak yang mengetahui bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja bercuti tetapi bercuti sambil bekerja - yang dinamakan 'vacation holiday' dan ini dapat dibuktikan melalui kaca-kaca TV yang dilapor semasa percutian tersebut di mana Perdana

Menteri membuat promosi MSC, lawatan ke Lubnan, ke Turki dan ada lagi pelbagai aktiviti dan akhirnya ke Jepun.

Apa yang saya hendak sebut ialah Perdana Menteri bila bercuti dia buat kerja dan bila kembali ke tanah air penuh dengan idea-idea baru, penuh dengan cadangan-cadangan baru. Ada orang pergi bercuti, pergi balik duit habis, idea kosong. Ini yang saya hendak sebut ini. Jadi, saya berharap satu lagi model yang kita boleh belajar daripada Perdana Menteri kita, malah bercuti pun dikirakan salah satu daripada agenda kehidupan yang penting dalam memanfaatkan bukan sahaja kepada rakyat, kepada negara dan tidak membazir wang rakyat. Ada pemimpin, memang diberi peluang untuk bercuti - apabila penat bekerja, cukup tahun bercuti - suami isteri dan anak-anak dibiayai oleh kerajaan tetapi apakah percutian itu dipergunakan untuk kebaikan diri sendiri, untuk menambah minda, untuk meningkatkan keintelektualismenya, menambah ilmu, mendapat idea-idea baru supaya bila pulang ke tanah air boleh menceriaikan lagi kementerian masing-masing dalam memenuhi tuntutan agenda pembangunan negara.

Jadi, kita ucap syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sekali lagi beliau telah membuktikan sebagai pemimpin yang boleh menunjuk teladan dan pemimpin yang memperkotakan apa yang dia kata dan apa yang dia percaya dilakukan dengan sedemikian rupa dan semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercuti, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri memangku jawatan sebagai Pemangku Perdana Menteri.

Sepanjang tempoh dua bulan Timbalan Perdana Menteri memangku jawatan Perdana Menteri, melaksanakan tugas-tugas jawatan Perdana Menteri, juga kita bergembira dan bersyukur kerana Pemangku Perdana Menteri iaitu Timbalan Perdana Menteri kita telah dapat melaksanakan tugasnya dengan begitu cemerlang sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dalam tempoh dua bulan tersebut tidak ada perkara-perkara yang begitu meruncingkan yang menyebabkan negara dalam keadaan yang tidak menentu, malah walaupun ada beberapa isu tetapi negara kita tetap stabil, tetap kukuh, kecuali isu-isu yang dihubungkan dalam sehari dua ini bersabit dengan kejatuhan nilai ringgit, kejatuhan pasaran saham yang kita kira ianya merupakan perkara sementara tetapi asas kekuatan politik negara, asas perpaduan negara begitu kukuh sekali.

Malah, apabila Perdana Menteri pulang, beliau mengulangi bagaimana pentingnya 'smart partnership' yang boleh membawa faedah yang baru-baru ini waktu diadakan dialog di Langkawi dengan menggunakan konsep Barisan Nasional sebagai contoh yang juga boleh di 'apply' kepada dunia

perniagaan. Sebelum itu Perdana Menteri berucap di perasmian Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN.

Tetapi yang saya ingin sebut di sini ialah keadaan kestabilan politik negara kita sama ada di waktu Perdana Menteri bercuti, di waktu Timbalan Perdana Menteri mengambil alih, pendek kata kita cukup bertuah dan beruntung tidak ada sebuah negara dalam dunia ini seperti negara kita di mana kalau kita banding dengan negara-negara lain - dua Perdana Menteri ada dalam negara pun boleh bergaduh dan boleh berperang seperti apa yang berlaku di Kampuchea baru-baru ini.

Banyak lagi contoh lain tetapi saya tidak perlu menyebut, cuma saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih saya kepada Timbalan Perdana Menteri sebab di waktu memangku jawatan Perdana Menteri, beliau dapat meluangkan masa untuk hadir ke satu majlis perhimpunan rakyat yang diadakan di Pasir Mas pada 27 Jun 1997 sempena dengan Mesyuarat Perwakilan Parti UMNO di bahagian saya di Kelantan.

Saya menyebutkan perkara ini kerana terima kasih saya sebab ada kaitan di mana pada waktu itu, di waktu lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sebuah pernyataan yang berbentuk resolusi yang kita bantangkan di hadapan rakyat dan mendapat sokongan dan kemudian diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang waktu itu Pemangku Perdana Menteri di mana sekali lagi rakyat yang telah mewakilkan saya untuk mengemukakan dengan secara rasmi di Dewan Negara ini sebagai mewakili pandangan dan hasrat rakyat. Antaranya di sebut di dalam resolusi ini, Tuan Yang di-Pertua:

- “Menginsafi bahawa abad 21 akan menjelang tiba hanya dua tahun lagi. Abad 21 akan datang merupakan abad penuh cabaran bagi umat Islam khususnya bagi bangsa Malaysia. Menyedari bahawa pemimpin-pemimpin negara dan rakyat menghadapi abad akan datang mempunyai sekurang-kurangnya tiga matlamat yang kita susun sendiri atas kehendak rakyat iaitu pertama, Malaysia hendaklah menjadi sebuah negara Islam yang pertama mencapai status negara maju. Kedua, Melayu akan menjadi model umat Islam yang mampu berperanan di pentas dunia. Ketiga, akan menyakinkan umat manusia bahawa Islam agama benar dan agama yang menjamin keadilan kepada semua pihak.
- Menyakini bahawa Allah Subhanahu Wataala memberi jaminan bahawa Islam akan terus kekal di dunia tetapi Allah Subhanahu Wataala tidak pernah memberi jaminan bahawa orang Melayu akan terus kekal di negara tumpah darahnya sendiri.

- Menyedari akan kejayaan Malaysia hari ini di bawah kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang telah menerima pelbagai anugerah antarabangsa dan dibantu oleh Timbalannya yang setia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Kepimpinan ini telah berjaya merubah rupa Malaysia melalui transformasi ekonomi, merubah jiwa bangsa melalui revolusi 'akliah', membaja keyakinan diri sebagai bangsa besar, merangsang kefahaman Islam yang kukuh, meletakkan negara yang sebelum ini terpencil di tengah gelanggang dunia.
- Menyedari akan masalah gejala sosial seperti keruntuhan akhlak remaja, kehancuran institusi keluarga, isu-isu seperti buang bayi, dera anak dan isteri, penyalahgunaan dadah, seks bebas, AIDS-HIV, cara hidup materialistik, hedonistik, permisif dan melahirkan generasi yang akan datang bersama agenda permodenan yang berteraskan ethos tamadun Barat yang sentiasa berkonflik dan krisis identiti sifatnya.
- Mengingati kepada pengharapan pemimpin dan rakyat untuk melahirkan generasi yang akan datang yang terdiri daripada insan yang gemilang dan sahsiah yang cemerlang iaitu yang berpengetahuan, berakhlak, berfikiran kritis, bersikap realistik, bertindak secara positif dan berdisiplin, maka:
 - (i) Menyokong tindakan tegas kerajaan tanpa tolak ansur untuk membersihkan negara dari barah rasuah dan penyalahgunaan kuasa dan mengambil tindakan secara bijaksana dalam membuat penyiasatan dan membawa ke muka pengadilan mereka yang terlibat dalam jenayah berkenaan tanpa memilih kedudukan. Syabas, kita ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dalam masa dua bulan yang lalu sudah ada jerung-jerung yang sudah pun didakwa di mahkamah dan Barisan Nasional memperkotakan katanya untuk melaksanakan sebuah kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah.
 - (ii) Menyokong pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Timbalannya Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bahawa pemimpin-pemimpin di semua peringkat sama ada pemimpin politik, pemimpin kerajaan, pemimpin masyarakat dari semua lapisan bukan sahaja bersih tetapi hendaklah juga kelihatan bersih sesuai dengan kehendak agama dan cita-cita kewujudan masyarakat madani - Ini penting;
 - (iii) Menyokong dengan penuh bangga Program Koridor Raya Multimedia dan teknologi maklumat yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi kepentingan rakyat dalam

menghadapi dunia globalisasi dan bagi membuktikan kepimpinan ‘akliah’ umat Islam dan kebenaran agamanya dalam menghadapi pelbagai zaman.

- (iv) Menyokong dengan penuh bangga usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa dengan mempertegaskan kepentingan bumiputera bagi keseimbangan kaum melalui reformasi pendidikan;
- (v) Mengambil ingatan supaya sikap kesederhanaan dalam sistem politik negara dikekalkan secara terus-menerus bagi memastikan keharmonian perhubungan kaum rakyat di Malaysia dalam pembangunan bangsa dan agama tetap mantap dan kukuh. Ini yang dikatakan ‘a smart partnership’.
- (vi) Mengambil ketegasan bahawa keseluruhan fiqrah tentang kemajuan progres pembangunan (development) dan perubahan (change) hendaklah berpaksikan kepada nilai agama, etika dan budaya bangsa sendiri dan dalam menuju era kecemerlangan Malaysia seterusnya Perhimpunan Muafakat Membawa Berkat, berdiri teguh bersama pucuk pimpinan parti dan kerajaan, iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim untuk melaksanakan cita-cita negara dan rakyat dalam menuju abad ke-21.

Itu semangat, Tuan Yang di-Pertua. Saya memperkatakan perkara ini di bawah perbahasan Perbekalan kerana ada kaitannya dengan apa yang dilakukan kerana peruntukan yang telah dipergunakan untuk membangunkan negara.

Yang paling menggembirakan sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya telah juga menghantar resolusi ini yang diluluskan lebih daripada 10,000 rakyat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu Perdana Menteri bercuti bekerja di luar negara baru-baru ini. Saya telah menghantar resolusi ini sehari selepas perhimpunan 27hb. Jun dan pada 3hb. Julai, saya telah menerima jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Walaupun dalam keadaan begitu sibuk dengan tugas-tugasnya, bercuti, menulis, melawat kilang-kilang, tetapi saya tidak terfikir bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menulis surat dalam keadaan yang begitu sibuk dan saya terperanjat apabila menerima surat tersebut dan kandungan suratnya pula penuh dengan erti ilmu dan perjuangan yang saya mahu berkongsi bersama pandangan Perdana Menteri ini untuk pengetahuan rakan-rakan

dalam Dewan yang mulia ini. Ini saya kira ada baiknya yang saya baca daripada mana yang penting.

Kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri:

“Saya ucap terima kasih kerana menyampai kenyataan ketegasan Perhimpunan Muafakat Membawa Berkat yang dikeluarkan semasa perhimpunan Pasir Mas pada 27 Jun 1997. Saya amat menghargai sentimen yang dilafazkan dalam kenyataan tersebut. Negara tidak mencapai kejayaan kerana satu, dua orang sahaja tetapi kerana perpaduan oleh rakyat serta sokongan yang memberi kekuatan. Pemimpin yang berotak geliga sekalipun tidak akan berjaya tanpa penyokong dan keizinan Allah subhanahu wata’ala.”

Satu pelajaran dan satu ingatan yang dibuat oleh Perdana Menteri ialah kita mesti bekerja sebagai satu pasukan, must be a team work. Betapa bijak kita sekalipun, tidak mungkin kita dapat laksanakan tugas tanpa kerja sebagai team work.

“Dari jauh saya melihat dan meneliti perkembangan politik di tanah air dengan pandangan yang bebas. Negara kita dan rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu yang diketahui menerajui dan memimpin negara, sekarang amat dikenali dan dihormati. Semua ingin tahu bagaimana kita capai kejayaan. Ramai yang ingin meminjam pakar-pakar kita untuk menolong membangun negara mereka.

Sanjungan kepada kita bukan kerana kita mendesak supaya kita disanjung atau bangsa kita bangsa Melayu yang pernah ada empayar dahulu yang bertutur dalam bahasa Melayu dan berbudaya Melayu. Penghormatan kepada kita ialah kerana kita dapat bukti dengan jelas kebolehan kita dalam bidang pentadbiran, bidang pembangunan, bidang politik dan lain-lain. Biasanya orang asing, termasuk orang Islam sendiri, berpendapat bahawa orang Islam tidak mungkin maju tetapi sekarang mereka tidak lagi percaya semua orang Islam malas, tidak cekap dan pengganas. Sekarang mereka anggap orang Melayu sebagai contoh bagi umat Islam lain dan juga kepada orang bukan Islam.”

Ini bila orang Melayu, orang Islam maju, Islam pun maju. Ini wakil PAS boleh balik dan cerita kepada Menteri Besar Kelantan.

“Kerana orang Melayu berjaya, ramai orang yang ingin belajar bahasa Melayu di luar Malaysia. Saya gembira apabila ditegur dalam bahasa Melayu oleh

orang asing di negara asing. Jika kita bangsa yang mundur, tidak siapa ingin belajar bahasa kita walaupun kita didesak supaya bahasa kita dijadikan bahasa dunia. Insya-Allah, jika kita terus maju tanpa desakan, bahasa kita akan dipelajari dan diguna oleh bangsa-bangsa lain. Kemajuan tidak mungkin jika orang Melayu hanya tahu bahasa Melayu sahaja. Hari ini bangsa di dunia menerima bahawa penguasaan hanya bahasa ibunda tidak mencukupi. Semua akui akan pentingnya penguasaan bahasa Inggeris yang menjadi asas bahasa komputer.”

Ini pentingnya bahasa Inggeris yang diujah selama ini yang saya kira pendukung-pendukung bahasa ataupun cendekiawan dapat memahami ini lagi satu pemikiran yang dicetus oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa untuk orang belajar bahasa Melayu, kita sendiri sebagai bangsa mesti maju. Bila bangsa kita maju, orang hendak belajar, hendak mengenali bangsa Melayu, maka dengan sendirinya dia belajar bahasa Melayu. Jadi, saya harap dengan kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri:

*“Kita bermuafakat untuk membangun bangsa kita tanpa emosi atau kepentingan semasa. Politik kita ialah politik jangka panjang. Kita semua harus sanggup tidak popular hari ini kerana mengutamakan kebahagiaan dan kehormatan bagi bangsa kita di masa hadapan yang lebih kekal, insya-Allah.
(Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad)”*

Saya terima surat ini dan saya cukup seronok. Saya sudah print resolusi di belakang dan saya sudah buat surat, saya hendak hantar kepada seluruh sahabat di tanah air sebab mesej dalam surat ini yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengandungi apa yang dikatakan dari segi ilmu, dari segi perjuangan, dari segi cita rasa untuk memenuhi agenda pembangunan bangsa yang boleh menjadi bukan sahaja untuk memahami, tetapi boleh menjadi rangsangan dan pedoman kepada generasi muda dalam meneruskan perjuangan mengisi agenda pembangunan bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berada di Jepun, waktu itu kita menghadapi masalah dengan serangan kejatuhan nilai mata wang kita Ringgit Malaysia. Perdana Menteri telah membuat kenyataan umum waktu di Jepun dengan mengatakan ada pihak-pihak tertentu mungkin memanipulasikan Ringgit kita. Apabila pulang ke tanah air, dengan berani Perdana Menteri mendedah nama George Soros. Tidak ada siapa terfikir untuk mendedahkan

nama George Soros sehingga pendedahan itu menggegarkan dunia dan mendapat sokongan pemimpin-pemimpin di waktu mengadakan sidang Menteri-Menteri Luar ASEAN.

Saya memerhati, Tuan Yang di-Pertua, apabila Perdana Menteri kita membuat beberapa ucapan ataupun kenyataan yang sentiasa mendapat reaksi balas daripada negara Barat. Tetapi apabila disebut nama George Soros, apabila keluar sahaja dalam akhbar dan media, keesokan hari jurucakap Rumah Putih terus react dan mempertahankan George Soros, begitu cepat sekali. Saya tengok never reaction daripada Rumah Putih (White House) yang kita lihat dalam CNN bertindak begitu cepat kecuali apabila timbulnya nama George Soros ini. George Soros ini dikatakan terlibat. Perdana Menteri kata ada bukti yang cukup jelas beliaulah mengguna kekayaan, seorang manusia mengguna kekayaan menyerang mata wang negara-negara Asia bermula Baht daripada Thailand, kemudian di Malaysia, dan sebelum itu pernah berlaku di Copenhagen, di Holland, kalau tidak silap saya, malah Britain pun kena pada satu ketika dahulu. Inilah akibatnya kekayaan seorang manusia yang tidak bertanggungjawab yang disebut 'penyangak spekulasi mata wang'.

Jadi, kita berbangga dengan keupayaan Perdana Menteri, bukan sahaja keupayaan tetapi berani, tidak ada siapa bercakap. Saya berjumpa dengan ramai tokoh dalam kerajaan, saya jumpa dengan profesor-profesor, ahli-ahli fikir, tidak pernah pun bercakap kepada saya nilai mata wang Ringgit ini kerana ada spekulasi pihak-pihak tertentu, satu dua manusia yang menggunakan kekayaan menyerang Ringgit kita, tidak ada, tetapi Perdana Menteri ada, tahu. Ini sama ada beliau membaca ataupun beliau mengikuti perkembangan dan setiap masa always alert all the time as a leader, dengan izin. Beliau mengikuti dan beliau boleh mengeluarkan kenyataan ini.

Yang saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, bila disebut ada pula pihak-pihak mempertahankan George Soros. Dan yang lebih unik lagi, George Soros ini mula mendapat pembelaan daripada pertubuhan Non-Governmental Organisations (NGOs). Saya sentiasa berlanggan sebuah majalah atau akhbar yang dinamakan *The Earth Times*. Akhbar ini diterbitkan sempena dengan sidang Rio di Brazil pada tahun 1992 dahulu, iaitu selepas Earth Summit, wujudlah akhbar *The Earth Times* yang diterbitkan di New York dan saya sentiasa berlanggan secara terus, kerana dalam ini banyak cerita dunia dan begitu kritikal dan saya seronok baca isu-isu alam sekitar, macam-macamlah. Kali ini dia bercakap soal Land Mines. Tetapi apabila saya buka hari ini di pejabat saya, terpapar nama - 'A man and his billions - George Soros'.

Dalam artikel ini yang ditulis oleh Ashally Varma, bukan main lagi memuji George Soros. George Soros ini kelihatan dipaparkan sebagai seorang jaguh, pejuang kemanusiaan sejagat dalam banyak isu. Disebut di sini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam akhbar tempatan pun dia ada tulis, tetapi disebut di sini:

“In early 1997 the open society institute launch the land mines project to support the effort towards of comprehensive world wide bank on land mines.”

Dia sebut di sini, George Soros ini:

“.....has dedicated a minimum of 1.33 million a year for the next three years for that particular project.”

Itu satu sahaja. Dan dia telah menubuhkan:

“24 autonomous non-profit foundation and organisation and created and founded by Soros operate in central and eastern Europe, the former Soviet Union, Mongolia, Haiti and South Africa and United States as well. Soros has donated more than a billion dollars through his foundation to the last decade.”

Wah, bukan main lagi.

Jadi, saya bangkitkan perkara ini, saya hendak supaya pertubuhan-pertubuhan NGO berhati-hati. Dia boleh derma satu, dua juta, satu bilion sekalipun. Kalau dia sudah mengaut keuntungan ataupun menggunakan wang yang dia ada menyerang currency negara-negara tertentu termasuk Malaysia, malah juga lain-lain projek yang disertainya, apa salah belanja satu, dua, tiga juta ringgit untuk dapat berbilion ringgit dan menggunakan NGOs di belakangnya untuk membelanya dan dia dilihat sebagai pejuang kemanusiaan sejagat. Kita berharap NGO dalam negara kita ini berhati-hati.

Saya mula meyakini bahawa kebanyakan pertubuhan NGO yang selama ini membicarakan soal alam sekitar, yang membicarakan soal hak asasi manusia, yang membicarakan soal demokrasi, yang bercakap soal membesar-besarkan penindasan di setengah-setengah negara yang masih dalam proses membangun yang dibesarkan melalui majalah-majalah NGO, surat-surat khabar, saya sudah mula mengesyaki orang macam George Soros inilah di belakang segala gerakan ini.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, yang perlu kita ketahui dan tidak salah lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menyerang habis-habisan George Soros ini. Walaupun dia menunjuk sifat public relation (PR) dengan menyatakan ingin bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Perdana Menteri juga menyatakan kesediaan untuk bertemu, tetapi kita berharap orang macam George

Soros yang ada rekod ini, yang sudah terbongkar, macam-macam pertubuhan NGO sudah mula bela dia, mungkin dia bayar gaji sana, dia bayar gaji sini, dia tubuh pertubuhan sana, dia tubuh pertubuhan di sini, menyerang negara-negara membangun. Maka sebab itu kita tidak hairan kenapa Rumah Putih (White House) dalam masa sehari sahaja terus membuat kenyataan balas mempertahankan George Soros ini. Inilah tali barut dan inilah penyangaknya.

Kita berharap usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggerakkan kesedaran di kalangan negara ASEAN dan juga untuk mengajak negara-negara lain di waktu sidang APEC nanti untuk menyatukan semua pemimpin mencari jalan bagaimana diperkemaskan lagi sistem ekonomi dan kewangan di peringkat antarabangsa supaya tidak memberi ruang kepada penyangak-penyangak seperti George Soros ini mengambil kesempatan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah isu pokok yang saya hendak bangkit dalam perbahasan ini, dan lain-lain perkara saya juga ingin menyentuh soal isu sampah-sarap yang dibangkit oleh Yang Berhormat Datuk Rahim Baba. Dahulu saya sudah bangkit, saya tidak tahulah adakah pegawai daripada Dewan Bandaraya dalam Dewan yang mulia ini. Saya mengulangi apa yang saya berpendapat. Berlakunya kekotoran di bandar-bandar kita ialah kerana memang tidak cukup tempat buang sampah. Kalau kita lihat di setengah-setengah negara maju, kita ambil mana-mana yang baik. Kita belajar, kita ambil perkara-perkara yang baik seperti di Jepun, di Singapura atau setengah-setengah negara maju lain, tong sampah dari satu tempat ke satu tempat begitu banyak sekali, dan tong sampah itu dibuat pula dengan begitu indah sehingga berbentuk pasu, yang sekaligus ia bukan tong sampah sahaja yang memberi kesempatan kepada pengguna membuang sampah, tetapi ia juga satu hiasan yang boleh mengindahkan kota raya. Bukan semata-mata tong sahaja, tetapi dengan plastiknya, dengan terdedahnya dan sampahnya melimpah. Itu satu. Tong sampah dibuat dengan banyak, itu satu cara.

Cara yang kedua, di tempat kompleks-kompleks yang besar, ini mudah sahaja. Masalah kita di Malaysia ini yang jadi kotor sangat sebab fenomena junk food sudah jadi budaya. Kita tengok plastik makanan kereta tolak di merata tempat. Hendak larang, kita hendak jaga juga, ini juga pun boleh mengindahkan negara kita, tradisi kita makan di warong, gerai-gerai orang melawat, kita hendak maintain juga. Tetapi macam mana hendak pasti ia bersih. Ini yang menjadi masalah, kerana junk food pun banyak. Oleh sebab itu, buang di merata tempat, puntung rokok biasalah. Selepas itu, plastik buah betik, plastik buah jambu yang dijual di tepi-tepi jalan, sarung-sarung junk food ini merata tempat. Jadi, kalau banyak tong sampah, dan bila undang-undang dipinda, dendanya tinggi - satu lagi saya

hendak cadang di tempat-tempat kompleks yang besar, macam di Lot 10, ini pun tanggungjawab tuan punya Lot 10, developer Lot 10. Macam hotel, dia jaga kebersihan. Cuba kita pergi di setengah-setengah tempat, konvensyen di tempat-tempat besar, membersih sampah 24 jam. Dewan Bandaraya boleh tambah kakitangan kalau tidak cukup. Banyak orang luar hendak kerja. Di Bukit Bintang ada.

Contoh di airport, cukup bersih. Kita pijak sedikit sahaja dia mari sapu, sampai kasut-kasut kita dia sapu, itu sudah terlajak bersih, terlajak rajin, selalu tidak seimbang. Cuba kalau kita tengok di Lot 10, bangunan itu berharga ratus juta ringgit. Sepatutnya di depan Lot 10, sampah waktu malam, pagi esok merekalah yang bersih. Jadi, boleh kita pinda undang-undang saya cadangkan, bukan sahaja kalau kita tangkap pengguna denda kita naik RM500, tetapi tuan punya bangunan-bangunan yang besar ini kalau di depan bangunan mereka kotor, mereka juga patut disaman dan dinaikkan denda supaya mereka tambah pekerja. Apa salah di depan Lot 10, depan kompleks-kompleks besar macam Sogo, The Mall, supaya meletakkan yang beruniform sekurang-kurangnya sampai pukul 12.00 malam, sentiasa membersih, mereka dengan beruniform, jacket, macam-macam jacket boleh dibuat yang kita kenali seperti 'Mall', 'Sogo', ini 'Lot 10', selepas itu penguatkuasaan tegas.

Saya rasa tidak ada masalah, bukan susah sangat, tetapi mentalitilah. Kadang-kadang prioriti tidak kena, serbu bilik-bilik karaoke pun rajin. Tetapi sampah bukan kisah sangat. Serupa dengan Jabatan Agama Islam Selangor baru-baru inilah, banyak lagi perkara-perkara lain yang patut dibetulkan dari segi Islam, tetapi budak-budak muda yang tidak tahu apa lagi undang-undang di mana masuk pertandingan Ratu Cantik begitu-begini salah, itu dahulu pergi serbu. Semua kita sokong ke arah kebaikan, tetapi dalam bentuk tindakan. Samalah juga dalam soal kebersihan ini. Ini yang saya rasa kalau diberi perhatian boleh diselesaikan, tidak susah sangat. Kita ada undang-undang, dan undang-undang boleh jadi senjata dalam kita memperkemaskan dan memperkuat rakyat supaya berdisiplin. Itu satu. Keduanya, tong ditambah.

Saya tengok tong cukup tidak berkenan betul. Pada hal kita di sini ada kreativitinya, ada pertukangannya, cuba buat tong elok-elok. Tong sampah, tetapi di atasnya ada bunga, macam mana, mesti boleh buat. Kalau kata tidak boleh, makna kita belum bersedia untuk menjadi negara maju. Kita ada pelajar graphic design sudah boleh buat, rekalah. Reka, reka, reka, cari inovasi ini. Belanjakan duit, bahagian Research. Ini belanja jalan keluar negara sahaja. Ada masalah, "ha! Jom kita melawat Copenhagen, kita pergi tengok di Copenhagen", berderet ke Copenhagen, habislah RM100,000, RM200,000, kemudian balik. Selepas itu ada pula masalah, oh hendak bangun satu park, "ha! jom kita

pergi ke Paris”, berderet pergi ke Paris, kemudian balik. Apa benda semua ini. Semua ini boleh buat di sini, boleh direka, cari inovasi dan buat di sini, wang rakyat selamat. Tak payah lagilah keluar negeri.

Saya hendak cadang kerajaan berhentikanlah lawatan-lawatan keluar negara untuk mencari contoh, sudah cukup. Cukup dengan Perdana Menteri sahaja. Kalau melawat pun saya rasa tidak macam Perdana Menteri, sebab itu saya kata tadi, bila kita bercuti kita belajar dengan Perdana Menteri. Sampai sahaja turun kapal terbang, melawat kilang, rehat sekejap sahaja. Ini, kursus yang dihantar untuk pergi belajar luar negara, pergi cari idea-idea baru bukan bercuti. Mereka pergi, rupa-rupanya bercuti lebih, kerja itu kurang, walaupun pergi seminggu atas nama lawatan bekerja dihantar oleh agensi macam-macam, saya tidak hendak sebutlah. Lima orang, 10 orang, 20 orang jumpa sana-sini, mari buat kajian, banyak rehat. Dua jam keluar, lepas pergi melawat rasmi, balik tidur 9 jam. Selepas itu tambah pula bercuti 2 hari, 3 hari lagi. Hentikanlah, saya hendak cadang kepada pihak Kementerian Kewangan dalam hal peruntukan macam ini tolong semak, hentikanlah kerja-kerja ini. Kalau perlu sangat, hantar seorang-dua, cukup dengan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sahaja, bawa balik idea, di mana perkara-perkara yang saya rasa tidak begitu rumit dibuat dalam negara kita tanpa lagi menghabiskan wang untuk membuat kajian di negara-negara lain. Ini hal sampah-sarap.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyebut di sini untuk menyatakan terima kasih saya kepada kerajaan - Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, tolong sampai salam saya kepada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana telah bermurah hati dan bijak, memang bijak betul, sebab lama saya merayu. Selepas merayu punya merayu, sebelum pilihan raya umum, akhirnya saya diberitahu secara rasmi, dahulu saya minta sebuah lagi jambatan di Kelantan, sebab tidak cukup satu jambatan. Jambatan Sultan Yahaya itu sudah lama. Selepas itu Kerajaan Pusat beri satu lagi Jambatan Pasir Mas Salor. Sudah siap, sudah diguna dan meringan beban rakyat Kelantan. Kalau harap kepada Kerajaan Kelantan mustahil boleh buat, tidak mampu mereka buat, tidak berupaya mereka buat, tetapi bercakap hendak buat pembangunan. Di Semerak pun mereka buat pembangunan, tetapi ‘tampung baju yang tembus, baju-baju yang rosak.’

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Boleh tahan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menyatakan sesuatu kerana saya adalah mewakili daripada Kerajaan Negeri Kelantan. Tetapi saya rasa masyarakat kebanyakannya, bila kita mendengar ucapan daripada Yang Berhormat yang sedang bercakap tadi tidak

senang kalau tidak mengutuk Kelantan. Saya amat dukacita, kita di dalam Dewan yang mulia ini mesti menunjukkan sahsiah, personality yang begitu baik. Tetapi dalam rayuan mungkin tidak sampai lagi hasrat beliau hendak minta tadi, kiranya beliau merayu untuk meminta Kerajaan Pusat memberi support ataupun memberi bantuan kepada Kerajaan Kelantan, saya merakamkan jutaan terima kasih bagi pihak negeri Kelantan kepada Yang Berhormat tersebut. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Tengok orang Barisan Nasional punya gentleman, dia beri jalan, dia dengar. Tetapi saya mengatakan bukan saya kata seolah-olah saya berucap tidak sempurna kalau saya tidak mengutuk kepimpinan Kelantan. Saya kena buat sebab saya bertanggungjawab. Yang Berhormat defend tadi kerana baru dilantik jadi Senator, jadi kenalah balas budi. Itu semua orang tahu. Jadi, soalnya yang saya hendak sebut, sebab orang tahu. Saya hendak beri contoh, macam di Semerak dalam pilihan raya kecil, dahulu serang Barisan Nasional, beli undi, politik wang, begitu-begini. Alih-alih bila ada by-election di Semerak, boleh pula Kerajaan Kelantan tumpang jalan daripada Jalan Tok Bali sampai ke Semerak, satu depa adalah. Dan daripada Semerak ada satu jambatan yang kecil, satu lorong, yang mana orang hendak guna, terpaksa kalau kereta sebelah utara lalu, kereta dari selatan kena tunggu, kalau dari selatan lalu, utara kena tunggu. Kenapa tidak buat jambatan itu? Bukan banyak sangat, mungkin RM5 juta, RM6 juta. Ini saya kata tidak upaya, bukan saya hendak mengutuk, tidak. Tidak upaya.

Apa jadi kepada perjanjian dengan....

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Nanti dahulu, fasal Yang Berhormat baru masuk. Saya sudah lama dengan orang-orang PAS. Walaupun dapat dilantik jadi Senator sebagai wakil, tetapi sabar. Insyallah, satu hari nanti Yang Berhormat pun akan dapat lihat kebenaran ini. Biar saya habis, saya boleh beri satu persatu hujah-hujah. Saya bertanggungjawab, sebab kita tengok. Tengok Perjanjian Kelantan Water dengan Thames Water, sudah berapa juta Kerajaan Kelantan tanggung sekarang? Hendak hantar bil untuk naik bayaran air, takut rakyat berontak, maka ditarik balik. Tetapi Thames Water sekarang ini sudah menuntut dengan Kerajaan Negeri Kelantan berpuluh juta. Kelantan Water yang ditadbir oleh Thames Water sekarang ini, rakyat hendak sambung air pun sudah tidak boleh. Tidak mahu, sebab dia kata selagi hutang tidak bayar tidak disambung, tidak dikira perjanjian balik dan sebagainya. Itu dua perkara. Pemimpin PAS sendiri mengakui tidak akan dapat dilaksanakan pembangunan di Kelantan tanpa sokongan Kerajaan Pusat. Ini yang saya hendak masuk. Sebab itu

saya berterima kasih kepada kerajaan kerana membawa lulus jambatan ini di Pasir Mas, dinamakan Jambatan Tendung ke Wakaf Che Yeh yang saya jangka belanjanya mungkin hampir RM70-RM80 juta dibuat dengan cara turnkey, - built and design. Saya berterima kasihlah kepada Kerajaan Pusat. Sebab yang saya hendak sebut kalau harap kepada kerajaan PAS tak mungkin mereka boleh buat. Jadi, saya sebut kalau hendak harap kepada kerajaan PAS, maka dia kata tadi sepatutnya kita sokong minta dengan Kerajaan Pusat. Saya pula sebagai anggota Barisan Nasional saya mengatakan bahawasanya kerajaan PAS tidak berupaya. Kalau berupaya, beri kerajaan PAS buat. Esok kita beri kerajaan PAS buat, kita tarik balik yang Kerajaan Pusat beri, apa macam, tentu tidak boleh buat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya rasa dalam dua penggal, waktu yang terlalu pendek bagi menyelesaikan, bagi memodifikasikan semua negeri Kelantan itu sendiri memandangkan kedudukan dan iklim ekonomi juga, kalau kita hendak bandingkan masalah kemiskinan, masalah kemunduran, bukan Kelantan sahaja satu-satu negeri yang mundur. Saya berasal dari Kedah, Yang Berhormat boleh turun ke Kedah di sebelah Kuala Nerang, Sik, jauh-jauh lagi tempat-tempat masih ada jalan yang tidak boleh dilalui. Kalau boleh pun hanya Land Rover yang ada special gear sahaja boleh jalan. Mungkin Yang Berhormat hendak bawa Mercedes pun tidak sampai hati. Sebab itu saya terpaksa defend Kerajaan Kelantan kerana waktunya terlalu pendek kalau kita hendakkan semua di'establish'kan dengan begitu baik. Saya perlu menyatakan di sini beberapa perubahan yang telah dibuat oleh kerajaan PAS di Kelantan. Paling utamanya menampakkan di segi spiritual rakyatnya. Saya merata-rata berjalan, saya melihat dengan sedih remaja terkini membuang masa dengan melepak sana-sini, tetapi tidak terdapat banyak di negeri Kelantan. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasihlah Yang Berhormat kerana bersemangat berapi-api. Yang Berhormat kata dua penggal tidak cukup, macam mana tidak cukup. Yang Berhormat tahukah kalau betul kerajaan PAS itu ikhlas macam Yang Berhormat betul-betul berjuang kerana Islam, kalau pun ada peruntukan yang diuntuk oleh undang-undang seperti Kerajaan Pusat, menteri besar boleh pakai kereta Mercedes 500 SL, Exco boleh pakai 300 SL, kalau Kerajaan Barisan Nasional pakai, sebab ini sudah lama maju, Menteri Besar Kelantan tidak usah pakailah. Tak usahlah Exco pakai kereta besar, itu duit rakyat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Jangan melenting, duduk dahulu. Saya takut menangis nanti. *[Ketawa]* Saya serang, Yang Berhormat nanti menangis, saya hendak sebut, dengar saya cakap ini.

Pakai kereta besar-besar, berapa belanja duit rakyat itu. Satu kereta RM300,000, RM400,000 sebuah kereta. Sudah cakap Islam, tak usahlah pakai kereta besar, naik basikal sudahlah, contohnya, ataupun naik kereta Proton Saga. Kalau negeri Kelantan miskin, tidak ada duit, cukai tidak cukup, buat cara miskin, baru kita hormat. Ini bercakap dengan rakyat 'kita hendak buat pembangunan, kita Islam', tetapi pemimpin tidak serupa bikin, menggunakan Al-Quran, menjajakan slogan, pertahankan kepimpinan ulamak, menjual agama untuk politik. Orang yang bukan Islam....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Sila.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Speaker, saya duduk di luar tadi, Yang Berhormat dari Kedah ada sebut kawasan saya....

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Duduk sekejap. *[Ketawa]* Yang Berhormat kena tahulah peraturan bahas. Bila saya cakap Yang Berhormat kena duduk. Saya hendak tanya Yang Berhormat kata tadi, Kuala Nerang ada kawasan yang jalannya tidak boleh masuk, Land Rover pun tidak boleh masuk, di mana saya hendak tanya sebab saya Wakil dari Kuala Nerang. Jadi, dari segi etika kalau kita hendak berbahas dalam Dewan, kita kena substantiate, kita kena wujud apa yang kita hendak kata. Jadi, di mana, kawasan mana Yang Berhormat kata. Sebab saya malu, saya sebagai Wakil Rakyat. Sepanjang pengetahuan saya, saya sudah buat semua jalan sampai ke Durian Burung hendak masuk Patani. Jadi, yang kata Land Rover tidak boleh masuk, di mana?

Puan Jamilah binti Ibrahim: Ya. Tuan Yang di-Pertua, minta laluan, mungkin agak

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang bercakap!

Puan Jamilah binti Ibrahim: Ohh!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ahli Yang Berhormat bangkitkan perkara itu, nanti Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat boleh balik buat kajian dan jawab. Saya hendak habiskan ucapan saya tadi. Betul kata Yang

Berhormat tadi, di mana? Bila disebut negeri-negeri lain, ada lagi tempat-tempat miskin, itu 'generalise statement'. Memang betul, kita bukan mengakui bahawa semua sudah senang, semua sudah maju, tetapi kita lihat dari segi pembangunan infrastruktur, Kelantan 'Serambi Mekah' saya bercakap bab negeri saya, Ahli Yang Berhormat daripada Kedah, jadi, orang Kedah defence negeri Kelantan, saya sendiri mendedah apa yang berlaku di Kelantan, negeri 'Serambi Mekah', saya malu! Jual Islam 'Serambi Mekah' tetapi apa yang ada di Kelantan?

Negeri Kedah kalau disebut apa yang dikatakan tidak maju lagi, betullah ada jalan-jalan saya rasa mungkin lima, sepuluh tahun lagi mungkin akan bertambah, ada kilang Proton Saga, ada kilang Modenas, ada cawangan Universiti Al-Azhar, ada Universiti Utara, ini hendak tambah buat lapangan terbang di Kuala Kedah, Langkawi membangun, keseluruhannya, betullah kalau hendak dilihat jalan kampung semua kalau hendak ditar setiap buah rumah tentulah mengambil masa, tetapi basic, asasnya infrastruktur.

Di Pahang ada Universiti Islam Jordon, Perlis sebuah negeri bukan besar sangat, kalau kereta api masuk ekornya di Alor Setar [*Ketawa*] marah pula orang Perlis nanti. Tetapi saya hendak sebutkan

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Maaf Yang Berhormat ya? Tetapi hebat Perlis negeri kecil, ada cawangan Universiti Madinah, di Johor ada cawangan Universiti Al-Azhar, di Terengganu ada cawangan KUSZA bertaraf IPT, itu belum masuk lagi universiti-universiti lain pusat pendidikan Islam. Hah! Cuba

kita lihat itu. Lain-lain universiti lagi banyak, di Kelantan apa ada, yang ada Akademi Islam, itu yang zaman arwah Datuk Asri, saya mengikuti perjuangan PAS tidak baru, keluarga saya dahulu pun memang menyokong PAS. Saya mengaku dahulu, semasa saya belajar dahulu, keluarga saya sendiri, tengok apa yang berlaku di Kelantan?

Itu jambatan yang dibuat di zaman arwah Datuk Asri dahulu menjadi Menteri Besar Kelantan. Apa ada? Yang ada sekarang ini pun semua program Kerajaan Pusat, itu yang saya katakan, akhir sekali negeri saya terpinggir, bukan saya hendak mengutuk Kerajaan PAS, cuma ‘cakap tak serupa bikin’. Tengok semalam Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Besar Kelantan buat kenyataan kempen pilihan raya, ini cara Israel, lepas itu dia marah kerana dua malam lepas ada orang PAS masuk UMNO, masuk Barisan Nasional, Wan Hussin bin Wan Hassan, adik kepada wakil calon PAS sekarang ini, dia boleh sebut, itu orang gila. Jadi, PAS kalau dengar bercakap dalam Dewan, cantik!

Ustaz Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi dalam Dewan Rakyat berucap sungguh cantik. Saya dalam Dewan Rakyat dahulu dua penggal. Saya telah berpengalaman dengan PAS bukan baru, kalau bercakap di Dewan Rakyat, cukup canggih. Bercakap di coffee house baik, berjumpa bersalam baik, boleh bergurau bercakap boleh ketawa, tetapi bila balik ke kampung cara dia serang Masya-Allah! Kafir, ‘toghut’ masih ada lagi, tak sokong balun terus menerus, jual Islam. Kita orang Islam, bila kita mengaku Islam, kita tidak boleh jual Islam, orang yang bukan Islam ada sesetengah agama, dia anggap Tuhan dia itu jenis-jenis patung, dia jual patung itu, itu hak agama mereka.

Tetapi PAS sekarang ini jual Islam, lambang - ha! itu Islam, waktu pilihan raya letak, ini undi Islam, ini ingat Allah Ta'ala, ini ingat Muhammad, itu bukan jual patung itu? Dan agama tidak boleh digunakan untuk diperdagangkan kerana politik. Kita tidak ada masalah soal perbezaan pendapat, cuma kita hendak menghujahkan perkara yang sebenar. Dahulu, tengok Menteri Besar Kelantan buat kenyataan, kita katakan, ini tauke balak sudah masuk, bila kempen pilihan raya di Semerak. Buat pintu gerbang, pilihan raya sahaja sehari sahaja Wakil Rakyat meninggal dunia berpulang kerahmatullah, naik dah pintu gerbang, lori sampai, check tauke balak, balak, timber punya tauke-tauke ini terus buat pintu gerbang, satu, satu pintu gerbang, pergi tampung jalan sedikit-sedikit. Itu sahaja yang boleh dibuat, lepas itu letak pula di tepi-tepi jalan, di lorong-lorong 'pertahan kepimpinan ulama', 'kepimpinan Islam', mengguna sentimen rakyat yang daif.

Saya boleh buat, bermakna kita jual Islam, bermakna gunakan Islam, tentulah orang naik bulu roma. Cuba siapa-siapa pergi balun masjid, tentu saya pun mati jihad. Kalau hendak bercakap bab Islam. Tetapi jangan menggunakan kedaifan rakyat 'conservative' sikap rakyat ini yang daif di kampung-kampung, kita pergi letak di situ Islam, kita pergi letak di situ kepimpinan ulama, siapa menentang ulama, menentang Islam. Apa benda ini? Ha ini yang saya katakan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat sila tumpukan kepada konteks Bill ini, jangan sentuh banyak kepada perkara berkenaan parti-parti ini.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya pun sudah habis ini.

Saya hendak balik kepada Jambatan Pasir Mas, pengajaran yang cukup baik. Saya hendak balik kepada Jambatan Tendung, Pasir Mas ini, saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, tadi saya pesan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ini hendak pesan pula kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Kewangan sampai salam kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, saya cukup-cukup berterima kasih kerana jambatan ketiga ini bukan sahaja menjadi pemangkin kepada pembangunan sekitar di kawasan tersebut, tetapi boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas di dua jambatan yang tidak mencukupi dan saya harap ianya akan dapat dibina dengan secepat mungkin.

Pada masa yang sama juga, saya hendak merungut satu lagi perkara iaitu untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga kepada pihak Kementerian Kewangan tentang masalah yang dihadapi di bandar Pasir Mas. Dahulu pernah atau tidak Ahli Yang Berhormat ingat satu ketika dahulu tahun 1970-an, saya lupa, di mana kereta api melanggar sebuah bas yang habis mati, kejadian itu berlaku di Pasir Mas.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ha! Dan di bandar Pasir Mas kalau Ahli Yang Berhormat pergi ke bandar Pasir Mas, ada satu jalan kereta api yang masih pakai 'gate', yang selalu menimbulkan kesesakan lalu lintas dan cukup merbahaya kepada pengguna-pengguna. Jadi, saya mintalah supaya pihak kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) supaya melihat dan saya difahamkan Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas sudah pun menghantar cadangan untuk membinanya ataupun cadangan by pass bagi bandar Pasir Mas, sama ada jejambat kereta api lalu ikut bawah ataupun cari outlet lain bagi menyelesaikan masalah lalu lintas di Pasir Mas.

Saya telah menerima salinan surat daripada Setiausaha Majlis Daerah, ini tengok kita ini [*sambil menunjukkan surat tersebut*] bukan main baik ini, bawa masalah ini untuk rakyat, saya mintalah diberi perhatian dan satu lagi saya terpaksa bawa ke Dewan Negara ini walaupun perkara ini kecil tetapi ini kerana attitude ini.

Saya hendak minta kerajaan mengenai dengan masalah yang dibangkit oleh Tuan Haji Mahmud bin Haji Awang, Syarikat Sri Wangsa, Lot 821 Kampung Tok Bot, Tendung, Pasir Mas, dia ini minta hendak buat stesen minyak, dia hantar cadangan atas arahan daripada pihak Petronas, dia tulis surat kepada saya, saya telah berunding dengan dia dan dia beritahu kepada saya, bila dengar pun hendak jatuh air mata. Dia cakap kepada saya dan dia hantar surat. [*Sambil membaca surat tersebut*]

Untuk pengetahuan Datuk, saya telah membuat permohonan dalam tahun 1985 lagi iaitu sebelum Stesen Petronas Pasir Mas dibina lagi, tetapi

sekarang Petronas sedang menyiapkan satu lagi stesen di Pasir Mas, sedangkan sudah ada Stesen Petronas di dalam Jajahan Pasir Mas di samping tujuh buah stesen minyak yang lain. Dan saya sudah check jarak tempat yang dia minta ini dengan Pasir Mas dekat enam kilometer, di sini tempat dia minta tak dapat, tidak ada stesen minyak satu pun. Ini yang susah kadang-kadang pegawai-pegawai ini, mereka buat kajian macam mana pun tidak tahu. Ha, ini yang kita hendak pinda Akta Badan Pencegah Rasuah ini.

Seorang Ahli: Ya, ya.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Bukan tuduh, tak adalah, tetapi mungkinlah dan tidak masuk akal. *[Sambil membaca surat tersebut]* Kata pengusaha ini: “Banyak sudah pelaburan yang saya buat, untuk menyiapkan mini stesen saya, sehingga saya di arah membuat PA untuk hendak memperlakkan tempat minyak saya tetapi Petronas masih belum meluluskan lagi. Saya harap Datuk dapat menolong saya”dan sebagainya.

Saya hendak mintalah perkara ini dirujuk kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Petronas. Jangan buat aniaya kepada orang tua macam ini. Sebab, saya sudah pergi melawat ke tempat ini, dia sudah buat tangki di bawah dah, so dia isilah minyak lain sekarang ini. Petronas hanya beri minyak Diesel, itu pun dihantar tidak secara regular. Manakala dia sudah berbelanja berpuluh ribu ringgit. Stesen lain kita beri buat tetapi orang yang macam ini, inilah layanannya. Jadi, saya bukan hendak mengkritik, ini teguran membina, saya hendak minta perkara ini dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya juga ingin tahu apakah Kerajaan Pusat dan Kementerian Kewangan sudah membuat keputusan mengenai dengan cadangan membesarkan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kelantan. Dahulu lapangan terbang ini diminta untuk dinaikkan taraf sebagai lapangan terbang antarabangsa, pun belum tahu lagi kedudukannya. Tetapi, itu soal kedua, kalau lulus saya berterima kasihlah bagi pihak rakyat Kelantan, tetapi sekurang-kurangnya kalau pun belum sampai ke taraf antarabangsa, lapangan terbang itu dipereleokkan lagi, diperbesarkan lagi runwaynya, bangunan pentadbirannya, terminalnya, sebab di banyak-banyak lapangan terbang ‘domestic flight’ yang paling sibuk sekali ialah Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, berapa flight satu hari, lapan dan very heavy booking kalau hendak dibandingkan dengan domestic flight yang lain. Kota Bharu/Kuala Lumpur, Kuala Lumpur/Alor Setar, semuanya ini

Puan Jamilah binti Ibrahim: Minta laluan!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Apa benda yang dia cakap itu? Saya tidak dengar. *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Hendak beri atau tidak?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, biar saya cakaplah, kalau saya bercakap lagi laku daripada Ahli Yang Berhormat bercakap, lebih baik. Kerajaan Pusat lebih memberi pertimbangan bila saya bercakap, biarlah saya buat untuk Ahli Yang Berhormat. *[Ketawa]* Jadi, minta maaf, fasal

masa sudah tidak ada, Ahli Yang Berhormat boleh berucap selepas ini, sebab semua ada peluang.

Kalau pun sekurang-kurangnya terminal itu saya difahamkan pihak Pengarah DCA Kelantan sudah pun menghantar cadangan supaya terminal itu dibesarkan dan runway itu dipanjangkan dan saya harap dapat dipertimbangkan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya, saya hendak bertanya satu perkara lagi, ini akhir betul ini, Kementerian Pengangkutan. Kementerian Pengangkutan ini yang banyak sekali mendapat peruntukan tambahan ini sebab Sistem Rel Laju Ringan (LRT). Baru-baru ini pihak Jawatankuasa SUKOM, eksekutif SUKOM membuat kenyataan masalah yang besar apabila berlakunya sukan Sukan Komanwel ini, ialah masalah pengangkutan.

Jadi, saya baca dalam akhbar Sistem Rel Laju Ringan ini sudah membuat kenyataan, dia kata, dia akan siap, boleh siap betul ataupun tidak? Saya hendak tahu dan apakah ada apa-apa masalah?

Saya tutup dengan rayuan mengenai dengan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa, sebab saya lihat di sini, pembangunan Lapangan Terbang Labuan dapat lagi tambahan RM75,300,000 di Labuan, ini kerana pusat pesisir dengan kewangan, kita menyokonglah, jadi kapal terbang kena elok yang bertaraf antarabangsa, tetapi penduduk tidaklah begitu ramai. Tetapi kita menyokong kerana dia ada keistimewaan kerana pesisiran kewangan di Asia, tinggal lagi yang saya sebut di Kelantan, saya rasa mungkin

RM40 juta atau RM50 juta sahaja nilainya. Saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan boleh lulus dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja, saya ucap terima kasih di atas baik hati atas kesabaran dan kedua-dua Ahli Yang Berhormat wanita wakil PAS kita nanti bolehlah bercakap, jangan ambil hati ya!

Puan Jamilah binti Ibrahim: Ya.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng.

5.13 ptg.

Puan Tan Ah Eng: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang saya hormati sekalian, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan ini yang telah memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997 berkaitan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun kebelakangan berikutan dengan perkembangan pesat ekonomi negara kita ini, keadaan sosial ekonomi masyarakat turut berubah. Dahulunya kereta dan rumah mungkin hanya dianggap sebagai impian bagi golongan yang berpendapatan kecil atau sederhana. Tetapi, pada hari ini, telah menjadi kenyataan lebih-lebih lagi mampu memiliki rumah yang selesa dan kereta jenis mewah.

Pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang begitu pesat sekali telah membawa bersama gejala-gejala sosial yang melibatkan golongan remaja dalam penjenayahan dan aktiviti antisosial.

Setiap individu dalam masyarakat ingin mencapai kekayaan dan jika boleh ingin mencapai hasratnya itu secepat yang mungkin. Dengan ekspektasi yang begitu tinggi ada di antaranya yang memilih jalan mudah dan perbuatan yang menyalahi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wakil dari kaum wanita saya ingin menarik perhatian dalam dua perkara penting yang berkait rapat dengan kaum wanita khususnya daripada golongan remaja yang terlibat dalam gejala sosial seperti maksiat, pelacuran, bohsia, perceraian, hamil luar nikah dan sebagainya. Pertama, untuk menangani masalah sosial yang melibatkan kaum wanita khususnya golongan gadis-gadis muda bawah umur, peruntukan dari segi perundangan adalah amat penting dan perlu. Antaranya ialah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 - Women and Girls Protection Act 1973, dengan izin. Akta ini membekalkan bidang kuasa berhubung dengan perlindungan wanita dan gadis daripada terbiar dan terdedah kepada maksiat atau bahaya moral dan mereka yang memerlukan perlindungan. Ia juga memberi kuasa untuk melindungi perempuan di bawah umur 21 tahun daripada gejala maksiat pelacuran di mana pihak penguatkuasa diberi kuasa untuk menahan mereka yang terlibat. Saya amat bersetuju dan menyokong terhadap tujuan dan kandungan akta tersebut dengan harapan ia benar-benar memainkan peranan dalam melindungi kaum wanita dan gadis daripada gejala sosial atau terdedah kepada bahaya moral.

Namun, pihak penguatkuasa perlu bertindak secara berhati-hati supaya tidak melakukan apa-apa kesilapan atau mendatangkan sebarang implikasi yang buruk terhadap wanita atau gadis berkenaan. Umpamanya kes-kes yang melibatkan beberapa orang gadis di Pulau Pinang dan Negeri Sembilan yang dipertikaikan oleh beberapa pihak yang berkenaan baru-baru ini. Perkara tersebut perlu diadakan satu solusi untuk mengelakkan gadis bawah umur yang disyaki didera kepada bahaya moral ditahan terlalu lama dan perlu diadakan tempat yang lebih sesuai selain daripada pusat pemulihan akhlak yang ada sekarang ini.

Keduanya ialah masalah perceraian yang berlaku di kalangan orang bukan Islam. Adalah difahamkan bahawa kadar kasar perceraian orang bukan Islam semakin meningkat di mana pada tahun 1995 peratus perceraian yang didaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara ialah 1% dan negeri-negeri seperti Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor adalah di antara negeri yang melebihi 2%. Hingga setakat ini masih belum terdapat langkah yang berkesan dalam membantu pihak wanita yang kebanyakannya menjadi mangsa dalam soal perceraian sama ada perceraian itu berpunca dari segi kewangan, perkahwinan isteri kedua dan sebagainya. Kaum wanita yang menghadapi masalah

perceraian biasanya terpaksa melalui pelbagai proses termasuk permohonan tribunal perdamaian dan akhirnya mahkamah barulah memperolehi keputusan perceraianya. Dalam proses dan tempoh itu kaum wanita yang berkenaan biasanya menghadapi pelbagai masalah seperti pemeliharaan anak-anaknya, kesulitan kewangan sama ada dari segi perbelanjaan hidup seharian dan bayaran peguam, keganasan pihak suami, keengganan suami membayar nafkah dan sebagainya.

Maka, adalah wajar dan perlu diadakan langkah-langkah yang perlu dan berkesan terutamanya memperuntukkan kuasa-kuasa perundangan untuk membantu dan memberi perlindungan kepada kaum wanita tersebut sama ada sebelum, semasa dan selepas perceraianya iaitu mengadakan undang-undang dalam menentukan kadar nafkah yang tertentu perlu dibayar oleh pihak suami/isteri, mana pihak yang berkenaan sebelum dan semasa proses perceraian tersebut. Ketegasan pihak perundangan dan penguatkuasa juga perlu memastikan pihak yang bertanggungjawab benar-benar mematuhi segala keputusan mahkamah dari segi pembayaran nafkah, pemeliharaan anak, pembahagian harta dan sebagainya.

Perkara yang berkait rapat dengan masalah yang tersebut tadi yang perlu dititikberatkan ialah soal isteri kedua bagi orang bukan Islam di mana hingga setakat ini didapati kaum isteri menghadapi kesulitan dalam membawa ke tengah kes tersebut atau mengambil tindakan undang-undang terhadap suami yang berkahwin pada kali kedua sama ada melalui pendaftaran ataupun isteri simpanan. Maka, kelemahan tersebut perlu diatasi oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara terhadap mereka yang mendaftar melebihi sekali atau kes isteri pertama yang dikahwini sebelum tahun 1982 yang tidak perlu daftar dan kemudiannya berdaftar kahwin isteri kedua. Di samping itu, perlu diperuntukkan undang-undang tertentu dalam membolehkan kaum isteri mengambil tindakan undang-undang terhadap suami bagi kes isteri simpanan di mana kaum isteri terus berhak menuntut keadilan perceraian atau bayaran nafkah yang sewajarnya atau dikenakan hukuman penjara terhadap mereka yang didapati bersalah di sisi undang-undang.

Sekian, begitulah pandangan saya dengan harapan menimbulkan sedikit kesedaran tentang masalah sosial yang menimpa kaum wanita yang perlu dilindungi dan diberi perhatian yang serius. Dengan ini saya sokong peruntukan tambahan yang dicadang oleh Kementerian Perpaduan Negara B.42 dan juga menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1997. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ramlah.

5.24 ptg.

Puan Hajah Ramlah binti Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong rang undang-undang ini kerana peruntukan yang dicadangkan ini adalah bersesuaian dan munasabah oleh kerana memandangkan tahun ini adalah tahun yang penting terutama bagi persediaan tahun 1998 di mana sukan negara yang begitu besar akan diadakan di negara kita. Kita berasa syukur dan bangga kerana sukan yang begitu hebat akan diadakan di negara kita ini. Ini sudah tentulah menunjukkan negara-negara luar telah memberi keyakinan dan kepercayaan kepada kita. Saya mengucapkan syabas kepada pemimpin negara kita iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang telah membawa program raksasa ini ke negara kita. Kita mengharapkan banyak lagi program-program yang besar seperti ini yang melibatkan banyak negara akan hadir ke negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, program raksasa ini adalah satu program yang boleh menggambarkan buruk baiknya negara kita di masa akan datang. Rakyat di seluruh negara akan tertumpu ke negara kita. Mereka akan melihat keadaan sekeliling mereka, keadaan kebersihan semua sudut, kecantikan dan keindahan semua pelosok, bahkan bukan itu sahaja, budi bahasa rakyat Malaysia juga akan diambil kira dan perkara ini semuanya akan menjadi bekalan balik apabila pulang ke negara asal mereka, yang demikianlah menjadi keharuman negara Malaysia dan akan tercatat dalam sejarah dunia dan tanah air yang tercinta. Jika baik itulah harapan kita dan bersyukurlah.

Oleh kerana kita berkehendakkan nama yang baik itulah, maka Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan diwujudkan dan dibentangkan di Dewan yang mulia ini dan seterusnya mendapat sokongan dari Ahli-ahli semua di samping itu dengan harapan agar perbelanjaan yang telah diluluskan ini nanti akan digunakan sebaik mungkin.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana telah banyak menganjurkan program-program bagi meningkatkan kebersihan bandar, kecantikan, keindahan dan sebagainya. Program-program semacam ini harus diteruskan dan ditingkatkan dari masa ke semasa agar rakyat di negara kita ini akan terus menyedut udara bersih dan melihat pemandangan yang cantik dan indah. Semoga rakyat Malaysia sentiasa ceria dan sihat.

Untuk menjayakan program yang begitu besar, kerajaan seharusnya meningkatkan peruntukan dari masa ke semasa. Bukan sahaja di ibu negara, bahkan di seluruh majlis-majlis perbandaran dan majlis-majlis daerah termasuk juga Majlis Perbandaran Kuantan yang mana menjadi johan kebersihan dan keindahan tiga tahun berturut-turut di pertandingan peringkat kebangsaan. Saya kira dengan adanya kebersihan dan keindahan ini ianya akan meningkatkan bilangan pelancong datang ke negara kita termasuk Majlis Perbandaran Kuantan, Pahang Darulmakmur.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya penguasa tempatan menggunakan sumber kewangan daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dalam kawasan masing-masing oleh kerana hasil tiap-tiap penguasa tempatan amat terhad. Contoh di Kuantan, setakat ini Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyalurkan sebanyak RM5.2 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dan bagi tahun 1996 - RM3.2 juta dan 1997 - RM2.7 juta untuk pelbagai projek sosio ekonomi dan infrastruktur. Di samping itu pihak kerajaan negeri telah menyalurkan sebanyak RM6.4 juta pada tahun 1996 dan RM8 juta pada tahun 1997. Ini adalah untuk pelbagai projek sosio ekonomi dan infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, antara projek akan datang yang sedang dirancangan oleh Majlis Perbandaran Kuantan dengan persetujuan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah model gerai istimewa dan juga tandas serba lengkap yang akan ditempatkan di kawasan yang bersesuaian dalam pusat perbandaran Kuantan. Lain-lain projek yang memerlukan peruntukan adalah projek pusat penyembelihan ayam yang perlu dipindahkan daripada pusat bandar besar Kuantan untuk mengurangkan pencemaran air Sungai Galing. Projek ini masih dalam proses permohonan dan dicadangkan dibina di sebelah pasar borong Jalan Terkukur dengan kos sebanyak RM1.5 juta.

Oleh itu melalui perbahasan ini dalam membincangkan rang undang-undang ini, maka saya memohon kepada pihak kementerian agar permohonan ini dapat direstui dan dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 1997. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

5.30 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil peluang ini untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, peruntukan tambahan yang seperti ini memanglah berlaku tiap-tiap tahun. Ini tidak dapat dielakkan kerana walaupun kerajaan mempunyai Rancangan Malaysia Ketujuh dan sebagainya tetapi sudah menjadi kebiasaan perbelanjaan-perbelanjaan ini mesti terpaksa dibentangkan di dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh empat kementerian yang berkaitan iaitu yang pertamanya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diperuntukkan RM3,525,000 dan mengikut penjelasan semasa dibentangkan, peruntukan ini adalah untuk kerja-kerja mencantikkan bandar. Saya ingin mengingatkan secara umum iaitu perbelanjaan-perbelanjaan tambahan ini sebolehnya janganlah dibelanja dengan tidak berhemat. Maksudnya, dibelanjakan secara yang membazir sehingga memberi kesan negatif kepada kerajaan. Kerajaan meluluskan peruntukan dengan harapan peruntukan-peruntukan ini dibelanjakan untuk kepentingan kegunaan rakyat, terutama sekali golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja mencantikkan bandar ini kalau kita perhatikan sekarang ini kerajaan terlalu memberi tumpuan kepada bandar-bandar yang sudah pun mempunyai sumber pendapatan yang banyak. Misalannya kalau kita perhatikan banyak bandar yang baru sahaja dibuat beberapa renovation, dengan izin, tetapi selepas itu, tidak sampai enam bulan, terpaksa dirobohkan dan dibinakan semula. Dengan cara ini, saya pasti rakyat sudah tentu akan menuduh bahawa perbelanjaan yang diuruskan itu tidaklah sebijak yang sewajarnya. Oleh itu, kerajaan terutama sekali Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mesti berhati-hati merancang dengan betul. Kalau sekiranya pembangunan ataupun ubahsuai yang hendak dibuat itu mestilah difikirkan sekurang-kurangnya boleh sampai lima tahun, baru perlukan perubahan, kecuali ada pembangunan lain yang lebih utama. Ini kita boleh lihat di mana-mana bandar pun, baik di Seremban, di Ipoh, di Alor Setar ataupun di Kangar sendiri, di tempat saya, perkara-perkara yang saya sebutkan ini memang berlaku, kadang-kadang pihak agensi-agensi ini tidak menyelaraskan kerja mereka ini. Majlis perbandaran baru sahaja siap saluran air parit, kemudian Telekom pula datang menggali, dan begitu juga agensi-agensi lain, Tenaga Nasional dan sebagainya, ia bukan sahaja membazir tetapi ia menyulitkan orang ramai lalu lintas di situ. Oleh sebab itu, kerja-kerja yang sebegini mestilah diberi perhatian supaya kerajaan tidak terlibat dengan

pembaziran. Kita harap pihak BPR pun akan memberi perhatian. Kalau disalahguna kuasa, membelanjakan wang rakyat dengan tidak berhemat, ini boleh diambil kira sebagai kerja-kerja rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu mereka bertanggungjawab terhadap kebersihan dan juga soal sampah di bandar-bandar. Saya memerhatikan akhir-akhir ini apabila pihak Majlis Kerajaan Tempatan menswastakan bahagian-bahagian ini, kita dapati pihak majlis perbandaran sendiri hanya membuat perancangan, tetapi bila peringkat pelaksanaan, diberi kepada pihak swasta. Bila pihak swasta buat pula, tidak ada follow-up untuk mengawasi. Ini akan menyebabkan kerja-kerja itu dibuat sewenang-wenangnya yang akhirnya menimbulkan masalah kepada penduduk-penduduk di dalam bandar. Ada kemungkinan, saya ingatkan pihak BPR, supaya mengambil berat tentang perkara ini. Ada kemungkinan pihak-pihak yang mendapat kerja-kerja swasta ini berpakat dengan orang dalam, dalam majlis perbandaran itu. Ini boleh berlaku kalau tidak diberi pengawasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian kedua yang ingin saya sebut ialah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Peruntukan yang diberi ialah RM10,568,800 dan perkara yang diberi penekanan ialah lumba kereta. Kita mahu perkara-perkara baru yang berprestij semacam ini ada di negara kita dan kita tahu ianya boleh menarik pelancong-pelancong daripada luar datang. Dalam masa yang sama, kita mestilah memberi keutamaan sebab kita sekarang ini menghadapi masalah lalu lintas, masalah penunggang-penunggang motosikal, masalah pemandu-pemandu yang tidak mengikut peraturan jalan raya. Sekarang ini kematian di jalan raya mengatasi kematian-kematian dengan cara lain. Oleh sebab itu, membawa masuk atau memberi penekanan kepada soal lumba kereta ini sama ada ianya memberi kesan positif ataupun negatif.

Apa yang kita nampak sekarang ini kalau kita memberi penekanan kepada lumba kereta, ianya tidak memberi kesan yang positif, tidak memberi pendidikan yang baik kepada remaja-remaja kita yang sekarang ini banyak terlibat dengan kesalahan lalu lintas. Oleh yang demikian, peruntukan yang diberi kepada bidang lumba kereta ini oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan hendaklah dilihat dari segi boleh membantu kerajaan dalam mengawasi pendidikan lalu lintas anak-anak muda kita. Kita tidaklah mahu bidang-bidang yang hanya memberi kepentingan kepada golongan-golongan tertentu, pihak-pihak yang ingin membuat keuntungan mendapat faedah sedangkan keuntungan kepada rakyat umum kita abaikan.

Satu lagi yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang mendapat peruntukan sebanyak RM5 juta. Tadi saya ada menyebut sekarang ini masalah gejala sosial negatif sudah melanda remaja di negara kita begitu menyedihkan sekali. Masalah tidak berkurang, tetapi masalah semakin bertambah. Misalannya, tiap-tiap hari kita boleh baca di dalam akhbar malah di dalam TV pun kita boleh ikuti siaran berita, bapa merogol anak sendiri. Kelakuan sumbang muhrim ini berlaku hampir tiap-tiap hari. Begitu juga kejadian seperti gejala dadah, gejala seks bebas, pembukaan pusat-pusat hiburan secara bebas yang akhirnya apabila bahagian penguatkuasa pergi memeriksa, kita dapati banyak perkara lain yang berlaku lagi. Ini saya rasa adalah tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Seperti yang saya sebut tadi, kita mempunyai pusat-pusat pemulihan akhlak termasuklah wanita-wanita yang terlibat dengan masalah melahirkan anak luar nikah, masalah yang mereka terlibat mungkin secara tidak disedari apabila mereka berada di pusat-pusat hiburan. Apabila mereka ini dibawa ke tempat itu, apa yang kita dapat tahu sekarang ini, mereka ini bukan dipulih akhlak tetapi akhlak mereka ini berterusan begitu sahaja. Kita tidak tahu apa yang berlaku, tetapi perkara ini kemungkinan ada kebenarannya. Pegawai-pegawai yang diberi tanggungjawab ini seolah-olah macam pagar makan padi.

Seperti yang pernah disebut oleh pihak kerajaan satu masa dahulu, kita beri polis mengawasi sekatan jalan raya. Apabila setengah-setengah pihak ini mendapat sogokan wang sekian-sekian banyak ataupun telah dijanjikan selepas ini akan diberi sekian-sekian banyak, mereka lepas begitu sahaja. Oleh kerana itu banyakkah perkara yang bercanggah dengan undang-undang boleh berlaku, termasuk di dalam penjara sendiri. Kita telah ada bukti, di mana warden-warden di dalam penjara terlibat dengan pengedaran dadah dan ini mesti ada kemungkinan boleh berlaku di pusat-pusat pemulihan akhlak di mana pegawai-pegawai ini yang saya tanya pihak kementerian tadi tidak boleh jawab berapa kakitangan laki-laki yang terlibat dengan pusat pemulihan akhlak wanita di Seremban, dia kata perlu beri notis, tidak boleh jawab. Saya dapat maklum, kata pegawai-pegawai di dalam ini terlibat dengan perbuatan yang merosakkan lagi akhlak wanita-wanita yang sepatutnya dipulihkan ini. Oleh sebab itu, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat janganlah hanya membuat program, membuat seminar, membuat kursus, tetapi perkara gejala sosial negatif yang berlaku semakin bertambah.

Kita bimbang kalau masalah ini tidak dapat dibendung dan tidak dapat dicari satu jalan, sama ada melalui sekolah-sekolah, persatuan-persatuan ataupun institusi yang kita adakan, maka akhirnya kita akan mengalami masalah yang sekarang ini pun kita sudah menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja daripada remaja. Kalau 60% daripada remaja kita sekarang ini sudah pun berada di dalam keadaan yang tidak meyakinkan, kita kekurangan tenaga kerja mahir, kita kekurangan tenaga kerja buruh yang terpaksa kita membenarkan kemasukan tenaga kerja daripada luar.

Oleh sebab itu, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya mengadakan program yang lebih komprehensif supaya remaja-remaja yang sudah didapati dan dapat dikesan terlibat dengan gejala dadah, sumbang muhrim, seks bebas, merokok dan sebagainya ini dapat dibendung dan ditempatkan di satu tempat di mana mereka ini boleh dipulihkan semula. Kalau mereka ini didapati tidak dapat dipulihkan seperti penagih-penagih dadah yang memanglah bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, mereka ini hendaklah ditempatkan di satu tempat di mana kita dapat tahu sekarang ini di Negeri China, termasuk negeri-negeri Arab, mereka ini dibiarkan mati begitu sahaja ataupun dibunuh terus. Apa maknanya kita belanja berjuta-juta ringgit kepada perkara yang tidak boleh memberi manfaat balik kepada orang-orang lain. Ini adalah satu pembaziran. Oleh sebab itu, kerajaan mesti menimbang semula perkara yang saya sebutkan tadi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang akhirnya, saya ingin menyentuh berkenaan Kementerian Pengangkutan. Kita mendengar tadi peruntukan-peruntukan di dalam Kementerian Pengangkutan ini ialah untuk membesarkan lapangan terbang, untuk memberi kepada KTMB mungkin hendak membeli koc-koc baru. Ini semua saya minta supaya pihak kerajaan memberi perhatian yang lebih kepada sistem pengangkutan yang lebih efisien kepada orang-orang awam. Sekarang ini kita dapati orang-orang yang berada, yang berkemampuan, lebih senang untuk mendapat pengangkutan dari satu tempat ke satu tempat, misalnya kapal terbang, bas eksekutif dan sebagainya. Bas biasa pun kalau orang yang ada duit, dia boleh telefon daripada rumah sahaja dia buat booking, boleh dapat. Tetapi orang biasa, kadang-kadang susah hendak mendapat tempat. Oleh sebab itu, tidak ada gunanya peruntukan tambahan yang diluluskan begitu banyak sedangkan wang ini hanya dibelanjakan untuk menjaga kepentingan syarikat yang mendapat konsesi kerajaan sedangkan perkhidmatan yang diberikan itu tidak memuaskan.

Saya juga ingin meminta supaya kerajaan tidak melupakan peruntukan kepada pembangunan lapangan terbang baru di Kedah. Kita tahu negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak adalah negeri-negeri yang berada di dalam kawasan IMT-GT. Oleh sebab itu, kelulusan kerajaan untuk membina lapangan terbang ini akan menjadi pencetus, penggerak kepada pembangunan negeri-negeri yang miskin ini yang satu masa nanti boleh tumpang hasil daripada pembinaan lapangan terbang ini. Saya percaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perak dan sebagainya menyokong penuh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri prihatin dan kita berharap projek-projek ini bukanlah projek mega yang tidak berfaedah, tetapi projek-projek jangka panjang. Saya percaya perbelanjaan kerajaan untuk membina lapangan terbang ini tidak sedikit pun akan menjejaskan kedudukan mata wang negara kita.

Saya juga ingin meminta supaya pihak Kementerian Pengangkutan memberi perhatian kepada masalah pengangkutan kanak-kanak sekolah. Sekarang ini salah satu punca yang menyebabkan kanak-kanak sekolah terjebak di dalam gejala negatif ini ialah kerana masa yang terbuang di jalan begitu lama. Tiap-tiap pagi kita lihat kanak-kanak yang daripada golongan berpendapatan rendah, orang-orang yang mampu ini tidak menjadi masalah, mereka ada pengangkutan sendiri, pergi hantar anak, selepas itu tunggu dan bawa balik. Tetapi orang-orang biasa, anak-anak mereka terpaksa tunggu di tepi jalan. Berapa lama kanak-kanak ini terpaksa tunggu? Tunggu satu bas, kadang-kadang penuh, tidak boleh naik lagi. Jadi mereka bangun daripada pukul 6.00 pagi, kadang-kadang sampai ke sekolah lewat. Bukan mereka yang lewat, tetapi pengangkutan itu tidak sistematik.

Begitu juga waktu balik, kita dapati kalau sekolah habis pukul 2.30, hampir pukul 6.00 baru murid-murid sekolah ini dapat balik ke rumah. Ini kerajaan perlu beri perhatian. Kalau kerajaan boleh mengatasi masalah ini, tidak bolehkah kerajaan mewajibkan syarikat-syarikat swasta ini memberi perkhidmatan pengangkutan yang tetap kepada pelajar-pelajar dan ibu bapa boleh bayar melalui PIBG ataupun sekolah bayaran yang tetap kepada pengangkutan. Kalau ditetapkan begini, saya percaya sistem pendidikan kita akan menjadi lebih baik lagi dan masalah gejala sosial pun akan dapat dikurangkan kalau tidak boleh dihapuskan. Cubalah menteri-menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen perhatikan sendiri adakah benar yang saya sebutkan ini.

Inilah yang menyebabkan kanak-kanak ini berlegar-legar di supermarket, kemudian jumpa kawan-kawan menghisap rokok, buang sampah dekat tempat tunggu bas. Ini boleh menimbulkan banyak masalah. Tetapi kalau kita boleh buat satu sistem yang boleh memberi kemudahan, ini akan menyelesaikan banyak masalah. Apa salahnya kalau kita belanja wang lebih sedikit dan kita boleh

selesai banyak masalah daripada belanja banyak, menguntungkan pihak-pihak tertentu, masalah semakin bertambah. Dengan kata-kata itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian.

5.47 ptg.

Tuan Jiuin bin Jimin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya turut membahas rang undang-undang ini. Sebelum saya menyokong rang undang-undang ini saya ingin menyentuh dua-tiga perkara. Yang pertama ialah mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Memang tujuan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu murni untuk bukan sahaja memenuhi ataupun menyelesaikan masalah perumahan untuk rakyat yang berpendapatan rendah, tetapi sangat berprihatin. Namun demikian, saya ingin mengambil perhatian di sini bahawa kadang-kadang tujuannya memang murni. Tetapi pelaksanaan selalunya yang leka. Misalnya, yang saya khuatir di sini apabila program-program ini akan dilaksanakan bukan pula orang-orang yang sepatutnya mendapat rumah-rumah kos rendah yang dituju itu dapat, tetapi yang bukan dituju itu yang dapat rumah ini.

Misalnya, kadang-kadang bukan pula yang dibuat itu mengikut perancangan ataupun mengikut nasihat orang yang berkuasa dan orang yang tahu keadaan itu, tetapi kadang-kadang pelaksanaan mengikut nasihat kontraktor-kontraktor. Mereka yang memberi nasihat bahawa rumah-rumah ini harus dibina di kawasan ini, sedangkan kawasan ini jauh daripada orang-orang yang sepatutnya tinggal di rumah ini. Jadi, saya ingin menyeru kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya perkara ini diambil perhatian.

Yang kedua pula ialah mengenai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya rasa perkara ini sudah disentuh oleh Yang Berhormat yang bercakap sebentar tadi, 31 Ogos ini ialah bulan untuk mengingatkan Hari Kebangsaan. Jadi, sepertimana yang disentuh sepatutnya kita juga memperhebatkan kempen yang kita mengenangkan Hari Kebangsaan ini. Sepatutnya seluruh rakyat digalakkan untuk mengibarkan bendera, bendera yang kecil dan bendera besar. Tetapi apa yang saya dapati, terutama di Kuala Lumpur ini, saya ingin kongsi pengalaman, saya ada bawa beberapa orang dari Sabah datang ke sini. Mereka nampak bendera yang kecil berkibar di sana-sini, mereka sangat berminat. Tetapi mereka bertanya di sini-sana di mana beli ini, tidak tahu di

mana. Sepatutnya sebagai contoh bendera kecil-kecil ada dijual di sini, saya belum nampak lagi.

Tetapi kalau ada bagus juga.

Ini juga saya rasa di negeri Sabah kalau kita perhebatkan ini, secara langsung kita menaikkan lagi perasaan kita ini orang Malaysia. Lebih-lebih lagi di negeri Sabah dan Sarawak seolah-olah jauh daripada Kuala Lumpur, kadang-kadang apa sahaja aktiviti di sini yang menaikkan semangat kemalaysiaan itu, tidak sehangat di sini, berbanding di Sabah. Jadi, kalau ada kempen-kempen seperti ini memang sudah tentu menaikkan lagi semangat orang Malaysia.

Sukan Komanwel 1998 akan tiba tidak lama lagi. Saya rasa mungkin orang Sabah dan Sarawak juga ingin melihat sukan ini bukan sahaja dari kaca TV, tetapi juga secara life di Kuala Lumpur, kerana kebanyakan pertandingan ini akan dilakukan di Semenanjung. Jadi, yang saya cadangkan di sini mungkin pada masa itu kadar tambang MAS ini diturunkan supaya rakyat di Sabah dan Sarawak dapat datang ke Kuala Lumpur dengan tidak membebankan sangat diri mereka. Jadi, saya haraplah mungkin kita cadangkan kepada MAS perbanyakkan lagi penerbangan dan juga kadar tambang itu mungkin separuh pada musim Sukan Komanwel 1998 itu. Jadi, dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Long bin Jidin.

5.52 ptg.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan sedikit sahaja Akta Perbekalan Tambahan 1997 tentang Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Jadi, kalau kita dapati peruntukan yang diperlukan untuk kementerian ini sebanyak RM10.5 juta, bermakna kementerian tersebut akan menerima sejumlah RM172.86 juta secara keseluruhannya daripada awal tahun hingga sekarang. Dengan peruntukan yang banyak dan promosi yang hebat dan dibantu oleh Lembaga Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC), saya yakin industri pelancongan tidak mempunyai masalah dan menjanjikan pulangan yang lumayan kepada agensi-agensinya yang terlibat dengan pelancongan.

Tetapi sejak akhir-akhir ini, kalau Ahli Yang Berhormat membaca di akhbar-akhbar terdapat komen daripada beberapa orang ahli politik dan NGO tentang kes eksploitasi terutama bagi masyarakat Orang Asli yang duduk di Kampung Sungai Yong, Kuala Tahan, iaitu di kawasan Taman Negara, iaitu suku kaum Batek yang mendedahkan sebahagian daripada tubuh mereka untuk dipertontonkan kepada pihak-pihak pelancong luar negeri. Jadi, untuk makluman Dewan ini, di Sungai Yong ini terdapat 20

keluarga orang Batek, adalah satu-satu suku kaum Orang Asli yang amat mundur. Daripada 20 keluarga ini, mereka hanya mempunyai seramai 129 orang, dan tidak ada seorang pun yang bersekolah. Sekolah yang paling dekat di Kampung Kuala Atok, dan laluan yang ada hanya melalui bot.

Pada tahun 1995 dahulu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pernah memohon dengan Penguasa Taman Negara untuk memajukan kampung mereka, iaitu Sungai Yong ini dengan beberapa projek, terutama sekali projek perumahan. Tetapi malangnya pada ketika itu Puan Ramlah binti Abdul Majid menolak permohonan tersebut. Jadi, sehingga hari ini mereka duduk berpindah-randah tak tentu fasal dan pihak pelancong yang datang, terutama daripada pihak-pihak luar negeri mengeksploitasi, terutama pemandu-pemandu pelancong orang-orang kita yang menunjukkan atau menjadikan mereka ini merupakan bahan tontonan kepada masyarakat luar negeri.

Implikasi kepada perbuatan ini, besar kemungkinan pada pandangan saya pihak luar negeri akan membuat satu pandangan kepada masyarakat di negara kita bahawa masyarakat kita masih backward, dengan izin. Malah pada satu ketika dahulu saya pernah terjumpa satu postcard yang dibuat oleh agensi pelancongan di negara kita, dilihat seorang Orang Asli memanjat pokok Petai dan ditulis di bawahnya 'Itulah cara hidup oleh Malaysia'. Saya amat terkilan dengan perbuatan itu. Pada masa yang sama, dahulunya di Pusat Pelancongan Tasik Cini dan beberapa pusat pelancongan di negeri Pahang pada ketika itu ada beberapa promosi yang saya lihat gambar Orang Asli dengan separuh berpakaian menggunakan sumpitan sebagai promosi untuk menarik pelancong.

Jadi, perkara-perkara seperti ini saya rasa tidak seharusnya berlaku. Apa yang saya tahu dua sifat utama Orang Asli yang ada dari dahulu hingga sekarang iaitu sifat rendah diri dan pemalu. Jadi, saya yakin kalau tidak ada eksploitasi oleh pihak-pihak lain, saya rasa Orang Asli ini tidak mampu dan tidak mungkin sanggup mendedahkan sebahagian daripada tubuh mereka. Dan yang lebih menyedihkan lagi satu kenyataan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terutama oleh Menteri sendiri, dia kata 'biarlah Orang Asli ini boleh berpakaian begitu.' Dalam '*Senyum Kambing*' pun ada dibuat kartunnya. Jadi, saya rasa perkara-perkara seperti itu tidak harus berlaku.

Dalam tahun 1995 dahulu sepertimana yang saya nyatakan tadi pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pernah memohon untuk memajukan kampung ini, tetapi oleh kerana tanah yang mereka duduk itu merupakan tanah yang dimiliki oleh pihak Taman Negara, maka permohonan tersebut ditolak. Saya pernah mengikut beberapa mesyuarat, malah masyarakat ini dianggap sebagai 'fauna' kepada Taman Negara. Jadi, saya rasa tidak seharusnya negara kita sekarang ini yang ingin maju ke hadapan

dan ingin mempamerkan kepada dunia bahawa kita akan maju tidak lama lagi seperti kata pemimpin negara kita pada hari ini. Harapan saya ada satu soalan mungkin hari terakhir tentang suku kaum Batek ini, saya harap soalan itu dinaikkan untuk soalan mulut soalan pertama, minta Setiausaha Dewan bubuh soalan pertama, harapan saya apa kerajaan akan buat kepada kampung-kampung Orang Asli terutama sekali Kampung Orang Batek yang ada sekarang ini.

Yang paling saya berasa sedihnya orang-orang Batek ini merupakan penghuni lebih 4000 tahun dahulu di Taman Negara. Sedangkan di Taman Negara itu pihak penguasa Taman Negara baru sahaja diberi hak untuk memiliki tempat tersebut. Adakah kita ingin melihat masyarakat Batek ini masih dianggap 'fauna' kepada masyarakat luar? Jadi, dengan kata-kata itu, saya menyokong walaupun rasa sedih terhadap rang undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 1997. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Mustaffa Kamal.

5.57 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun bersama dengan rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1997. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Ramly bin Ngah Talib selaku Menteri Besar Negeri Perak berserta dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang memberi kepercayaan kepada saya, melantik saya semula sebagai Ahli Dewan Negara bagi penggal yang kedua.

Bila saya baca dan saya amati jumlah tambahan yang diperlukan sebanyak RM246,195,800 bagi keperluan 6 kementerian, saya amat berbangga dan menyokong peruntukan ini yang saya rasakan adalah perlu, terutama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kerana RM10,568,000 ini adalah diperuntukkan untuk mengelola atau menganjurkan pertandingan kereta Formula Satu.

Ini adalah satu arah yang saya rasakan amat baik, bagi menuju, bagi memperkenalkan negara kita ke negara-negara lain. Tetapi, banyak cara yang harus kita lakukan, bukan itu sahaja. Ramai anak-anak kita terutama anak-anak Melayu, anak-anak orang Cina, anak-anak India, anak-anak suku kaum lain di Malaysia yang menuntut di luar negara. Melalui mereka ini, melalui persatuan-persatuan penuntut kita di luar negara juga kita boleh memperkenalkan negara

kita, kerana apa yang saya katakan demikian, mereka ini selalu mengadakan ‘Malam Malaysia’ atau ‘Malaysian Night’. Tetapi kadangkala amat menyedihkan, kementerian yang demikian tidak memberi galakan yang begitu sempurna, kerana apa yang saya katakan ini, saya telah pun membuat kaji selidik ataupun homework kerana terdapat satu jabatan pelancongan di luar negara yang sepatutnya membekalkan costume atau peralatan baju untuk kebudayaan kepada satu persatuan penuntut-penuntut kita di luar negara, tidak dilakukan. Malahan permohonan itu saya yang bawa daripada universiti itu ke pejabat dan apabila saya check balik, apabila saya semak balik dalam masa tiga bulan mereka kata, “Sedih, Yang Berhormat, kami tidak mendapat kerjasama daripada pejabat kebudayaan kita yang di tengah kota yang dikagumkan di luar negara.”

Inilah fenomena yang ada kerana ketua jabatan pelancongan Malaysia itu adalah orang Malaysia tetapi yang mengendalikan di bawah itu adalah penduduk tempatan, dia tidak faham dengan kebudayaan Melayu kerana dia bukan orang Melayu, dia tidak faham dengan kebudayaan Cina kerana dia bukan orang Cina, dia tidak faham dengan kebudayaan India kerana dia orang Eropah. Bagaimanakah kita akan melaksanakan ini? Kita kasihan bagaimana perasaan penuntut-penuntut kita, hendak menari, yang sedih itu saya hendak ceritakan, pakai baju Melayu, dia bawa baju Melayu memang adalah untuk dia sembahyang Jumaat dan sebagainya, seluar pula pakai seluar jean, menari dondang sayang, menari mak inang, bayangkanlah anak-anak kita pakai baju Melayu, pakai seluar jean menari mak inang.

Saya yang bawakan permohonan itu, tetapi saya tidak mahu sebutkan di mana negaranya, di mana bandar raya yang saya maksudkan itu, tetapi, kalau kementerian yang berkenaan mahu menulis surat rasmi saya boleh jawab dengan rasmi. Saya tidak membuat tuduhan melulu dalam Dewan yang bahagia ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya ingin mendapat penjelasan, tak payah pihak kementerian menulis surat untuk menyatakan di manakah pusat yang berkenaan, adalah lebih baik kalau Ahli Yang Berhormat memaklumkan kepada Dewan ini supaya kami juga dapat memahami di manakah pusat itu. *[Tepuk]*

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana di atas permintaan sahabat saya di dalam Dewan yang mulia ini, dengan sokongan sahabat-sahabat yang lain, saya boleh katakan dengan tempat inilah, pejabat pelancongan ini di Kota London, universiti yang terlibat adalah Plymouth University, kalau tidak percaya boleh check dengan penuntut Malaysia di Plymouth University, perkara ini berlaku dalam tahun 1995 di Malam Malaysia yang diadakan oleh penuntut-penuntut. Kita mempunyai seramai 165 penuntut pada tahun itu kerana kita orang Barisan Nasional ini atau kita yang bersama-sama di dalam Dewan yang bahagia ini sememangnya kalau kita keluar negara, saya di mana sahaja kalau ke luar negara, kalau ada penuntut-penuntut kita tak kira sama ada kaum siapa pun, saya memang

berjumpa dengan persatuan mereka sama ada presidennya, pengerusinya, jawatankuasanya, saya mendekati mereka lebih dekat supaya mereka faham dan kita pun bertanya mereka, apa masalahnya, apa yang mereka hadapi, bagaimana prestasi pendidikan dan sebagainya. Kerana bukan sahaja saya melakukan, saya rasa semua Ahli Yang Berhormat yang ke luar negara pun demikian, kerana kita sayangkan anak-anak didik kita supaya mereka ini terdidik dengan sempurna kerana satu hari nanti mereka ini juga akan memimpin negara seperti mana kita pada hari ini.

Saya ingin mengambil perhatian sedikit kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, diperuntukkan RM3,525,000 bagi membuat, memperelok dan mencantikkan beberapa bandar di sekitar untuk Sukan Komanwel (Sukom). Ini yang saya difahamkan dan saya selidik adalah untuk landscaping. Kita memang faham bahawa landscaping ini merupakan satu cara yang baik untuk memperelokkan bandar kita kerana pemimpin luar negara atau orang dari luar negara, pelancong-pelancong memang kagum dengan negara kita yang begitu menghijau, tidak ada menghadapi masa gugur dan sebagainya.

Akan tetapi, di dalam suasana ini ada setengah tempat majlis tempatan yang tidak diperuntukkan di bawah peruntukan ini mengambil sambil lewa membangunkan majlis perbandaran mereka atau majlis tempatan atau bandar raya mereka. Mereka kadang-kadang tidak begitu peka, mengambil sambil lewa, begitu juga menanam pokok macam-macam jenis pokok yang begitu cantik termasuklah pokok jejawi, siamese tea dan bermacam-macam lagi, cuma di hadapan sahaja. Kadang-kadang dia tanam itu dekat pejabat Menteri Besar

sahaja penuh, bila kita pusing belakang lalang penuh, bukan tidak ada, lalang penuh.

Jadi, ini satu gambaran yang tidak ikhlas saya rasakan, arahan daripada Menteri memang setiap kawasan di dalam majlis daerah dipastikan mempunyai pokok-pokok yang ditanam untuk memperbaiki dan memperelokkan bandar, ini tujuan, kerana kadang-kadang saya bukan hendak angkat Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini, rambutnya sudah naik putih memikirkan macam mana cara hendak baikkkan pekan, setiap hari Rabu lepas sahaja Mesyuarat Kabinet, dia buat sidang akhbar, ada sahaja ideanya, dengan sampah, dengan tanam pokoklah, dengan perumahan inilah bagaimana cara hendak mengatasi masalah rumah yang tidak dibeli oleh bumiputera, tetapi keadaan bandar masih di tahap yang menyedihkan.

Kita tidak hairan kalau di Lot 10 itu mempunyai sampah - tidak hairan, di belakang pasar-pasar raya di Petaling Jaya pun serupa, di hadapan memang cantik, lihat di belakang dengan bau busuk. Adalah dicadangkan supaya landscaping ini diambil dengan serius terutama kita menghadapi SUKOM ini, jangan dipersia-siakan peruntukan RM3 juta lebih ini. Kita harus menentukan bahawa landscaping yang akan dilakukan ini betul-betul menggambarkan bahawa negara kita elok.

Saya tahu bandar Kuala Lumpur, Kajang, Klang semua ini akan diperbaiki, akan ditanam dengan lebih banyak pokok, ini juga akan menambahkan kerjaya orang-orang yang menjalankan perusahaan landscaping ini kerana negara kita prihatin terhadap keindahan pada masa sekarang.

Satu perkara lagi di dalam majlis perbandaran, boleh dikatakan besar juga, pasar-pasar ini tidak begitu sesuai dengan keadaan yang demikian. Pasar-pasar ini sepatutnya sudah tidak ada lagi wujud, kita tak usahlah sebut Pasar Kota Bharu, tak usah sebutlah Pasar Ipoh, tak usah sebutlah Pasar Pulau Pinang, Alor Setar dan sebagainya, masuk sahaja dengan lalat, dengan bau semua busuk. Apa salah di zaman teknologi tinggi kita ini, di zaman komputer dan sebagainya Internet, apa salahnya kita jadikan market kita tidak lagi market basah, kita jadikan market kering, dry market, begitu juga kaum-kaum sahabat kita yang menjual daging khinzir, tidak lagi terbuka, dijual di dalam ruang yang berair-cond dengan peti sejuk yang sesuai. Begitu juga ikan-ikan yang basah tidak lagi bertabur di atas meja, dipamerkan di dalam tempat-tempat yang berhawa dingin, yang mempunyai mutu kesihatan yang lebih canggih, tidak dihinggapi lalat dan sebagainya. Kerana kita melawat ke negara Eropah kita terdapat satu, dua pasar yang tidak lagi ada pasar basah.

Saya sebut banyak sangat nanti tersebut balik yang dikatakan oleh sahabat kita tadi Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, pegawai-pegawai yang melawat ke luar negara ini menghabiskan duit itu - saya bersetuju, dua jam dia melawat, sembilan jam dia tidur - itu betul! Kadang-kadang sehari dia melawat, tujuh hari dia tidur pun ada. Kadang-kadang bila ikut rombongan menteri, pukul 12.00 malam pun dia tidak balik lagi ke hotel, ini bukan kita hendak kutuk, bukan kita hendak menghina - tidak, ini cerita betul-betul. Kalau pergi ke luar negara apa yang ada di luar negara bawalah balik, apa terjadi, apa pasar di luar negara, adakah sayur bertabur?

Saya hendak bercakap juga di tempat saya pun serupa. Di Pasar Ipoh, pasar itu baru, sudah sepuluh tahun tetapi pergi ke bawah - masya-Allah! Dengan baunya, tersilap sahaja kita melangkah, terkena air ikan sampai ke dalam kereta kita pun akan berbau ikan. Apa salahnya kita keluarkan dari masalah ini, kita buat pasar kering. Jadi, semua orang selesa, mungkin semua orang lebih suka dan seronok melihat ikan-ikan dan daging-daging yang dipamerkan dengan begitu baik.

Saya ingin menyentuh sedikit Kementerian Pengangkutan ini kerana kadangkala kita melihat teksi-teksi ini kadang-kadang bila di start enjin itu seperti orang demam sahaja, menggeletar sahaja, kalau tak percaya, saya rasa banyak di sini yang naik teksi, tahu pun teksi, yang di Kuala Lumpur ini saya hendak komen, kalau yang hitam kuning itu saya memang tak lalu hendak duduklah. Bila start sahaja macam orang demam kura bodynya. *[Sambil menggigilkan badannya]*

Ini bukan tujuh tahun, ini bukan sepuluh tahun, ini sudah layak dihantar ke Muzium Negara sebagai teksi yang canggih dan tahan kerana dia boleh mempertahankan enjin dan bodynya sehingga dua puluh dan tiga puluh tahun. Apakah ini saya rasa layak kita sebagai manusia duduk di dalam teksi yang berkeadaan sedemikian, itu yang saya katakan berkali-kali. Dan apabila kita ada Mesyuarat Komanwel dahulu yang diadakan di Kuala Lumpur, semua pemandu teksi yang ada itu wangi, teksi tak payah dia membawa yang itu, yang kita duduk sendiri pun wangi, ketiak ini semua dispray, *[Ketawa]* memang betul, dibekalkan pun. Tetapi sekarang pergi tengok, dengan bau curut ada,

bau rokok pun ada, pakaiannya ini tidak dikena dengan elok, janggut panjang pendek, misai senget sebelah. Inikah identiti ibu negara kita yang ada? Kita patut ikut, kementerian patut tegur, kalau mereka tidak mahu mengikut disiplin yang kita tetapkan, tarik lesen, rehatkan setahun. Lepas itu besok, misai sudah elok, janggut sudah elok beri balik lesen, ha, bolehlah jalankan teks.

Saya ingin menarik perhatian tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Baru-baru ini, bukanlah saya hendak mengatakan saya ini hebat - tidak! Kebetulan kawan saya berniaga itu orang Eropah, dia partner dengan sayalah, dengan izin, jadi, macam mana dia kata: “Boleh atau tidak bawa saya ke Pulau Pinang?” Saya kata: “Okay! Boleh.” Fasal dia baru datang ke mari, baru dua kali, saya kata: “Boleh!” Dia kata: “Dia baca dalam suratkhobar hebatlah Pulau Pinang ini.” Saya kata: “Memang hebat, orang panggil Pulau Mutiara, Pearl Ireland.” Dengan izin. Dia kata: “Oh! Memanglah hendak pergi, fasal kawan-kawan dia semua bercerita.” Kawannya di Jerman bercerita, di Switzerland bercerita semua bagus.

Sampai-sampai, saya ajaklah dia, jemputlah dia, saya kata di sini ada satu makanan yang baik, saya rasa Datuk Ahmad tahulah, saya kata makan ‘pesembur’- memanglah ada sotong, ada semuanya - di Padang Kota ini. Lama dia tanya saya “siapa buka pulau ini?”, saya kata “asalnya daripada orang Putihlah dari British namanya Francis Light”. Katanya “patutlah ada bangunan-bangunan yang lama itu merupakan identiti orang Putih”, saya kata “ya”. “Kenapa panggil Pulau Pinang?” Saya kata “fasal di Pulau Pinang ini dahulu ada pokok pinang”, dia cari, dia kata “can you show me”, dengan izin, “how they look like”? dia kata.

Saya pening hendak cari pokok pinang, cari, cari rupanya di Padang Kota memang tidak ada, di Batu Feringgi pun tidak ada, saya bawa lagi ke Gurney Drive pun tidak ada. Inilah kerajaan tempatan! Patut tanamlah pokok pinang barulah jadi Pulau Pinang. Serupa dengan Machang, pergi ke

Machang tidak jumpa pokok machang tetapi jangan pergi ke Melaka hendak cari buah melaka, pokok melaka tidak jumpa kerana ada kueh! Ini patut kita ambil serius kalau hendak betul landscaping kita cantik. Rasa saya di Ipoh memang ada pokok ipoh tetapi saya beritahu Tan Sri pokok ini jangan tanam banyak-banyak kerana pokok ipoh kalau kena badan, racun - meninggal kita, dia kata kepada saya sepokok cukup! Tanam di Taman Bunga Seenivasagam - ada besar, identiti Ipoh, ada sahaja pelawat datang memang orang tunjuk itu. Pelawat datang dari luar negara, ha! ini dia pokok ipoh, jadi saya haraplah Yang Dipertua-Yang Dipertua yang dilantik itu, yang kita beri gaji dan elaun, peka sedikitlah keadaan landscaping ini. Itu gambaran sahaja tetapi yang penting itu penyempurnaan projek itu amat penting pada diri saya.

Saya rasa itulah pada petang ini dan dengan ini saya mencadangkan untuk menyokong peruntukan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Jamilah.

6.16 ptg.

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ucapkan terima kasih kerana memberi laluan kepada saya bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan kepada enam kementerian. Saya merakamkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana keprihatinan mereka dan memberi peruntukan yang begitu nampak jelas bagi meningkatkan taraf kehidupan rakyat Malaysia.

Pertamanya, saya ingin merayu lagi sekali bagi pihak Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali untuk meminta kepada Kementerian Kewangan supaya menyiapkan satu jambatan di Kelantan dan memperbesarkan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra kerana kalau kita melihat apa yang telah dijelaskan oleh beliau sebentar tadi, penerbangan yang paling laris dan terbanyak setiap hari semuanya kebanyakan ke Kelantan. Di sini menunjukkan betapa minatnya pelancong dan rakyat tempatan untuk mengunjungi Kelantan, di situ menunjukkan satu kredit yang secara tidak langsung telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat tadi.

Saya ingin menyentuh di dalam bidang Ministry of Housing and Local Government kerana saya berpengalaman berdasarkan kepada middle class -masyarakat desa yang berhijrah ke kota. Paling contoh kita tengok guru-guru

Datuk Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada orang minta laluan.

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Nanti dahulu, saya hendak - saya sudah terima kasih dah. Ya, tidak apa, saya beri laluan, saya faham.

Datuk Hashim bin Safin: Tadi Yang Berhormat mengatakan kekerapan penerbangan ke Kelantan kerana ramai pelancong, apakah ada statistik yang boleh mendukung pelancong-pelancong datang ke Kelantan ataupun kerana ramai orang Kelantan di luar yang terpaksa berulang alik ke Kelantan, mana satu?

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Ya, oleh kerana saya bukan dari kalangan ‘researcher’, jadi saya tidak ada peruntukan untuk membuat research. Bolehkah cadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua, berikan elaun kepada senator-senator ini menyediakan pakar-pakar ‘researcher’ lebih mempunyai erti dalam memberikan pandangan kita di dalam Dewan yang mulia ini. Boleh saya teruskan?

Datuk Hashim bin Safin: Adakah Yang Berhormat orang Kelantan? Kalau Kelantan dia tahu, tidak payah ‘research’lah, hendak darjat orang Kelantan ataupun di luar Kelantan? *[Ketawa]*

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Saya tidak hendak bohonglah tetapi “ambo boleh kecek Kelate, kat Dewan ini kalau kita ‘ndak kecek Kelate hendak cerita benda-benda budaya Kelate itu ambo bolehlah”! Tidak, maknanya keraplah saya di sana, terima kasih Yang Berhormat.

Saya ingin menyentuhkan kembali dengan izin, mengenai penghijrahan orang-orang desa, rakyat kita daripada kota ke desa memerlukan rumah-rumah sendiri yang kalau kita lihat di sekitar Lembah Kelang ini rumahnya terlalu mahal. Kalau rumah teres yang biasa pun tidak kurang daripada RM170,000 ataupun lebih ataupun kalau rendah pun sedikit sangat. Jadi, dengan perbekalan yang ada, dengan keprihatinan kita telah memberi sokongan kepada tenaga-tenaga kerjaya di pertengahan untuk membuat rumah-rumah kos rendah yang membolehkan mereka ini memiliki rumah sendiri bagi keselesaan asas untuk rakyat kita.

Saya rasa saya tidak hendak sentuh banyak kerana sudah terlalu banyak pandangan yang diberi, cuma saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Hanipah.

6.21 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan akta yang tersebut. Pertama sekali saya ingin menyentuh B.34 yang ada kaitannya dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Mengikut jadual yang ada, tujuan penambahan ini adalah melaksanakan kerja-kerja mencantikkan bandar. Jadi, saya mengharapkan pihak-pihak berkuasa majlis-majlis tempatan akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini dengan penuh bertanggungjawab supaya hasrat dan kehendak kerajaan akan dapat dicapai mengikut pelaksanaan penjadualan yang telah ditetapkan kerana pelaksanaan ini ada kaitan dengan jadual yang telah ditentukan oleh pihak kerajaan.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya memberi perhatian yang sepenuhnya supaya pelaksanaan kerja ini dapat disiapkan mengikut jadual. Saya memerhati banyak kerja-kerja yang telah dijadualkan tidak mengikut jadual kerja dan.....

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat minta laluan nampaknya.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya mohon sebab sebut tadi B.34, saya lihat di sini tidak ada B.34 - cuma pembetulan, mungkin! Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Maaf B.14 *[Ketawa]*. Terima kasih, saya juga akan mengambil perhatian kepada Ahli Yang Berhormat adakah masih bersedia untuk berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang kedua, saya juga ingin menyarankan supaya pihak-pihak berkuasa tempatan akan melaksanakan dengan tidak adanya pembaziran wang yang telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan. Kita takut bila pelaksanaan kerja ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna, banyak perkara yang akan dipertikaikan oleh pihak-pihak yang berkenaan, jadi saya mengharapkan pihak kerajaan akan mengambil perhatian supaya perkara-perkara ini akan diberi perhatian dan teguran-teguran pelaksanaan janganlah kita malu dan segan untuk menegur pihak-pihak berkuasa tempatan kalau penjadualan itu tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual kerana saya takut dan saya juga merasa tidak senang hati kerana kebanyakan pelaksanaan sekarang ini selalunya mendapat teguran daripada Perdana Menteri sendiri.

Umpamanya insiden dua, tiga hari di atas kebersihan bandar dan dua hari yang lepas Perdana Menteri juga telah menegur keadaan 'haze' yang berlaku di negara kita.

Seorang Ahli: Jerebu.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Jerebu dan ini menyebabkan pihak kementerian berkenaan barulah mengambil perhatian untuk mengadakan hubungan mencari dan menyelesaikan masalah ini dengan pihak Indonesia dan pada hari ini kita juga mendapat satu pandangan, satu teguran ataupun pandangan daripada pihak Perdana Menteri mengenai kedudukan kewangan di negara kita. Saya takut juga kalau perkara ini tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual, pada satu masa jangan-jangan Perdana Menteri juga akan membuat satu teguran. Ini menjadi satu cabaran kepada pihak-pihak yang telah diberi kepercayaan oleh pihak kerajaan untuk melaksanakan sesuatu kehendak atau cita-cita kerajaan. Inilah harapan saya supaya kerajaan patut berwaspada supaya sesuatu yang dijadualkan akan dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Yang kedua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah tujuh pihak berkuasa tempatan yang akan terlibat dengan kerja-kerja mencantikkan bandar. Saya menyoal ini kerana saya difahamkan Langkawi juga akan terlibat dengan Sukan Komanwel, adakah Majlis Tempatan Kuah di Langkawi juga termasuk dalam senarai tujuh yang tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memasukkan sedikit perkara berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan. Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali ada menimbulkan suasana Lapangan Terbang Kota Bharu. Saya ingin juga mengemukakan satu persoalan. Saya difahamkan pihak Kerajaan Negeri Perlis juga ada mengemukakan cadangan kepada pihak kerajaan supaya sebuah lapangan terbang akan dapat dilaksanakan di negeri Perlis. Apakah pandangan kerajaan terhadap perkara ini kerana saya mempersoalkan terhadap satu cadangan baru untuk mengadakan lapangan terbang wilayah di sebelah utara. Adakah ini akan sedikit terbabit dengan rancangan atau pembangunan Kerajaan Negeri Perlis untuk mengadakan sebuah lapangan terbang di sana?

Itulah sahaja dan saya harap pihak-pihak yang berkenaan akan dapat melaksanakan semua kehendak-kehendak yang telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Sairin.

6.27 ptg.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bangun untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997 dan melihat kepada apa yang dibahaskan hari ini saya tertarik bila Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali menyebut tentang pemimpin kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di mana beliau bercuti tetapi tidak bercuti, maknanya bercuti sambil bertugas.

Saya berterima kasih kerana pada 5 Julai, saya berserta dengan Yang Berhormat Datuk Saad bin Haji Man dan Yang Berhormat Tuan Abdillah Haji Abdul Rahim berkesempatan bersama dengan beliau ke Lubnan, Beirut bermula daripada 5hb. hingga 9hb. Julai. Orang cakap barangkali ada yang tidak percaya tetapi ternyata bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri betul-betul seorang pemimpin yang bukan sahaja cakupnya boleh kita ikut tetapi ternyata memang tepat apa yang beliau nyatakan “Kepimpinan Melalui Teladan”.

Kenapa saya nyatakan begini sebab kita tinggal di Hotel Bristol, Beirut. Kita dikejutkan atau bersedia jam 8.30 pagi. Acara bermula jam 9.00 dan hanya berhenti pada jam 11.30 malam. Bayangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan usia beliau yang kalau dibandingkan dengan saya, barangkali sebagai anak, dengan umur yang begitu lanjut tetapi tenaga beliau luar biasa - hanya berhenti untuk solat.

Saya teringat satu tempat yang dipanggil Gorotto. Gorotto sebuah gua batu yang panjangnya 9 kilometer dan kalau tidak silap saya panjang yang telah disiapkan lebih kurang hampir-hampir 4 kilometer. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan Dato’ Seri Ling Liong Sik, Dato’ Seri Samy Vellu dan beberapa MP berjalan kaki bersama dengan Gabenor Lubnan tanpa henti-henti, berjalan dan berjalan dan berjalan, non-stop, dengan izin, sehingga sampai ke tempat yang hanya had itu sahaja boleh berjalan kaki, kemudian balik daripada tempat itu menonton - tempat itu saya rasa adalah antara tempat yang terindah di dunia. Lain daripada itu kita melawat di tempat-tempat tinggalan sejarah yang umurnya sudah lebih daripada 3,000 tahun, 5,000 tahun dan sebagainya. Diringkaskan cerita kita adakan perjumpaan di Sidon.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tiada kaitannya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Jualan Ubat dan Ubat Tiruan

6.30 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kesihatan adalah kekayaan. Ubat adalah alat kesihatan sepertimana penukul alat bagi tukang kayu. Tanpa ubat, diagnosis penyakit tidak akan bermakna. Pentingnya ubat yang betul bagi rawatan tidak dapat dinafikan, justeru itu pengakuan Kementerian Kesihatan yang mengatakan bahawa terdapatnya 1% daripada ubat yang terdapat di pasaran adalah ubat tiruan yang menyangkal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang mengatakan bahawa ubat tiruan yang ada terdapat di pasaran ataupun boleh diperolehi oleh pengguna ialah sebanyak 40%, sepatutnya tidak menjadi satu kenyataan kerana ubat tiruan sepatutnya tidak ada di dalam pasaran, sepatutnya tidak ada yang boleh diperolehi oleh pengguna sama sekali. Sepatutnya ianya merupakan zero percent, dengan izin, tidak ada di dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya menganggapkan isu ubat tiruan ini dan cara penjualan ubat dan peraturan jualan ubat di pasaran yang di bawah kawalan Kementerian Kesihatan ini sebagai satu perkara yang serius dan isu yang perlu diberi penuh keprihatinan kerana tidak dapat dinafikan bahawa yang menjadi mangsa kepada mereka yang akan mengambil ubat tiruan ini semestinya ialah orang-orang miskin yang mempunyai pendapatan yang kurang dan mereka yang selalunya juga merupakan yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan tentang ubat.

Jikalau dibenarkan kedai-kedai runcit atau kedai-kedai kopi menjual ubat-ubat yang sering digunakan seperti Panadol, Vicks dan sebagainya, dan mereka ini menjual pastinya juga merupakan kedai-kedai yang terdapat di kampung-kampung, maka tidak dapat tidak yang menjadi mangsa ialah mereka yang - sekali lagi saya sebutkan - miskin dan daif, tetapi memerlukan ubat. Kerana ubat macam manapun manusia itu tentunya akan sakit, kalau tidak emak dan bapanya, tentu sekali anaknya.

Jadi, jikalau mereka ini tidak diberi pembelaan, tidak ada kawalan yang lebih ketat sama ada daripada Kementerian Kesihatan ataupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna, pastinya kita sebagai kerajaan, kita sebagai wakil rakyat, kita yang telah diberi amanah untuk menjaga kebajikan mereka telah gagal, kerana kita mempunyai kemampuan untuk mengambil tindakan yang tegas untuk memastikan bahawa kesihatan rakyat kalau kita tidak memberikan khidmat kesihatan itu secara langsung kepada mereka, sekurang-kurangnya kita mengawal pasaran ubat-ubat yang boleh didapati dan diperolehi oleh rakyat.

Saya sangat prihatin kepada perkara ini kerana saya melihat bahawa orang kampung atau orang di luar bandar dan juga orang di bandar yang miskin apabila mereka sakit adalah di dalam keadaan yang sangat vulnerable, dengan izin. Orang yang sakit tidak akan mengambil kira sama ada dia ada duit ataupun tidak ada duit, dia perlukan ubat. Bila memerlukan ubat, kadangkala kita dapati orang akan bersusah payah menggunakan apa sahaja unsur kewangan yang dia ada untuk mendapatkan ubat, untuk mendapatkan relief, dengan izin, daripada penyakit yang mungkin dihindangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar pihak kementerian memberi perhatian untuk mengkaji semula jikalau ada undang-undang yang mempunyai kelemahan-kelemahan yang dapat dikawal agar terutamanya saya ingin menyarankan ubat-ubat yang selalu dijual dan selalu digunakan oleh orang-orang yang memerlukan untuk mengurangkan kesakitan mereka, contohnya Panadol. Perlulah dilihat bahawa undang-undang yang ada itu dapat mengawal penjualan ubat-ubat yang berkaitan.

Saya juga ingin menyarankan bahawa pihak kementerian melihat semula juga peraturan-peraturan yang ada mengenai penjualan ubat dan seterusnya meningkatkan penguatkuasaan pihak kementerian bagi mengawal penjualan ubat-ubat tiruan. Perlu juga pihak kementerian dengan kerjasama mungkin pihak swasta ataupun memikirkan apa cara sekalipun, mempertingkatkan pengetahuan dan ilmu tentang ubat-ubatan kerana kita tahu bahawa di negara ini memang kurang kita mendapat apa-apa maklumat dan pengetahuan tentang ubat. Dan pada masa yang sama, ubat begitu banyak sekali yang kita boleh perolehi sama ada jualan secara langsung, contohnya vitamin-vitamin ataupun ubat-ubat yang dikatakan untuk menyegarkan, memberikan balik, memulihkan semangat dan sebagainya begitu banyak, sama ada secara herbal dan sebagainya. Tetapi kita kurang pasti sama ada ubat-ubat itu benar-benar akan memberi manfaat ataupun hanya kalau bagi mereka yang berada, menghabiskan wang mereka sahaja.

Seterusnya, saya mencadangkan juga bahawa pihak kementerian dapat memberi peranan yang sewajarnya kepada ahli-ahli farmasi untuk sama-sama bekerjasama dengan kementerian dan kerajaan untuk menghebahkan dan memberikan maklumat kepada rakyat tentang penggunaan ubat kerana

dengan adanya ahli-ahli farmasi sama-sama bergabung tenaga dapatlah fakta-fakta mengenai ubat dan pilihan-pilihan untuk ubat yang boleh diperolehi oleh pesakit, kerana dengan adanya pilihan, saya percaya juga kos untuk ubat-ubatan juga akan dapat dikurangkan.

Saya juga mencadangkan, memandangkan perkara ini perlu diberi perhatian yang serius, satu jawatankuasa diwujudkan untuk mengkaji situasi kini dan untuk memastikan ubat-ubat yang terdapat di pasaran mempunyai kawalan yang lebih ketat, kerana kita tahu juga negara-negara Barat banyak menjadikan negara ini sebagai dumping ground, dengan izin, bagi ubat-ubat yang mungkin tidak lagi boleh digunakan di negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengarah kepada satu era pembangunan negara yang kita gelar bertahap membangun dan perlulah apabila negara itu ke tahap yang membangun, rakyatnya juga mempunyai ilmu yang juga ke tahap yang membangun. Tidak lagi merupakan rakyat yang begitu daif dalam ilmu kesihatan, ilmu ubatan, sehingga mereka sendiri menjadi mangsa ubat-ubatan yang mereka ambil. Dan juga kita tidak mahu negara ini mempunyai satu sistem kesihatan yang merupakan sistem yang bukannya menolong, tetapi tidak memberikan keihlanan dan perikemanusiaan kepada mereka yang sangat memerlukan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nampaknya.....

Puan Kamilia binti Ibrahim:.....iaitu kepada mereka yang sakit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

6.40 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah menetapkan beberapa dasar penting terhadap ubat-ubatan yang dijual di pasaran. Dasar-dasar berkenaan adalah ubat-ubatan yang dijual atau dibekal mestilah yang berkualiti, selamat dan berkesan.

Bagi ubat-ubatan yang beracun dijadualkan di bawah Akta Racun 1952 atau berpotensi disalahgunakan atau yang digunakan untuk rawatan penyakit yang serius. Penjualannya ada dihadkan kepada doktor-doktor perubatan dan pergigian serta ahli-ahli farmasi yang berlesen.

Bagi ubat-ubat yang tidak berbahaya atau yang boleh digunakan untuk pengubatan sendiri, penjualannya tidak dikawal. Orang ramai boleh membeli ubat-ubat ini dari mana-mana kedai termasuk

pasar raya dan kedai runcit. Dasar-dasar ini adalah termaktub di dalam lima undang-undang berkaitan dengan ubat.

Kementerian Kesihatan mengeluarkan beberapa permit atau lesen jualan ubat dengan kuasa-kuasa diberikan oleh undang-undang tersebut di atas. Penguasa-penguasa industri ubat perlu mohon lesen pendaftaran untuk setiap ubat yang dikilangkan atau yang diimport untuk memasarkan ubat berkenaan. Lesen pengilangan ubat dikeluarkan kepada pengilang-pengilang ubat yang mencapai taraf keperluan amalan perkilangan baik atau good manufacturing practise untuk mengilang dan menjual ubat-ubat berdaftar. Lesen mengimport ubat dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha ubat yang membolehkan mereka mengimport dan menjual ubat-ubatan berdaftar dan lesen pemborong ubat dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha untuk membolehkan mereka berniaga secara borong ubat-ubat berdaftar.

Penjualan ubat tiruan adalah satu kesalahan di bawa Akta Jualan Dadah 1952. Penalti ini adalah denda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kajian telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan melalui diskusi dengan beberapa badan yang mewakili sektor swasta, umpamanya Malaysian Pharmaceutical Trade and Manufacturing Association of Malaysia yang mewakili penjualan 80% daripada semua ubat-ubatan yang dijual di Malaysia dan dengan Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industry (MOPI) yang menguasai mungkin saki-baki daripada peratusan yang saya sebutkan tadi. Daripada perbincangan kami dengan mereka, mereka memberitahu Kementerian Kesihatan iaitu ubat-ubat palsu yang dijual di Malaysia adalah dalam tahap yang rendah, adalah kurang dari 1%, bukan 40%. Manakala bilangan produk yang ditiru merupakan 0.18% hingga 0.27% iaitu produk-produk yang ditiru adalah di dalam paras yang terkawal.

Ubat-ubat yang ditiru adalah ubat-ubat paten dan jenama yang telah dikeluarkan oleh Malaysian Pharmaceutical Trade and Manufacturers Association. Oleh kerana itu, mereka mempunyai kepentingan dalam perkara ini dan mereka kata kepada kementerian iaitu daripada 25,000 premis yang menjual ubat di negara kita termasuk farmasi, kedai runcit, gerai-gerai, pasar raya, kedai ubat Cina dan lain-lain menunjukkan hanya 230 premis terlibat dalam jualan ubat tiruan. Ini membayangkan hanya sebanyak 0.92 premis menjual ubat dalam negara ini terlibat dalam jualan ubat tiruan. Premis-premis ini biasanya adalah kedai-kedai atau gerai-gerai yang kecil yang digelarkan oleh pihak industri sebagai holes in the wall. Ini saya memberitahu di sini, kementerian saya mengambil tindakan sebab kedai-kedai ini ada di dalam estet, kampung dan lain-lain tempat. Inilah yang menjadi masalah. Oleh itu, satu pasukan dari kementerian saya memang mengambil beberapa tindakan bagi mengurangkan ubat-ubat di tempat itu, baik yang berjenama ataupun bukan tiruan.

Pihak Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industry yang banyak mengeluarkan ubat-ubat generik di negara kita menyatakan kepada Kementerian Kesihatan oleh kerana ubat-ubat generik

pada umumnya adalah ubat yang murah, ia bukan ubat paten atau jenama di mana harganya amat tinggi dan kos rendah. Oleh kerana kos rendah, ia tidak mempunyai masalah tiruan, oleh kerana not worth it for the peniru untuk meniru ubat-ubat generik. Undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi untuk menangani masalah penjualan ubat tiruan. Kementerian Kesihatan telah menjalankan serbuan ke atas 15 premis termasuk kilang-kilang dan pusat pengedaran ubat haram dalam tempoh tahun 1991 hingga 1997. Ubat-ubat haram yang tidak berdaftar dan juga ubat mengandungi racun-racun berjadual bernilai RM1.2 juta dirampaskan.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memastikan ubat-ubat dalam pasaran adalah selamat, berkualiti dan berkesan termasuk pendaftaran semua ubat termasuk ubat-ubat tradisional, meluluskan dan meningkatkan market civilian, ubat-ubat secara routine. Unit-unit penguatkuasaan farmasi di peringkat negeri akan meningkatkan pengawasan ke atas ubat-ubat tiruan, khususnya jenama-jenama yang paling laris dan menarik. Sekian, terima kasih.

Calon Bebas Bertanding Di Dalam Pilihan Raya

6.47 ptg.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Jabatan Perdana Menteri mengenai calon-calon bebas yang sering bertanding dalam pilihan raya umum dan pilihan raya kecil di negara ini yang perlu diberi penilaian semula mengenai penyertaan mereka dan sekaligus menilai semula mengenai syarat dan peraturan penyertaan calon bebas untuk bertanding supaya demokrasi tidak disalahgunakan.

Sebagai sebuah negara demokrasi, Malaysia mengadakan pilihan raya untuk menentukan siapakah yang lebih berhak memimpin, kerana kuasa undi rakyat adalah penentu mutlak hak tersebut. Demokrasi juga membolehkan sesiapa sahaja bertanding di dalam pilihan raya dengan syarat ia memenuhi segala peraturan yang telah ditetapkan sebagai calon. Mungkin kerana alasan-alasan itulah dalam satu kes tadi, dengan izin, seorang calon Bebas, Apalassy a/l Jetalchia, 39 tahun sanggup bertanding dalam pilihan raya baik pilihan raya umum mahupun pilihan raya kecil sejak 1990. Malahan apabila beliau membuat keputusan bertanding dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Meleket, menentang calon Barisan Nasional, Nawi Ahmad, kita seakan terpanggil untuk

mengetahui dengan lebih lanjut mengenai calon Bebas ini yang begitu berminat bertanding dalam pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes ini jika dilihat dari segi sejarah dan latar belakang Apalatomy, iaitu beliau bolehlah dikatakan semacam seorang peniaga dalam pilihan raya sejak 1990 dan rekodnya tidaklah segemilang mana. Tetapi kekerapannya menyertai pilihan raya dalam tempoh tersebut sehingga sekarang, tentulah telah menjadikan ia merupakan kes pertama yang dikesan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Menurut, SPR inilah kali pertama pihak SPR mendapati seorang calon Bebas mendaftar untuk bertanding beberapa kali di berlainan kawasan. Apalatomy sebelum ini dikatakan pernah bertanding dalam Pilihanraya Umum 1990 atas tiket DAP di Tanah Rata, tetapi tewas kepada calon BN, Dato' Lau Kee Leong. Pada Pilihanraya Umum 1995 Apalatomy menggunakan tiket DAP sekali lagi bertanding di Cameron Highlands, tetapi tewas kepada calon BN. Dia juga turut aktif untuk bertanding dalam pilihan raya kecil pada Mei 1996, beliau mendaftar untuk bertanding dalam pilihan raya Bukit Asahan sebagai calon Bebas, tetapi menarik diri apabila penamaan calon diadakan semula selepas calon PAS, Abdullah Lazim meninggal dunia pada 28 Mei 1996.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada minta laluan.

Dato' Ahmad bin Ismail: Ucapan Penangguhan....

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak boleh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: 'Apalah-Samy'.

Dato' Ahmad bin Ismail: Dia Apalatomy. *[Ketawa]* Okaylah saya hendak ambil masa.

Selain itu, menurut rekod, Apalatomy juga pernah berdaftar sebagai calon Bebas bagi pilihan raya kecil di Lipis, Pahang dan di Kuala Selangor baru-baru ini, tetapi menarik diri. Yang menariknya, Tuan Yang di-Pertua, calon Bebas ini begitu berminat untuk bertanding dalam pilihan raya, tetapi kebanyakannya berakhir dengan penarikan diri. Menurut pemerhati politik, tindakan setengah calon daftar untuk bertanding dalam satu-satu pilihan raya dan kemudian menarik diri, mungkin atas sebab-sebab kepentingan tertentu seperti dengan harapan calon tersebut mungkin boleh dibeli dengan jumlah harga tertentu untuk menarik diri. Kemungkinan ini tidak dinafikan oleh SPR sendiri.

Malahan menurut satu sumber mengatakan Apalatomy hanya menggunakan laporan polis mengenai kehilangan kad pengenalnya untuk mendaftar sebagai calon tempoh hari, cuba dinasihati

untuk menarik diri dalam pilihan raya tersebut, tetapi terlambat kerana permintaan tersebut dilakukan setelah tamat tempoh bantahan.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan calon Bebas ini bertanding dalam banyak pilihan raya tentunya telah membuat SPR harus mengkaji semula atau memperketatkan peraturan syarat-syarat bagi calon-calon yang ingin bertanding dalam pilihan raya bagi mengelakkan demokrasi negara ini tidak disalahgunakan oleh pihak tertentu untuk meraih keuntungan. Kemunculan calon Bebas ini pada pilihan raya Dewan Undangan Negeri kawasan Meleket pada 14 Jun lalu menimbulkan keraguan terhadap motif sebenar calon Bebas bertanding dalam pilihan raya di negara ini. Keghairahan calon-calon Bebas ini bertanding dalam pilihan raya sebahagiannya mungkin disebabkan kerana bayaran wang pertaruhan yang rendah dan tidak pernah berubah sejak 10 tahun lalu.

Bagi kerusi Parlimen, wang pertaruhannya hanyalah RM5,000 manakala Dewan Undangan Negeri ialah RM3,000. Wang pertaruhan yang mampu disediakan pada bila-bila masa oleh calon menyebabkan ramai yang ghairah untuk bertanding. Kajian menunjukkan bahawa terdapat calon-calon Bebas yang bertanding dalam pilihan raya tidak mempunyai visi yang jelas dan mereka tahu yang mereka akan kalah. Atas alasan selain kerana untuk menghidupkan demokrasi, sebahagian calon ini bukanlah benar-benar komited untuk bertanding, tetapi sekadar ingin untuk mencuba nasib ataupun berkemungkinan untuk mencari keuntungan dalam bentuk lain.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman pilihan raya kita telah membuktikan tidak ramai calon Bebas bersedia untuk menang, selain Dato' Shahril Abdul Samad yang menang atas tiket Bebas di Johor Bahru pada 1986 dan beberapa calon Bebas yang kebanyakannya dari Sarawak. Tidak banyak calon Bebas di Semenanjung Malaysia yang menang, sebaliknya ramai yang hilang wang pertaruhan. Sama ada disedari atau tidak keadaan ini sebenarnya telah mempersendakan proses demokrasi dan pilihan raya seolah-olah bukan sesuatu yang serius, tetapi telah dijadikan medan untuk mencuba nasib atau mengukur populariti, malah mungkin ada yang menjadikannya sebagai hobi.

Satu fakta yang tidak boleh dinafikan bahawa terdapat calon-calon yang bertanding bukan kerana ingin menjadi calon untuk membela nasib rakyat, tetapi calon-calon ini bertanding kerana sakit hati dan cemburu kepada parti dan calon lawan. Pada hemat saya, dengan menaikkan wang pertaruhan atau mengetatkan syarat calon, bukanlah bermakna kita membunuh demokrasi, tetapi sebaliknya memperkukuhkan demokrasi, iaitu dengan cara ia tidak mudah dipersendakan orang.

Tuan Yang di-Pertua, atas alasan ini saya menggesa Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya memikir dan mengambil langkah-langkah perlu dengan mengenakan syarat-syarat dan peraturan yang lebih munasabah kepada calon supaya mereka ini tidak sewenang-wenangnya mempergunakan demokrasi untuk kepentingan diri. Dan langkah-langkah perlu juga diambil supaya calon-calon tidak mempersenda dan memperdagangkan demokrasi dalam setiap pilihan raya. Saya juga ingin menggesa kementerian supaya mewujudkan syarat dan peraturan kalau boleh supaya calon-calon yang kalah lebih 3 ataupun 5 kali dalam pertandingan sama ada kerusi Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri, mereka tidak seharusnya dibenarkan bertanding lagi sama ada dalam kerusi Dewan Undangan Negeri mahupun Parlimen. Dan calon-calon yang dibenarkan bertanding untuk satu kerusi sahaja pada satu masa sama ada kerusi Dewan Undangan Negeri atau Parlimen.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah calon tidak dibenarkan bertanding dalam dua buah kerusi pada secara serentak. Kita semua sedar bahawa parti-parti pembangkang kebanyakannya mengamalkan cara in lantaran mereka ketandusan pemimpin. Pada hemat saya, sudah sampai masanya kementerian harus bertegas supaya syarat dan peraturan yang akan dibuat dan diperketatkan nanti akan menjamin supaya kesucian demokrasi tidak dinodai oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

6.54 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tuan Yang di-Pertua, sistem pemerintahan demokrasi rakyat yang berkeelayakan adalah diberi peluang untuk masuk bertanding dalam mana-mana pilihan raya, sama ada bertanding di atas nama parti-parti politik atau sebagai calon Bebas. Ketika Pilihanraya Umum negara pada 1986 terdapat seramai 76 orang bertanding atas tiket Bebas, 114 pada tahun 1990 dan 75 orang pada tahun 1995. Khusus Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah terdapat 39 bertanding atas tiket Bebas pada tahun 1986, 25 orang pada tahun 1990, dan 32 orang pada tahun 1994.

Angka-angka yang saya sebutkan ini menunjukkan bagaimana luasnya peluang yang telah dibuka kepada orang ramai untuk menjadi calon ketika pilihan raya walaupun mereka tidak mewakili mana-mana parti politik. Setakat ini kerajaan atau SPR tidak mempunyai bukti-bukti yang kukuh yang menunjukkan ada calon-calon Bebas yang menamakan diri untuk bertanding di dalam pilihan raya mempunyai tujuan atau motif tertentu ketika berbuat demikian. Kerajaan dan SPR sentiasa mengambil sikap bahawa calon-calon Bebas itu ketika menamakan diri bertanding di dalam pilihan raya

mempunyai niat yang jujur, iaitu untuk mengambil bahagian dalam proses demokrasi dan menawarkan diri untuk berkhidmat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan telah menetapkan syarat untuk bertanding di dalam pilihan raya. Di antara syarat-syarat kelayan itu ialah warganegara Malaysia, berumur lebih 21 tahun, tidak muflis, tidak disahkan sebagai orang yang tidak sempurna akal, tidak disabitkan dengan kesalahan dan seterusnya dihukum denda tidak kurang daripada RM2,000 atau penjara tidak kurang dari 1 tahun dan lain-lain. Selagi seorang itu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan ini, mereka boleh untuk masuk bertanding di dalam pilihan raya. Jika benar dakwaan Yang Berhormat bahawa ada di antara calon-calon Bebas yang motif atau niat yang tidak jujur ketika menamakan diri mereka untuk bertanding di dalam pilihan raya, maka ini adalah satu perkara yang amat mendukacitakan, dan ia tidak patut berlaku di negara yang maju dari segi ekonomi dan sosial seperti Malaysia.

Dalam masa yang sama, saya berpendapat rakyat Malaysia amnya dan pemilih khususnya adalah merupakan golongan yang cerdik dan matang dan mereka telah mampu untuk memilih antara calon-calon yang jujur dengan calon-calon yang mempunyai agenda tersendiri. Kita telah lihat dalam beberapa pilihan raya didapati calon Bebas sukar untuk menang dan ada di antara mereka telah hilang wang pertaruhan. Ini merupakan penghakiman yang telah dibuat oleh pemilih-pemilih.

Mengenai dengan dakwaan Yang Berhormat bahawa ada di antara calon-calon Bebas ini menawarkan diri untuk dibeli oleh pihak-pihak tertentu, saya tidak dapat mengesahkan perkara tersebut, kecuali dibuktikan dengan keterangan yang jelas.

'Apalah-Samy' [*Ketawa*] kalah dan hilang wang pertaruhan. Apalasy hanya dapat 128 undi sahaja. Mengenai kenaikan wang pertaruhan di peringkat pertandingan di Parlimen dan ADUN negeri, setakat ini SPR belum memutuskan sama ada perlu ataupun tidak. Tetapi bagi mereka yang ingin bertanding walaupun kita naikkan wang pertaruhan ini, dengan keadaan ekonomi sekarang yang baik, saya percaya mereka juga akan masuk bertanding dengan calon Bebas. Jadi, perkara ini akan dikaji oleh SPR apabila kita hendak meminda Akta Pilihanraya akan datang.

Saya percaya apabila perkara ini dapat dipinda, kita akan melaksanakan dari masa ke semasa. Bagi kita untuk menyekat terus supaya tidak ada calon Bebas yang bertanding memanglah tidak boleh, kerana ini akan tidak mengikut demokrasi sebagaimana yang kita kehendaki. Dan kalau kita lakukan perkara ini, maka pihak tertentu akan mengatakan bahawa negara kita Malaysia tidak mengamalkan prinsip demokrasi dan juga bertentangan dengan hak asasi manusia. Sebab itulah setakat ini kita tidak

mahu menyekat ataupun tidak membenarkan mana-mana orang yang layak untuk masuk bertanding, kita akan teruskan bagi mereka untuk masuk bertanding, terpulanglah kepada pemilih-pemilih yang membuat keputusan.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas keprihatinannya untuk memastikan sistem demokrasi di Malaysia tidak dipersendakan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.